

Jilid IV
Bil. 16



Hari Selasa
1hb April, 1986

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2405]

USUL-USUL:

Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990 [Ruangan 2466]

Akta Kastam 1967—

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 50) 1985;
 - (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 51) 1985;
 - (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 53) 1985;
 - (iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 54) 1985;
 - (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 55) 1985;
 - (vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 56) 1985;
 - (vii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 57) 1985;
 - (viii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 58) 1985;
 - (ix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 59) 1985;
 - (x) Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1986; dan
 - (xi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2) 1986
- } [Ruangan 2529]

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) 1985 [Ruangan 2539]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1985) [Ruangan 2534]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEEMPAT

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL**, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD**, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Kerjaraya, **DATO' S. SAMY VELLU**, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, **Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL**, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH**, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Perusahaan Utama, **DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG**, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK**, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, **DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ**, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD**, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, **DATUK SERI SANUSI BIN JUNID**, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, **DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Penerangan, **DATO' RAIS YATIM**, D.S.N.S. (Jelebu).

„ Menteri Kesihatan, **DATO' MAK HON KAM**, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM**, D.G.S.M. (Alor Gajah).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE**, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

- Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Menteri Buruh, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATUK ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULAIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ TAN SRI DATIN PADUKA HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, P.M.N., D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAHAROM BIN HAJI BAKAR (Padang Terap).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Renggam).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).

- Yang Berhormat TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH BIN AGUNDONG (Ulu Padas).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).

- Yang Berhormat TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ DATO MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ DATO DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).

- Yang Berhormat DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.
(Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik
Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir
Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEOW POH SAN (Petaling).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S.,
K.M.N. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberita-pemberita:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Selasa, 1hb April, 1986

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-
pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

PERKHIDMATAN TELEFON
DI SABAH

1. Tuan Mohd. Yusoff bin Haji Yakob minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar bahawa perkhidmatan atau perhubungan telefon di beberapa daerah di Sabah umpamanya di Putatan, Kota Kinabalu dan Weston, Beaufort adalah tidak memuaskan di mana seringkali terdapat beberapa gangguan dan juga suaranya tidak jelas dan di samping itu panggilan-panggilan berkenaan selalu terputus. Kalau sedar apakah tindakan Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Au How Cheong): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar bahawa perkhidmatan telefon di beberapa daerah di Sabah terutama sekali di tempat-tempat yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak memuaskan. Ini adalah disebabkan kekurangan litar-litar cawang (junction lines) yang mengakibatkan kesukaran membuat atau menerima

panggilan. Walau bagaimanapun Jabatan Telekom sedang membuat beberapa perubahan kepada ibusawat-ibusawat telefon di tempat-tempat berkenaan untuk memperbaiki perkhidmatan di kawasan-kawasan tersebut.

Tuan Mohd. Yusoff bin Haji Yakob: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Seperti diterangkan tadi bahawa Jabatan Telekom sedang membuat beberapa perubahan kepada ibusawat-ibusawat telefon di tempat-tempat berkenaan untuk diperbaiki perkhidmatan yang dimaksudkan. Saya ingin tahu dari Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos bilakah perubahan ibusawat-ibusawat ini dapat disiapkan. Saya bertanya sedemikian memandangkan bahawa kerosakan atau gangguan suara telefon di kawasan-kawasan berkenaan telah pun berlarutan begitu lama, lebih kurang 4 atau 5 tahun.

Kedua, saya ingin tahu berapa banyakkah talian yang akan ditambah di dalam pelaksanaan perubahan di ibusawat-ibusawat yang berkenaan? Yang ketiga, saya ingin tahu daripada Setiausaha Parlimen yang berkenaan adakah beliau sedar bahawa setiap ada kerosakan telefon yang berlaku di daerah tersebut, kakitangan Jabatan Telekom selalu mengambil masa yang begitu lama untuk datang membaikinya. Kalau sedar, apakah tindakan Kementerian untuk mengatasi masalah ini memandangkan penggunaan sebuah telefon itu adalah sangat penting di dalam kehidupan

kita seharian terutama sekali di dalam pentadbiran dan urusniaga.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, atas kesedaran kesukaran yang dihadapi oleh rakyat di kawasan-kawasan tersebut di atas, pihak Telekom telah merancang supaya menambah sebanyak 5,000 talian bagi ibusawat Putatan. Buat masa ini Putatan hanya mempunyai 1,000 talian sahaja dengan jumlah pelanggannya 837 orang dan mempunyai penunggu seramai 2,069 orang. Bagi ibusawat Beaufort pula, buat masa sekarang keupayaannya ialah 1,000 talian sahaja dan mempunyai 689 pelanggan dan penunggu seramai 387 orang. Ibusawat ini akan digantikan dengan sebuah ibusawat baru iaitu yang mempunyai keupayaan 2,000 talian dan kerja ini pun sedang dilaksanakan dan adalah dijangka siap pada tahun ini juga.

Bagi ibusawat Weston pula, setakat ini kita hanya mempunyai satu ibusawat yang amat tua ataupun lama iaitu mengandungi 100 talian sahaja. Ibusawat ini akan digantikan dengan sebuah ibusawat baru iaitu dengan muatan 400 talian dan projek ini akan disiapkan pada tahun hadapan iaitu lebih kurang bulan Julai 1987. Ini menunjukkan langkah-langkah tertentu telah diambil untuk memperbaiki perkhidmatan telefon di kawasan-kawasan yang disebutkan tadi.

Mengenai kerosakan-kerosakan yang dihadapi itu, memang ada kadangkala pihak Telekom menghadapi masalah untuk mendapat tahu dahulu tempat-tempat kerosakan yang telah berlaku, kemudiannya baharu kita dapat memperbaikinya. Oleh kerana kedudukan terhadap setiap kerosakan itu adalah berlainan, adalah amat sukar bagi saya membuat satu kenyataan bahawa berapa cepatnya kita dapat memperbaiki kerosakan yang ditemui itu.

Walau bagaimanapun, saya percaya pihak Telekom pun berusaha sedaya upaya supaya memperbaiki segala kerosakan yang dihadapi dengan secepat mungkin.

PERHUBUNGAN/KERJASAMA MALAYSIA-SINGAPURA

2. Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah jenis perhubungan perdagangan dan jenis-jenis kebajikan yang sedang berjalan di antara negara kita Malaysia dengan Kerajaan Singapura sehingga hari ini. Dan sepanjang perhubungan tersebut adakah menguntungkan negara kita atau sebaliknya; dan
- (b) memandangkan tindakan-tindakan yang kurang baik dilakukan oleh Kerajaan Singapura terhadap Malaysia baru-baru ini, adakah pihak Kerajaan Malaysia bercadang untuk mengkaji semula perjanjian-perjanjian yang telah dibuat di antara kedua negara.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Hubungan serta kerjasama di antara Malaysia dengan Singapura adalah rapat memandangkan kita adalah negara berjiran serta anggota ASEAN. Sebagaimana kita sedia maklum, bidang kerjasama serta hubungan ini merangkumi semua aspek termasuk ekonomi dan sosial. Kita memang menghargai hubungan ini dan matlamat kita adalah agar berikhtiar sepanjang masa supaya segala

kerjasama ini akan dapat menguntungkan kedua-dua pihak.

- (b) Sebagai sebuah negara yang menghargai hubungan baik dengan semua negara-negara lain dalam dunia ini, lebih-lebih lagi dengan negara-negara jiran tetangga kita, maka Malaysia sentiasa akan berwaspada dan akan mengelakkan dari tindak-tanduk ataupun kata-kata yang akan menjejaskan matlamat ini. Dengan itu kita juga berharap agar semangat yang sama dapat ditunjukkan oleh negara-negara lain juga terhadap kita. Sungguhpun kita telah menghadapi berbagai-bagai masalah dari Singapura sejak akhir-akhir ini, kita telah dan sedang berikhtiar memperbaiki keadaan ini supaya hubungan baik kita dengan negara itu akan berterusan seperti sediakala.

Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu perbuatan buruk sangka yang telah dibangkitkan oleh Timbalan Perdana Menteri Singapura kepada Kerajaan Malaysia iaitu di dalam memberikan kota keanggotaan Kabinet dalam Kerajaan kita. Sejauh manakah penerangan-penerangan yang telah diberikan oleh pihak Kerajaan Malaysia kepada Kerajaan Singapura kedudukan yang sebenar sehingga ditimbulkan sangkaan yang tidak betul oleh Kerajaan Singapura telah diterangkan oleh Kerajaan Malaysia kepada Kerajaan Singapura. Penerangan yang telah diberikan, bagaimanakah sambutan yang telah diberikan oleh Kerajaan Singapura dan adakah ini telah dapat membersihkan semula sangkaan buruk yang telah ditimbulkan oleh mereka.

Dato Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, agaknya apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat ialah mengenai kenyataan yang dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri. Kita telah pun menjelaskan dengan berbagai-bagai cara bahawa MCA adalah rakan bersama dalam Kerajaan Barisan Nasional dan dalam Kerajaan Barisan itu semua anggota-anggota komponen Barisan Nasional adalah bertaraf sama dalam Kerajaan kita. Saya rasa perkara ini telah pun disampaikan kepada pihak Kerajaan Singapura dan pihak Kerajaan Singapura telah pun menyatakan bahawa apa yang dimaksudkan oleh Timbalan Perdana Menteri beliau itu tidaklah bercadang untuk memperkecilkan pihak rakan kita dalam Kerajaan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana sangat nyata apa yang disebut mengenai tindakan-tindakan yang kurang baik dilakukan oleh Kerajaan Singapura terhadap Malaysia yang dalam soalan ialah mengenai penangkapan Presiden MCA oleh pihak-pihak yang berkenaan di Singapura atas perkara Pan El, CBT dan lain-lain; adakah Kerajaan menganggap penangkapan Presiden MCA sebagai satu tindakan yang bermusuhan atau tidak baik, atau unfriendly, dengan izin, kepada Malaysia?

Kedua, mengenai kenyataan Timbalan Perdana Menteri Singapura dan nota protes yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia terhadap Kerajaan Singapura, bukankah benar bahawa apa yang dikatakan oleh Timbalan Perdana Menteri bahawa MCA dalam Barisan Nasional tidak ada tarafnya, tidak ada kedudukan sebenarnya benar sungguhpun tidak patut dikatakan oleh Kerajaan-kerajaan yang lain dan sungguhpun begitu oleh kerana ada demonstrasi-demonstrasi atau protes-protes dibuat oleh MCA

mahu boikot barangan-barangan Singapura, mahu potong bekalan air, itulah sudah satu response dan satu nota protes merupakan satu over-reaction di mana perhubungan luar negeri diperalatkan untuk tujuan-tujuan politik parti-parti komponen dalam Barisan Nasional.

Ketiga, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri menganggap Singapura sebagai satu negara yang cuba sabotaj atau merosakkan usaha untuk memupuk atau membangun negara dalam ucapannya baru-baru ini diterbitkan dalam suratkhbar oleh kerana inilah saya ada dengar beliau mengatakan dan adakah beliau menganggap Singapura oleh kerana instance ini sebagai satu contoh di mana Singapura cuba merosakkan ikhtiar-ikhtiar negara Malaysia, masyarakat Malaysia untuk membangun negara.

Dato Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, ada tiga soalan dari Ahli Yang Berhormat. Pertamanya mengenai penangkapan Encik Tan Koon Swan, saya ingin menyatakan dan menegaskan di sini bahawa apa yang sesebuah negara merdeka membuat mengikut undang-undangnya, adalah hak mereka dan kita tidak mahu campurtangan dalam hak itu.

Keduanya mengenai kenyataan Timbalan Perdana Menteri Singapura, ingin saya menegaskan bahawa MCA adalah suatu rakan yang dihormati dalam Kerajaan Barisan Nasional dan sebuah anggota rakan kita yang memang efektif dan memang berjaya dan berkesan sekali untuk mewakili masyarakat Cina dalam Malaysia. Cuma ada bezanya, Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab sebagai rakan-rakan komponen dalam Barisan Nasional, kita memperjuangkan sesuatu dengan cara bermuafakat dan bermesyuarah dan bukan dalam

akhbar untuk mendapat "cheap publicity". Mungkin ini ada sedikit sebanyak constraints sebagai ahli komponen Barisan Nasional kerana tidak dapat heboh-hebohkan perjuangan mereka dalam akhbar tetapi itu bukan bermakna bahawa mereka tidak berkesan dan efektif dalam mewakili kaum-kaum yang mereka wakili.

Tentang perkara yang ketiga, saya menyatakan ada beberapa negara dalam dunia ini yang sedikit sebanyak menjalankan kegiatan-kegiatan yang kita rasa tidak senang. Saya tidak mahulah menyatakan negara mana yang saya maksudkan, tetapi sudah tentulah negara yang berkenaan, iaitu "siapa yang makan cili, sudah tentu akan terasa pedasnya."

PENCARUM PERKESO

3. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Buruh menyatakan:

- (a) jumlah bilangan pencarum PERKESO dan jumlah amaun caruman-caruman diterima sehingga 28-2-1986 sejak penubuhannya dalam tahun 1971;
- (b) jumlah amaun caruman yang dikutip dalam tahun 1982, 1983, 1984 dan 1985 dan jumlah amaun yang dibayar sebagai faedah untuk ahli-ahli dalam tahun yang tersebut di atas; dan
- (c) sama ada Kementerian sedar bahawa kadar bayaran menerusi PERKESO sangat kecil jika dibandingkan dengan jumlah besar caruman yang dibayar kepada PERKESO setiap tahun. Jika sedar, sama ada lebih banyak faedah akan diperkenalkan, jika ada, apakah dia. Nyatakan juga sama ada Kerajaan bercadang meninggikan kadar bayaran

faedah PERKESO me-
mandangkan caruman yang
besar diterima setiap tahun.

Timbalan Menteri Buruh (Datuk William Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (a), jumlah bilangan pencarum kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) setakat 28hb Februari, 1986 adalah seramai 2,944,239 orang dan jumlah caruman yang telah diterima sehingga tarikh yang sama adalah sebanyak \$766,876,707.

(b) Jumlah caruman yang telah dipungut dan jumlah faedah yang telah dibayar kepada orang-orang berinsurans serta tanggungan mereka dalam tahun 1982, 1983, 1984 dan 1985 adalah seperti berikut:

Tahun	Caruman diterima	Faedah dibayar
1982	\$ 93,343,291	\$10,477,693
1983	\$ 99,032,835	\$15,396,931
1984	\$105,818,058	\$18,248,807
1985	\$123,375,158	\$23,626,059
	(Belum diaudit)	(Belum diaudit)

Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan (c), untuk makluman Dewan yang mulia ini, PERKESO sentiasa menumpukan perhatian dan mengambil berat tentang kebajikan orang-orang berinsurans serta tanggungan mereka. Atas sebab itulah dari masa ke semasa, PERKESO membuat kajian untuk memperbaiki lagi Skim-skim Keselamatan Sosial dan di mana perlu pindaan-pindaan yang sewajarnya kepada Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969 dipraktikkan.

Selaras dengan itu, kadar faedah hilangupaya sementara atau kadar faedah hilangupaya kekal telah dinaikkan dari 60% kepada 70% dari gaji purata bulanan anggapan. Kadar

sebanyak 70% ini adalah lebih tinggi daripada kadar yang telah disyorkan dalam Konvensyen 121 Pertubuhan Buruh Antarabangsa iaitu sebanyak 60% dari gaji purata bulanan. Mulai dari 1hb Januari, 1985 kadar harian minima faedah hilangupaya sementara atau faedah hilangupaya langsung yang kekal telah dinaikkan dari \$2.50 kepada \$8.00. Kadar ini adalah berdasarkan kepada gaji bulanan purata pekerja sebanyak \$342.66 sen dan telah berkuatkuasa melalui Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1984. Kadar harian minima ini telah juga diperluaskan kepada kes-kes bayaran berkala faedah hilangupaya kekal atau faedah orang tanggungan yang masih dalam bayaran pada 1hb Januari, 1985. Satu lagi faedah baru yang dinamakan Pencen Penakat telah juga diperkenalkan mulai 1hb Januari, 1985 tanpa apa-apa tambahan kepada kadar caruman.

Selain dari itu, PERKESO juga menyelaraskan dari masa ke semasa kadar pembayaran pencen yang sedia ada dengan mengambil kira kos saraan hidup dan juga berdasarkan kepada perakuan-perakuan yang dibuat oleh aktuari. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, satu lagi penyelarasan kepada kadar pembayaran pencen akan dibuat tidak berapa lama lagi. Penyelarasan ini akan mengambil kira kenaikan kos saraan hidup dalam tahun 1982 hingga 1984.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya kenaikan-kenaikan yang telah saya sebutkan tadi, maka ini jelas menunjukkan bahawa kadar-kadar faedah pertubuhan Keselamatan Sosial adalah tidak rendah. Dalam pada itu, Kerajaan sentiasa mengulangkaji kadar-kadar bayaran serta kemudahan-kemudahan bagi orang-orang berinsurans di bawah Skim-skim PERKESO dan akan juga meneliti aktiviti-aktiviti PERKESO yang lain supaya semuanya akan dapat

diperbaiki dan dipertingkatkan lagi selaras dengan keperluan semasa.

**PELAJAR PELAJAR ASING
DI UNIVERSITI-UNIVERSITI
MALAYSIA**

4. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa ramaikah pelajar-pelajar dari negara asing sedang menuntut di Malaysia dan adakah di antara mereka yang dibiayai oleh Kerajaan Malaysia, dan sama ada mereka yang berkelulusan di mana-mana Universiti di Malaysia boleh bekerja dan memegang apa-apa jawatan di Malaysia.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah didapati kurang dari 1% pelajar-pelajar asing yang menuntut di dalam berbagai bidang di Pusat Pengajian Tinggi tempatan di Malaysia ini. Pelajar-pelajar berkenaan adalah dianjurkan oleh Kerajaan mereka masing-masing.

Berkenaan dengan soal sama ada mereka boleh bekerja atau memegang apa-apa jawatan di Malaysia adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan bagi pengambilan pekerja-pekerja asing.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri, jawatan-jawatan yang boleh kita terima pelajar-pelajar yang berkelulusan di Malaysia, adakah jawatan dalam Kerajaan ataupun dalam swasta ataupun keseluruhannya?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya kata tadi bahawa sama ada kita menerima atau tidak bergantung kepada syarat-syarat yang dikenakan oleh Kerajaan kita

berasaskan kepada syarat-syarat pengambilan pekerja-pekerja asing. Jadi, ini bermakna bahawa ini merangkumi keseluruhannya sama ada dengan pihak Kerajaan ataupun pihak swasta.

**RAKYAT MALAYSIA
MELANCONG KELUAR NEGERI**

5. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (i) berapa ramai rakyat Malaysia melancong ke luar negeri di mana destinasi-destinasi utama dan berapa dianggarkan perbelanjaan mereka;
- (ii) berapa pelancong-pelancong ke Malaysia, dari mana utamanya, dan berapa hasil kepada negara; dan
- (iii) bagaimana dan sekatan mana hasil/faedah kepada negara daripada Persidangan PATA 1986 nanti.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah rakyat Semenanjung Malaysia yang melancong ke luar negeri dalam tahun 1984 adalah seramai 1,928,969 orang, manakala bagi tahun 1985 pula ialah seramai 1,836,752 orang. Angka-angka ini tidak termasuk rakyat Malaysia yang mengunjungi Singapura melalui jalanraya di Tambak Johor yang mana pada tahun 1985 ianya berjumlah 6,597,375 orang, sebahagian besar darinya merupakan, day trippers, dengan izin. Destinasi-destinasi yang dilawati oleh rakyat Malaysia ialah Singapura, negeri Thai, Hong Kong, Taiwan, Jepun, Australia dan negeri-negeri di Eropah. Perbelanjaan yang dibuat oleh rakyat Malaysia yang melancong ke luar

negeri dalam tahun 1984 dianggarkan sebanyak \$445 juta.

Dari segi ketibaan pula, seramai 2,779,081 orang pelancong telah mengunjungi Semenanjung Malaysia pada tahun 1984. Angka bagi tahun 1985 belum lagi diperolehi. Negara-negara utama dari mana pelancong-pelancong ini datang ialah:

- (a) Rantau ASEAN yang menghasilkan sejumlah 2,174,419 orang pelancong dalam tahun 1984 dan sebahagian besarnya dari Singapura, Thailand dan Indonesia;
- (b) Jepun yang merupakan pasaran yang paling penting selepas ASEAN dan menyumbangkan sebanyak 4%; dan
- (c) Australia yang merupakan pasaran yang ketiga penting dan menyumbangkan sebanyak 2.7%. Ini diikuti oleh pasaran United Kingdom, India, Amerika Syarikat dan Hong Kong. Hasil pendapatan yang diperolehi daripada pelancong-pelancong yang mengunjungi Semenanjung Malaysia bagi tahun 1984 dianggarkan sebanyak M\$1,304.9 juta.

Mengenai bahagian ketiga, Tuan Yang di-Pertua, Persidangan PATA pada tahun 1986, akan memberi 2 faedah utama iaitu:

- (a) Bagi jangka masa pendek, Malaysia akan memperolehi pertambahan pendapatan tukaran matawang asing hasil dari perbelanjaan-perbelanjaan yang akan dibuat oleh kira-kira 2,300 orang para delegasi Persidangan Tahunan dan juga Pacific Travel Mart sama ada untuk pendaftaran, penginapan, keraian pembelian cenderamata dan sebagainya. Di samping itu, beberapa negara

anggota PATA iaitu negeri Jepun, Korea, Australia dan Singapura serta lain-lain organisasi yang menjadi ahli PATA juga akan mengadakan majlis-majlis keraian masing-masing di Kuala Lumpur sempena dengan persidangan yang sama. Kesemua ini akan menghasilkan tukaran matawang asing pada negara dan dianggarkan oleh pihak ibu pejabat PATA berjumlah kira-kira US\$2 juta ataupun hampir M\$5 juta.

- (b) Bagi jangka masa panjang pula, faedahnya ialah:
 - (i) Persidangan PATA merupakan satu-satunya persidangan yang sangat-sangat diminati oleh semua negara pelancongan. Pada biasanya Persidangan PATA dan PATA Travel Mart diadakan di tempat-tempat yang berasingan supaya lebih banyak negara mendapat faedah darinya. Walau bagaimanapun, dengan usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Kerajaan Malaysia, kali ini kita berjaya buat pertama kalinya mengadakan tiga aktiviti utama PATA secara serentak iaitu Persidangan Tahunan PATA, PATA Pacific Travel Mart, dan Trade Show di negara ini. Dengan adanya ketiga-tiga aktiviti ini di Malaysia, perhatian masyarakat pelancongan akan tertumpu ke Malaysia. Di samping itu, ia juga akan

menghasilkan publisiti-publisiti yang baik mengenai negara ini di pasaran-pasaran pelancongan terkemuka di luar negeri.

- (ii) Mengikuti jangkauan Persidangan PATA 1986 dan Pacific Travel Mart akan dihadiri oleh kira-kira 2,300 orang para delegasi termasuk wakil-wakil syarikat penerbangan, pengusaha-pengusaha pelancongan antarabangsa, hotel-hotel dan lain-lain pertubuhan pelancongan yang bergerak cergas dalam industri pelancongan di Rantau Pasifik. Kehadiran mereka itu di Malaysia dengan secara tidak langsung akan memberi peluang kepada negara untuk:

- (i) menonjolkan segala tarikan-tarikan dan potensi negara ini sebagai sebuah destinasi pelancongan dan pusat konvensyen di rantau ini;
- (ii) lebih menyakinkan mereka itu mengenai kemampuan, kebolehan dan keupayaan Malaysia dari segi menampung kemasukan lebih ramai pelancong dan peserta-peserta konvensyen ke negara ini.
- (iii) Persidangan PATA juga akan

meliputi PATA Pacific Travel Mar yang akan diadakan pada 9hb hingga 12hb April, 1986. Aktiviti ini adalah merupakan suatu pasaran perniagaan pelancongan yang penting di mana kira-kira 230 orang pengusaha pelancongan yang terkemuka dari seluruh dunia telah pun dijemput sebagai pembeli. Kehadiran pembeli tersebut di Malaysia akan memberikan peluang kepada pengusaha-pengusaha pelancongan dan hotel tempatan bagi mengadakan perundingan dan perjanjian perniagaan dengan mereka itu; dan

- (iv) Akhir sekali, tiap-tiap Persidangan PATA biasanya akan dihadiri oleh pemberita-pemberita, penulis-penulis dan sebagainya yang bertanggungjawab bagi membuat liputan mengenai segala aspek perbinangan dan pengumuman persidangan. Bagi Persidangan PATA 1986, seramai 80 orang pemberita

dan penulis-penulis dari luar negeri akan datang bagi membuat liputan sedemikian. Ini dengan sendirinya akan meluaskan lagi publisiti mengenai negara ini.

Kesimpulan matlamat negara menganjurkan persidangan ini ialah untuk menimbulkan dan meningkatkan kesedaran khususnya di kalangan para deligasi mengenai potensi Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan dan konvensyen di rantau ini. Kesedaran sedemikian diharapkan akan dapat menghasilkan kedatangan lebih ramai pelancong ke Malaysia dan meningkatkan lagi tahap kemajuan industri pelancongan negara seterusnya.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi beliau ada memberi banyak misal yang mana negara kita boleh mendapat hasil atau faedah daripada Persidangan PATA yang akan bersidang di ibu kota tidak lama lagi. Saya ingin bertanya bolehkah beliau menyatakan secara spesifik hasil tahunan yang boleh didapati oleh negara kita daripada projection dari segi pertukaran wang asing dan sebagainya.

Soalan yang kedua, saya mendapati di merata ibu kota ada pekerja-pekerja yang sebuk menyediakan beberapa kemudahan bagi menaikkan imej bandar kepada pelawat-pelawat yang akan datang ke negara kita untuk Persidangan PATA ini, dan bolehkah beliau menyatakan jumlah perbelanjaan yang telah diperuntukkan dan bolehkah beliau menyatakan selepas Persidangan PATA ini, segala kemudahan akan

dipelihara buat selamanya ataupun untuk tempoh Persidangan itu sahaja.

Soalan yang ketiga, saya mendapati tumpuan kepada Persidangan PATA ini hanya tertumpu di Kuala Lumpur sahaja dan di pusat-pusat bandar seperti Ipoh dan sebagainya orang-orang tidak tahu apa sebab Persidangan PATA ini akan diadakan di Kuala Lumpur sahaja dan sama ada pelawat-pelawat digalakkan melawat ke pusat-pusat lain dan apa sebab tumpuan yang diberi ke pusat-pusat lain dengan terlalu "Low-key" sahaja.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd.

Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf tidak dapat hendak membuat satu projection mengenai dengan berapa hasil yang diperolehi oleh negara dengan kita menganjurkan Persidangan PATA tetapi sudah pasti mungkin melebihi daripada jumlah pendapatan yang telah pun kita perolehi pada tahun 1984 ataupun angka 1985, kita jangkakan pada tahun 1986 iaitu tahun ini mungkin \$1.6 billion akan diperolehi oleh negara dari segi pertukaran wang asing, hasil daripada pelancongan. Dengan adanya PATA ini kita mengharapkan maka tumpuan lebih akan diberi kepada Malaysia sebagai destinasi pelancongan. Dengan itu kita harapkan bahawa pendapatan hasil pertukaran wang asing dari sumber pelancongan akan dapat ditingkatkan daripada tahap ketujuh yang ada sekarang ini ketingkat yang lebih tinggi sebagai satu sumber pendapatan negara pada masa hadapan.

Keduanya kita membelanjakan lebih sedikit daripada \$7 juta bagi menganjurkan Persidangan PATA ini dan sebahagian besar daripada perbelanjaan ini adalah dibiayai menerusi sponsorship daripada pihak-pihak swasta termasuk daripada Sistem Penerbangan Malaysia sendiri.

Sama ada apa persiapan yang dibuat sekarang ini di Kuala Lumpur merupakan hanya untuk PATA sahaja, saya fikir itu tidak berapa tepat kerana kebetulan PATA telah pun dianjurkan di sini, maka banyaklah pihak terutama pihak berkuasa tempatan, Dewan Bandaraya dan juga Kerajaan-kerajaan Negeri telah pun mengambil kesempatan untuk memperbaiki segala kemudahan-kemudahan pelancongan yang ada dalam negara kita.

Kita juga mengharapkan bahawa ini tidak hanya dilakukan kerana kita hendak menyambut para delegasi yang akan datang daripada luar negeri melawat ke negara kita tetapi bertapak dari sini maka kita dapat mempertingkatkan lagi tarikan kita kepada mereka yang akan mengunjungi negara kita selepas Persidangan PATA, bermakna harus usaha-usaha untuk menjaga kebersihan, kecantikan kawasan persekitaran dan juga kemudahan-kemudahan rekreasi di pusat-pusat pelancongan itu dijalankan secara terus menerus dan dipertingkatkan dari segi jangka panjang.

Kenapa Persidangan ini seolah-olah ditumpukan ke Kuala Lumpur, ini tidak dapat dielakkan kerana boleh dikatakan persidangan proper dijalankan di sini di Pusat Dagangan Dunia Putera dan oleh sebab itu kebanyakan daripada publisiti seolah-olah ditumpukan ke Kuala Lumpur, tetapi dalam aturcara yang telah pun disusun oleh Urusetia Persidangan PATA peringkat kebangsaan, kita telah pun menentukan bahawa selepas daripada persidangan proper ini para delegasi akan dibahagikan kepada beberapa kumpulan-kumpulan untuk mengadakan lawatan "post-conference" selepas conference termasuklah ke negeri-negeri di utara termasuklah negeri Yang Berhormat

sendiri, iaitu Perak dan juga kawasan-kawasan lain di seluruh Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Jadi oleh sebab itu kita rasakan dengan adanya cara program yang diaturkan oleh Urusetia ini bermakna delegasi bukan sahaja dapat melihat Kuala Lumpur tetapi juga dapat mengetahui tempat-tempat tarikan lain di seluruh negara.

PEMAJU PERUMAHAN— MASALAH KEWANGAN

6. Tuan Quah Wee Liam minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah Kerajaan akan ambil untuk membantu pemaju-pemaju perumahan yang sedang menghadapi masalah kewangan bagi projek perumahan yang telah dilaksanakan; dan
- (b) apa tindakan Kerajaan akan ambil atas pemaju-pemaju perumahan yang terhenti projek-projek mereka yang telah dilaksanakan separuh; dan bagaimana Kerajaan akan memberi bantuan kepada pembeli-pembeli dalam projek-projek tersebut;

oleh kerana sebilangan pemaju perumahan terhalang oleh kemerosotan ekonomi yang membawa perindustrian perumahan hampir terhenti. Banyak projek-projek perumahan sedang menghadapi masalah-masalah kerana kekurangan pembeli-pembeli rumah atau kekurangan kewangan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan (a), masalah kewangan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah

terlalu umum. Pada fahaman saya, apa Ahli Yang Berhormat bangkitkan ialah mengenai masalah kewangan yang dihadapi oleh projek-projek terbengkalai. Dalam usaha untuk menyelesaikan masalah ini, Kementerian saya hanya bertindak sebagai penyelaras untuk memanggil pemaju, pembeli dan pihak bank berbincang. Bagi masalah bridging dan end-financing, Kementerian saya akan menyalurkan perkara ini ke Bank Negara untuk mendapatkan bantuannya dalam usaha-usaha menolong pemaju-pemaju yang menghadapi masalah tersebut.

Bagi jawapan (b), Kementerian saya juga sedar akan akibat yang terpaksa ditanggung oleh pembeli-pembeli apabila sesuatu projek perumahan itu terhenti. Dalam masalah ini Kementerian saya akan membuat kajian kemungkinan untuk memulihkan projek berkenaan. Kementerian saya telah pun menyediakan satu garis panduan, cara-cara memulihkan projek-projek yang terbengkalai atau terhenti itu. Dalam menyelesaikan masalah tersebut kerjasama dari semua pihak yang terlibat seperti agensi-agensi Kerajaan, pemaju, institusi-institusi kewangan dan juga ahli-ahli jawatankuasa bertindak pembeli-pembeli, bagi menjayakan pemulihan projek-projek yang terbengkalai itu adalah diperlukan.

Adalah menjadi hasrat Kementerian saya untuk membantu pembeli-pembeli yang terlibat seberapa yang boleh. Setakat ini 12 projek yang telah dapat disiapkan kesan dari campur tangan oleh Kementerian saya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, manamana pemaju yang memberhentikan perlaksanaan projek perumahan mereka sehingga menimbulkan masalah kepada pembeli, Kementerian saya akan memasukkan nama-nama syarikat dan nama-nama

ahli-ahli Lembaga Pengarah syarikat berkenaan ke dalam senarai hitam. Pemaju-pemaju dan syarikat-syarikat berkenaan tidak akan dipertimbangkan untuk mendapatkan lesen pemaju di masa hadapan.

Di samping itu, Kementerian saya akan mengambil tindakan mahkamah kepada pemaju-pemaju yang menyeleweng dan tidak mematuhi undang-undang.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan memberitahu tentang bilangan projek perumahan yang telah terbengkalai dan di antaranya berapa projek yang dapat dipulihkan semula atas usaha Kementerian yang berkenaan?

Dato S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, jumlah projek yang terbengkalai sehingga akhir tahun 1985 adalah sebanyak 57 projek termasuk 14 projek yang baru terbengkalai yang telah pun dapat dikenal pasti oleh Kementerian Perumahan. Bagi jawapan tentang berapa projek yang telah dipulihkan, sebanyak 12 projek telah pun disiapkan selepas campur tangan Kementerian dan sebanyak 14 projek lain adalah dipulihkan semula dan di dalam beberapa peringkat kemajuannya.

DOKTOR-DOKTOR PAKAR— KEKURANGAN

7. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri minta Menteri Kesihatan menyatakan memandangkan kekurangan doktor-doktor pakar di hospital-hospital dalam Malaysia, adakah beliau bercadang mengambil lebih banyak lagi doktor-doktor pakar asing untuk berkhidmat secara kontrak atau membuat urusan meminjam pakar-pakar perubatan daripada yayasan-yayasan perubatan antarabangsa.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan masih mengalami kekurangan doktor-doktor pakar dalam bidang-bidang tertentu, seperti bedah umum, mata, otopedik, telinga, hidung dan tekak, bius dan X-ray. Dengan demikian, Kerajaan akan terus mengambil doktor-doktor pakar yang sesuai dari luar negeri bagi memenuhi keperluan-keperluan tersebut. Pada masa ini seramai 43 doktor-doktor pakar warganegara asing sedang berkhidmat dengan Kementerian dalam bidang-bidang yang saya sebutkan tadi.

Untuk makluman Yang Berhormat itu, setahu saya tidak ada yayasan-yayasan perubatan antarabangsa yang meminjamkan doktor-doktor pakar untuk bertugas bagi jangka masa yang panjang di negara kita.

Kita di Kementerian sedang berusaha seberapa yang boleh untuk mewujudkan kemudahan-kemudahan latihan kepakaran di negara kita juga serta memberi kemudahan-kemudahan biasiswa dan latihan bagi memenuhi keperluan kita itu.

Tuan Mohamed Razalan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan Kementerian masih meminjam doktor-doktor pakar daripada luar negeri. Jadi, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapa lamakah kontrak doktor-doktor pakar yang dipinjamkan daripada luar negeri itu dan seandainya katalah doktor-doktor yang kita pinjam tadi secara kontrak, apabila habis sahaja perjanjian kontraknya itu, adakah Kementerian ini bercadang supaya memandangkan keadaan kekurangan doktor-doktor pakar tadi, Kementerian bercadang hendak menambahkan masa kontrak itu.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, biasanya keputusan Kerajaan ialah kontrak-kontrak bagi doktor-doktor pakar ini tidak dilanjutkan lebih daripada 10 tahun, tetapi dalam keadaan-keadaan tertentu di mana kita masih menghadapi kekurangan yang besar, kita biasa juga melanjutkan kontrak-kontrak itu.

LUTH—BANGUNAN DISEWAKAN

8. Tuan Wan Ibrahim bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan berapa banyakkah LUTH mendirikan bangunan untuk sebahagiannya disewakan di seluruh Malaysia, berapa peratuskah daripada ruang-ruang dalam bangunan yang dapat disewakan dan berapa banyak kerugian yang dialami oleh LUTH setiap tahun purata akibat daripada ruang-ruang yang tidak dapat disewakan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Puan Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed): Tuan Yang di-Pertua, bangunan-bangunan yang dibina oleh Tabung Haji ialah untuk disewa dan juga digunakan sebagai Pejabat Tabung Haji. Sehingga 31hb Disember, 1985 Tabung Haji telah membina sebanyak 39 buah bangunan di seluruh Malaysia. Sehingga bulan September, 1985 kesemua ruang dalam 37 buah bangunannya telah digunakan sepenuhnya sama ada untuk kegunaan Pejabat Tabung Haji sendiri atau disewakan. Dua buah lagi bangunannya iaitu ibu pejabat Tabung Haji di Kuala Lumpur dan bangunan usahasama Tabung Haji dengan Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan di Kota Bharu, baru sahaja siap pada penghujung tahun 1985 dan ruang dalam kedua-dua bangunan ini masih belum sepenuhnya disewakan lagi.

Bagi bangunan Ibu pejabat Tabung Haji di Kuala Lumpur sebanyak 18.5% dari ruang pejabatnya masih belum dapat disewakan lagi. Sementara bangunan usahasama Tabung Haji dengan Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan pula, sebanyak 80% dari ruang pejabatnya belum dapat disewakan. Ini adalah kerana bangunan baru tersebut baru sahaja mendapat Sijil Kelayakan (Certificate of Fitness). Oleh kerana 37 daripada 39 buah bangunan Tabung Haji digunakan sendiri oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji atau disewakan dengan sepenuhnya maka pada keseluruhannya Tabung Haji tidak mengalami kerugian tetapi Tabung Haji mengalami kekurangan hasil pendapatan. Adalah ditaksirkan iaitu sekiranya kesemua ruang untuk sewaan bagi semua 39 buah bangunan-bangunannya disewa dengan sepenuhnya, Tabung Haji akan mendapat jumlah pendapatan bulanan dari sewaan itu sebanyak \$1.11 juta. Pendapatan dari penyewaan berasaskan kepada ruang-ruang yang disewakan pada masa ini ialah sebanyak \$0.9 juta. Oleh itu, kekurangan hasil pendapatan dari ruang-ruang yang tidak disewakan ialah \$0.21 juta.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu berapa sewa pada tiap-tiap satu kaki persegi ruang pejabat di bangunan Tabung Haji Kuala Lumpur—satu kaki persegi itu berapa ringgit sewanya, dan adakah kadar sewa ruang pejabat Tabung Haji di Kuala Lumpur ini tinggi jika dibandingkan dengan ruang-ruang pejabat di bangunan-bangunan lain di Kuala Lumpur.

Puan Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed: Tuan Yang di-Pertua, kiranya Yang Berhormat ada hajat hendak menyewa, saya kira kadar sewa ruang pejabat Tabung Haji ini adalah murah iaitu \$2.70 sekaki.

PEGAWAI DIPLOMATIK MALAYSIA DI LUAR NEGERI— LAYANAN

9. Dato' Haji Mohd. Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah layanan protokol yang sepatutnya diberi oleh negara asing kepada pemimpin-pemimpin, duta-duta dan rakyat Malaysia mengikut amalan perhubungan antarabangsa yang sebenarnya.
- (b) adakah amalan itu diikuti oleh negara-negara asing terhadap Malaysia khasnya oleh negara-negara jiran seperti negara-negara ASEAN; dan
- (c) apakah tindakan Kerajaan terhadap negara-negara asing yang tidak mematuhi protokol tersebut dan kesannya di samping menjaga hubungan baik diantara satu sama lain.

Dato Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada umumnya, layanan protokol untuk para pemimpin, duta-duta besar dan pegawai diplomatik Malaysia yang melawat atau bertugas di luar negeri adalah diteraskan kepada dokumen-dokumen "Vienna Convention on Diplomatic Relations 1961" dan Vienna Convention on Consular Relations 1961". Walaupun tidak semua negara di dunia menandatangani dokumen-dokumen ini, rata-rata mereka melaksanakan atau mematuhi kandungan-kandungannya demi menjaga perhubungan baik dan juga di atas kesedaran bahawa layanan yang serupa, sama ada baik atau buruk, boleh dikenakan kepada para pemimpin, duta besar dan

rakyat mereka sendiri mengikut prinsip timbal balas.

Butir-butir layanan protokol terlalu banyak untuk disebutkan satu persatu daripada sambutan pada hari ketibaan, penginapan serta lain-lain kemudahan hingga pada akhir lawatan atau tugas. Layanan-layanan ini berbeza-beza pula pelaksanaannya mengikut adat istiadat dan amalan-amalan tempatan. Tetapi tujuan asasnya ialah untuk memberi keselesaan kepada para tamu sesuai dengan pangkat dan kedudukan mereka dan sejauh mana yang diizinkan oleh peraturan-peraturan dan undang-undang di negara tuan rumah itu sendiri.

Pada keseluruhannya rakyat Malaysia menerima layanan yang baik setimpal dengan pangkat dan kedudukan serta urusan masing-masing. Layanan baik itu bukan sahaja berdasarkan kepada amalan-amalan perhubungan antarabangsa tetapi dikukuhkan pula oleh layanan baik yang kita sentiasa beri kepada para tetamu kita dan juga kedudukan Malaysia yang dihormati oleh masyarakat dunia.

- (b) Amalan-amalan protokol antarabangsa lazimnya diikuti oleh semua negara-negara asing. Bagi negara-negara ASEAN pula, layanan mereka adalah lebih mesra dan menggambarkan eratnya hubungan dan persahabatan sesama anggota ASEAN.
- (c) Andainya negara-negara asing tidak mematuhi amalan-amalan protokol antarabangsa dan disebabkan itu para pemimpin, duta-duta dan rakyat kita

terjejas maruah mereka atau menanggung kesusahan, maka perasaan keciwa dan tidak puas hati kita ini boleh disampaikan kepada negara tuan rumah melalui saluran-saluran diplomatik. Jika tindakan mereka berterusan kita juga boleh mengambil sikap timbal balas dengan mengenakan peraturan-peraturan yang serupa terhadap rakyat negara-negara berkenaan.

PELAN TANAH PERINDUSTRIAN

10. **Dr Koh Tsu Koon** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada Kementerian beliau mempunyai satu pelan jangka panjang untuk memperuntukkan tanah perindustrian untuk menempatkan industri-industri kecil yang sedia ada dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL). Kalau ya, diminta menerangkan. Bagaimanakah Kementerian bercadang menjamin bahawa tanah-tanah ini dapat dibekalkan pada satu harga yang mampu ditampung. Apakah rancangan perindustrian bagi WPKL berhubung dengan Pelan Induk Perindustrian.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, Pelan Struktur Kuala Lumpur telah mencadangkan beberapa garis panduan dan dasar peruntukan tanah untuk beberapa jenis industri di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Maklumat yang ada menunjukkan kawasan-kawasan yang dikhaskan untuk kegunaan perindustrian adalah mencukupi bagi menampung keperluan hingga ke tahun 2000. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah menjalankan satu bancian kilang untuk seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan tujuan untuk mendapat maklumat

mengenai jenis-jenis kilang, hakmilik, keluasan dan jenis bangunan.

Daripada maklumat ini, Kementerian Wilayah Persekutuan dapat menentukan berapa banyak kilang-kilang yang boleh dikekalkan, ditempatkan di kawasan-kawasan baru atau dikeluarkan terus dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Perancangan awal boleh dan akan dijalankan berdasarkan kepada maklumat ini. Maklumat yang ada menunjukkan terdapat sebanyak 4,447 buah kilang haram di seluruh kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Sebarang usaha Kerajaan untuk menjamin supaya tanah-tanah perindustrian dapat dibekalkan dengan harga murah mestilah mengambil kira keadaan di mana harga tanah adalah berdasarkan kepada beberapa faktor, seperti premium dan kos penyediaan infrastruktur yang diperlukan.

Kementerian Wilayah Persekutuan sedang mengkaji dengan tujuan untuk meminda beberapa dasar dan peraturan tanah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Di antara yang dicadangkan ialah:

- (i) memendekkan tempoh pajakan tanah perindustrian kepada 33 tahun;
- (ii) mengenakan premium yang rendah kepada tanah perindustrian, tetapi cukai tanah tahunannya dinaikkan; dan
- (iii) pengecualian dari membayar assessment bagi tempoh awal, khususnya bagi tujuan menggalakkan penempatan semula kilang-kilang tertentu.

Cadangan-cadangan yang sedang ditimbang oleh Kementerian Wilayah Persekutuan adalah di atas kesedaran bahawa sektor perindustrian merupakan satu sektor

yang penting dari segi penyediaan peluang-peluang pekerjaan dan dari sudut penghasilan harta negara atau, dengan izin, "wealth creation". Oleh itu, pendekatan terhadap sektor ini dari segi soal tanah mestilah berbeza sedikit dari dasar tanah untuk kegunaan-kegunaan lain.

Sebagai satu projek percubaan, satu tapak, iaitu di Salak South telah dikenalpasti dan sedang dikaji untuk pembangunan industri kos rendah sebagai satu projek perintis. Kawasan ini adalah seluas 40.98 ekar dan dirancang untuk menempatkan 89 unit industri sebuah, 138 unit teres dan 36 unit berkembar. Ia dijangka akan dapat memberi peluang kepada pengusaha kecil menyewa atau membeli bangunan-bangunan itu dengan harga yang berpatutan.

Kementerian Wilayah Persekutuan akan juga menjayakan matlamat-matlamat Dasar Perindustrian Negara dengan memberikan perhatian kepada jenis-jenis industri yang tidak mencemarkan alam sekeliling, bersih dan bercorak perkhidmatan. Perhatian akan terus diberi kepada industri-industri kecil.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan, memandangkan kawasan Wilayah Persekutuan ini makin sehari makin sempit kerana keramaian rumah-rumah, apakah perkiraan bagi pihak Kementerian Wilayah Persekutuan dengan Negeri Selangor dan Pahang tentang melebarkan wilayah itu untuk ditempatkan kepada perkilangan-perkilangan yang sempit berada dalam Wilayah Persekutuan ini?

Apakah pula kesudahan dan hasil perbincangan tentang Janda Baik yang dahulu tempoh hari mengatakan akan dijadikan Wilayah Persekutuan dan di sana juga munasabah untuk

menempatkan perkilangan-perkilangan dan apakah hasil perbincangan tempoh hari?

Dato Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya suka saya menjelaskan bahawa perancangan Wilayah Persekutuan hendaklah mengambil kira hakikat sebenar (reality) bahawa Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ini bukanlah sebuah pulau yang terasing daripada seluruh perkembangan di sekelilingnya yang berlaku di Lembah Kelang ataupun berlaku di kawasan-kawasan di sekeliling Wilayah Persekutuan. Oleh itu, tidaklah kita boleh merancang bagi Wilayah Persekutuan ini seolah-olah bahawa ianya sebagai sebuah pulau ataupun kawasan yang terasing. Oleh sebab itu, dari segi penempatan industri-industri perlulah diambil kira tanah-tanah atau kawasan-kawasan perindustrian yang ada di luar daripada Wilayah Persekutuan ini sendiri.

Mengikut daripada Pelan Struktur Kuala Lumpur yang telah membuat rancangan ataupun rancangan hingga tahun 2000, memang telah dicadangkan supaya setengah-setengah jenis-jenis kilang yang boleh membawa kepada pencemaran alam sekeliling ataupun tidak lagi sesuai dari segi penggunaan tanah di sekeliling kawasan-kawasan kilang yang berkenaan dipindahkan daripada Wilayah Persekutuan ke kawasan-kawasan yang lain di Lembah Kelang ataupun di Negeri Pahang, mahupun sampai ke Negeri Sembilan.

Sebagai satu contoh, di atas keputusan Majlis Perancangan Lembah Kelang sendiri, sebuah kilang yang terkenal di Jalan Bangsar telah pun diberikan arahan untuk berpindah daripada Wilayah Persekutuan dan pihak kilang itu akan berpindah ke satu kawasan berdekatan dengan Shah Alam. Dan ada lagi sebuah kilang di

kawasan Gombak yang terkenal kerana baunya yang agak harum dan rundingan telah pun berjalan bagi pihak Kerajaan Negeri Selangor cuba memberi pertimbangan untuk memberikan tapak yang sesuai kepada kilang yang berkenaan supaya membolehkan kilang itu berpindah. Sebenarnya rundingan di antara Kementerian Wilayah Persekutuan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri telah berjalan semenjak setahun lebih yang lalu di mana kami telah menawarkan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri, seperti Negeri Pahang, Negeri Sembilan dan juga Negeri Selangor untuk menerima mana-mana satu kilang yang telah dianggapkan tidak sesuai melihat kepada pembangunan yang sedang berlaku di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ini. Rundingan ini berjalan dengan biasa dan ada kejayaannya, sepertimana saya sebutkan, bagi kilang Lever Brothers di Jalan Bangsar dan juga kilang Lee Rubber yang sedang dirundingkan, yang kilang itu terletak di kawasan sebelah Gombak. Oleh itu, usaha-usaha Kementerian Wilayah Persekutuan telah mengambil kira bahawa keadaan pembangunan di Wilayah Persekutuan ini kita telah mula dan meneruskan perundingan serta perbincangan-perbincangan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri di Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang.

Berhubung dengan soal Janda Baik, Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyatakan bahawa Janda Baik itu memang sudah terlepas, kita telah pun tidak lagi berbincang mengenai soal Janda Baik daripada Pahang hendak dijadikan Wilayah Persekutuan. Kita hanya mengeluarkan kawasan Janda Baik daripada kawasan seluas 100 batu persegi yang dicadangkan sebagai kawasan Wilayah Persekutuan yang baru sebagai bandar kembar kepada Kuala Lumpur yang diberi nama sebagai "Kawasan Wilayah

Persekutuan Bukit Tinggi". Namun demikian, walaupun segala perundingan dengan pihak Kerajaan Negeri telah berjalan sampai ke peringkat terakhir dan segala kerja-kerja untuk menyukat tanah dan menentukan sempadan telah pun berjalan sehingga ke peringkat terakhir dan hanya menunggu kepada keputusan urusan-urusan dari segi perundangan, tetapi Kerajaan telah mengambil keputusan bahawa memandangkan kepada keadaan ekonomi pada hari ini bahawa cadangan untuk mewujudkan sebuah bandar kembar Wilayah Persekutuan Bukit Tinggi ini ditangguhkan buat sementara waktu sehinggalah keadaan ekonomi negara kita pulih semula kepada satu keadaan yang boleh melihat kepada peningkatan pembangunan dan pertumbuhan ekonomi, bukan sahaja di Wilayah Persekutuan malahan di seluruh negara.

BAS SEKOLAH— PENYELARASAN WARNA

11. Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau bercadang untuk menyelaraskan warna Bas-bas sekolah di seluruh negara.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman): Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kementerian Pengangkutan tidak bercadang untuk menyelaraskan warna bas-bas sekolah di seluruh negara. Sebenarnya telah ada tanda pengenalan, iaitu perkataan "Bas Sekolah" yang tertulis di kedua-dua belah badan bas dan juga papan tanda yang dipamirkan di hadapan bas. Ini adalah memadai untuk tujuan pengenalan. Sebaliknya, sukalah saya memaklumkan bahawa ketidakseragaman warna bas sekolah pada masa ini tidak memberi apa-apa

masalah pengenalan kepada murid-murid, ibu-bapa ataupun pihak penguatkuasa.

Tuan Haji Azharul Abidin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana jawapan daripada Timbalan Menteri Pengangkutan tadi tidak ada apa-apa kena-mengena corak bas ini untuk pengenalan kepada murid-murid sekolah, ibu bapa dan sebagainya. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri ini sedar bahawa kereta-kereta ambulans dan sebagainya diberi keutamaan oleh itu menjaga pengawalan kanak-kanak ini sangat mustahak. Bas-bas sekolah ini terdiri daripada bentuk bas ekspres, mini bas dan berbagai lagi. Bagi menentukan penyematan murid-murid ini, adakah Timbalan Menteri bercadang untuk diberi suatu tanda lain daripada perkataan "Bas Sekolah" tadi kerana tidak jelas di hadapan dan di kiri kanan bas itu.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah menyebut tadi, di kiri kanan badan bas itu sudah ada dan di depan pun ada. Kalau hendak jelas juga lagi di belakang hendak taruh papan tanda pun boleh.

PEJABAT POS PADANG RENGAS—PEMBINAAN

12. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menerangkan bilakah Kementerianya akan membina sebuah Pejabat Pos Baharu di Padang Rengas bagi menggantikan Pejabat Pos yang sudah uzur dan usang itu.

Tian Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, suka saya memaklumkan bahawa pembinaan Pejabat Pos Padang Rengas telah dimasukkan di dalam Rancangan Malaysia Kelima dan keutamaan yang tinggi akan diberi

terhadap projek ini. Perlaksanaannya mungkin dapat dilakukan dalam tahun ini juga.

FELDA—PENEMPATAN ORANG CACAT DI RANCANGAN

13. Tuan Baharom bin Haji Bakar minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) apakah benar Kementerian ini berhasrat untuk memilih orang-orang cacat menyertai rancangan-rancangan FELDA; dan
- (b) jika benar bagaimana corak pemilihan atau garis panduan yang akan dibuat terhadap pemilihan itu dan apakah bidang-bidang pekerjaan yang telah dikenal pasti untuk diusahakan oleh orang-orang cacat setelah dipilih menjadi peneroka nanti.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato Haji Dusuki bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Adakah benar Kementerian saya sedang mengkaji kemungkinan menempatkan orang-orang cacat di Rancangan-rancangan FELDA.
- (b) Corak pemilihan atau garis panduan terhadap pemilihan serta perkara-perkara yang berbangkit sedang dikaji dan diberi penelitian dari beberapa aspek memandangkan jika hasrat menempatkan orang-orang cacat ini menjadi kenyataan; ianya merupakan projek perintis di negara ini.

Oleh kerana kejayaan rancangan-rancangan FELDA memerlukan sumbangan fizikal daripada peneroka-penerokanya hanya orang-orang cacat yang mempunyai kemampuan

menjalankan tugas dan tanggungjawab dalam mengerjakan kawasan ladang sesuai dipertimbangkan. Sumbangan tenaga daripada peneroka bukan sahaja penting untuk menjayakan rancangan bahkan untuk menentukan taraf ekonomi peneroka itu sendiri. Pendapatan peneroka adalah bergantung kepada keupayaannya menjalankan kerja-kerja ladang. Menyedari akan hakikat ini, sebagai langkah awal Kementerian bercadang untuk memilih orang-orang yang cacat pendengaran tetapi sihat tubuh badan dan sempurna anggota-anggota lain untuk menjadi peneroka FELDA.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada orang-orang cacat pendengaran, iaitu orang-orang pekak, adakah termasuk juga dalam perhitungan Kementerian ini untuk menimbangkan orang-orang yang kudung, orang-orang yang buta dan juga orang-orang yang cacat otak boleh bekerja dan sama ada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa pada masa ini ramai orang-orang yang cukup sihat tubuh badannya tidak ada cacat apa-apa, beribu-ribu orang sedang menunggu hendak masuk ke FELDA tetapi tempatnya tidak ada.

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, faktor utama dalam pemilihan calon untuk menjadi peneroka ialah tubuh badan yang sihat dan kesempurnaan anggota. Ini adalah perlu kerana peneroka dikehendaki menyumbangkan tenaga yang bersungguh-sungguh dan keupayaan mereka di dalam menjalankan kerja-kerja dalam rancangan, tetapi disebabkan oleh beberapa perkara yang menimbulkan masalah kedudukan orang-orang cacat ini, maka pihak Kementerian telah mengadakan satu perundingan dengan Kementerian Kebajikan Masyarakat untuk melihat orang-orang cacat ini yang difikirkan dapat menjalankan

tugasnya dalam rancangan, seperti orang-orang buta, tetapi tubuh badan sihat, begitu juga orang-orang yang anggotanya cacat tetapi tubuh badannya sihat seperti anggota tangan ataupun kakinya yang cacat tetapi tidak mengganggu dari segi kesihatan tubuh badannya. Begitu juga orang-orang kerdil difikirkan juga, sekiranya mereka dapat melaksanakan kerja-kerja di dalam rancangan yang berkenaan.

Tetapi berhubung dengan orang cacat akal, bagi orang yang cacat akal penyertaan mereka dalam rancangan tanah ini sudah tentu tidak sesuai, disebabkan kecerdasan otak mereka tidak begitu bagi dan mungkin boleh mengganggu peneroka-peneroka yang lain. Berhubung dengan tentang.....Saya lupa soalan kedua.

Tuan Alias bin Md. Ali: Orang ramai tidak ada tempat.

Dato' Haji Dusuki Haji Ahmad: Berhubung dengan orang ramai tidak ada tempat ini, sebenarnya soal tidak ada tempat tidak timbul, Tuan Yang di-Pertua, kerana bagi Rancangan Malaysia Kelima ini pihak Kementerian merancang untuk menempatkan sebanyak kurang lebih 30 ribu dalam masa 5 tahun yang akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup, tanpa gangguan langsung daripada saya.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 14 hingga 35 adalah diberi di bawah ini).

PROJEK JENIANG TRANSFER

14. Tuan Othman bin Abdul minta Menteri Pertanian menyatakan bilakah projek "Jeniang Transfer" akan dilaksanakan. Berapakah jumlah anggaran kos pembinaan dan setakat manakah kemajuan projek ini.

Menteri Pertanian (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim): Projek "Jeniang Transfer" adalah dalam peringkat akhir penyediaan dengan tujuan pelaksanaan di bawah Rancangan Malaysia Kelima (RML). Kajian kemungkinan serta rekabentuk terperinci telah pun disiapkan baru-baru ini. Kos yang dianggarkan bagi projek ini adalah lebih kurang \$82 juta ringgit.

JALAN DIBINA MENGGUNAKAN SIMEN

15. Tuan Tan Kok Hooi minta Menteri Kerjaraya menyatakan berkaitan dengan hajat Menteriannya hendak menggunakan simen untuk membina jalan, sehingga saat ini, berapa projek telah diadakan.

Menteri Kerjaraya (Dato S. Samy Vellu): Sehingga ini hanya sebatang jalan telah dibina dengan menggunakan simen, iaitu sebahagian lebuhraya Alor Setar—Gurun sepanjang 3 km. Pada tahun ini, dua batang jalan lagi sedang dibina dengan cara yang sama, iaitu sebahagian lebuhraya Air Keroh—Pagoh dan Gurun interchange di Kedah yang mana masing-masing panjangnya 19.1 km dan 3.5 km. Lebuhraya Air Kroh—Pagoh dijangka siap pada 31 Ogos 1987. Manakala Gurun "interchange" dijangka siap pada 31 September 1986.

MAJALAH "INSIDE ASIA"— PENGHARAMAN

16. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sebab mengapa isu majalah Inside Asia keluaran November-Disember 1985 diharamkan dan sama da beliau sedar pengharaman seumpama itu telah menimbulkan reaksi buruk di peringkat antarabangsa.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad): Majalah "Inside Asia" keluaran November-Disember telah ditahan oleh Pegawai Kanan Berkuasa di pintu masuk rasmi negara ini di bawah Seksyen 9 (1) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 kerana salah satu dari makalahnya didapati boleh memudaratkan ketenteraman awam negara ini.

Tindakan ini telah diambil semata-mata di atas kepentingan negara dan sehingga sekarang, Kementerian Dalam Negeri tidak mengesan sebarang reaksi buruk di peringkat antarabangsa berhubung dengan tindakan yang diambil ke atas majalah "Inside Asia".

POLARISASI PERKAUMAN

17. Tuan Ling Sie Ming minta Perdana Menteri menyatakan apakah masalah Polarisasi Perkauman yang dihadapi oleh kita akan kian semakin meningkat serta adakah pihak Kerajaan mengambil langkah-langkah yang efektif untuk mengelakkan masalah ini menjadi lebih hebat lagi, sila jelaskan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Tan Tiong Hong): Masalah polarisasi tidak akan dapat diatasi sepenuhnya dan akan berterusan berlaku jika sekiranya golongan-golongan tertentu bertindak dengan segala usaha, pengaruh dan kemampuan yang mereka ada, memulau, tidak bekerjasama, dan secara langsung cuba menggagalkan pelaksanaan dasar-dasar dan program-program Kerajaan untuk membentuk masyarakat Malaysia yang bersatu padu. Golongan-golongan ini sebenarnya bertindak sedemikian adalah semata-mata untuk mencapai matlamat politik dan kepentingan peribadi mereka sendiri tanpa mengira kesan kepada perpaduan negara dan keselamatan rakyat.

Untuk mengelakkan masalah polarisasi daripada berterusan, Kerajaan akan terus melaksanakan dasar-dasar dan strategi tertentu yang sedia dari sejak dahulu lagi. Di samping itu, Kerajaan akan:

- (a) memberi tumpuan untuk memupuk semangat kebangsaan dan menanam rasa cinta dan bangga terhadap negara dan sentiasa berpandu kepada Rukun Negara;
- (b) secara berterusan memberi penerangan dan mewujudkan kesedaran orang ramai supaya tidak terpengaruh dan tidak mudah terperangkap dengan tindak tanduk pihak-pihak tertentu yang memainkan sentimen yang sempit dan tindak tanduk yang membahayakan keselamatan rakyat; dan
- (c) mengambil tindakan sewajarnya terhadap golongan-golongan tertentu yang cuba menggagalkan pembentukan masyarakat Malaysia yang bersatu padu.

KEMALANGAN JALAN RAYA SEMASA TAHUN BARU CINA

18. Tuan Khadri bin Sabran minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilangan kemalangan jalan raya yang berlaku semasa sambutan tahun baru Cina baru-baru ini. Mengapakah setiap kali ada perayaan jumlah kemalangan jalan raya bertambah. Apakah sebab-sebab berlakunya kemalangan ini dan apakah usaha yang dijalankan oleh Kerajaan supaya perkara ini dapat dikurangkan.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman:

- (a) Pada musim sambutan perayaan Tahun Baru Cina baru-baru ini iaitu dari tempoh 6 Februari-16 Februari, 1986, sebanyak 2,973

kemalangan jalanraya berlaku yang melibatkan 4,715 buah kenderaan di seluruh Semenanjung Malaysia. Dari jumlah tersebut, seramai 116 orang kehilangan nyawa, 295 orang mengalami kecederaan parah dan 794 orang mengalami kecederaan ringan.

- (b) Pada setiap cuti perayaan, kebanyakan jalanraya menjadi sesak kerana orang ramai mengambil kesempatan untuk balik ke kampung. Kesesakan sedemikian bertambah merbahaya apabila terdapat pengguna-pengguna jalanraya yang memandu dengan tidak bertimbang rasa serta secara berlumba-lumba kerana ingin cepat sampai ke destinasi.

Dari perangkaan yang dikumpulkan oleh Polis, 93.4% dari kejadian kemalangan jalanraya pada musim perayaan disebabkan oleh kesalahan memandu-pemandu, seperti memandu dengan laju dan merbahaya dan memotong kenderaan tanpa menghiraukan pengguna jalanraya yang lain.

- (c) Langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan untuk mengurangkan kemalangan jalanraya termasuklah penguatkuasaan yang lebih ketat terutamanya di musim cuti perayaan, kempen keselamatan jalanraya, mengedarkan bahan-bahan kempen keselamatan jalanraya dan pelaksanaan alat amaran had laju.

Langkah-langkah yang diusahakan oleh Kerajaan telah berjaya mengurangkan kejadian kemalangan jalanraya di musim cuti perayaan. Perbandingan perangkaan kemalangan jalanraya pada tahun Baru Cina 1986

menunjukkan jumlah yang berkurangan sebanyak 187 kes jika berbanding dengan perangkaan Tahun Baru Cina 1985 sebanyak 3,160 kes kemalangan jalanraya.

BAYARAN PANGGILAN TEMPATAN

19. Dr Chen Man Hin minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos memansuhkan bayaran ke atas panggilan-panggilan tempatan supaya dapat membantu ahli-ahli perniagaan kecil dan juga sebagai satu cara untuk menggalakkan (stimulate) ekonomi yang makin lembab.

Tuan Au How Cheong: Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya buat masa ini tidak ada rancangan untuk memansuhkan bayaran ke atas panggilan-panggilan tempatan.

KHAWARIJ—GOLONGAN MUNAFIK

20. Tuan Haji Wan Mohd Najib bin Wan Mohamad minta Perdana Menteri menyatakan adakah benar di dalam negara kita telah timbul puak Khawarij atau menyerupai tabiat puak Khawarij yang mengangggapkan diri mereka dan pemimpin mereka sahaja yang betul dan orang lain semuanya salah. Tindakan mereka ini boleh merosakkan Islam. Jika sedar, apakah kita dan Kerajaan boleh berjihad untuk menentang golongan munafik ini, supaya ianya tidak akan terus merosakkan akidah orang-orang Islam dalam negara ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Nor): Setakat ini belum terbukti adanya puak Khawarij di dalam negara kita. Penelitian sedang dibuat untuk

mengenalpasti sejauh mana penyerupaan setengah kalangan rakyat Islam negara ini dengan puak Khawarij atau puak yang secara kebetulan sahaja serupa dengan Khawarij. Oleh itu soal untuk berjihad menentang mereka tidaklah berbangkit.

EKSPORT PERABUT ROTAN

21. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan setakat ini bagaimanakah sambutan penjualan perabut rotan kita yang dieksport ke luar negeri dan di negara-negara manakah yang banyak mendapat pasaran.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Pada amnya eksport perabut rotan keluaran Malaysia belum lagi mencapai tahap yang boleh dibanggakan. Pada tahun 1984 Malaysia cuma berjaya mengeksport sebanyak \$4,229,657 sahaja. Bagi sebelas bulan pertama tahun 1985 pula, Malaysia mengeksport sebanyak \$5,095,613 iaitu meningkat sebanyak 20% sahaja. Australia dan Singapura adalah dua pasaran yang utama bagi keluaran perabut rotan Malaysia dan diikuti oleh Canada, Sweden dan Amerika Syarikat.

SEKOLAH MENENGAH AGAMA—AMBILALIH

22. Tuan Haji Mohd. Zain Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh manakah kejayaan yang dicapai setakat ini oleh sekolah-sekolah Agama yang telah diambilalih oleh Kementerian Pelajaran. Berapakah jumlah wang yang diperuntukkan kepada pembangunan dan pengurusan sekolah-sekolah itu sejak ianya diletakkan di bawah Kementerian Pelajaran. Adakah Kerajaan bercadang akan

mengambilalih berapa buah sekolah Agama lagi pada tahun 1986 ini; jika ya, sila namakan sekolah-sekolah yang tersebut.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kejayaan yang dicapai oleh Sekolah Menengah Agama yang diambilalih oleh Kementerian Pelajaran adalah sangat menggalakkan. Berapa buah sekolah telah mencapai 100% kelulusan dalam peperiksaan SRP dan SPM. Ramai di antara pelajar-pelajar sekolah telah berjaya melanjutkan pelajaran di universiti-universiti tempatan dan luar negeri dalam berbagai bidang ilmu pengetahuan.

Mengikut rekod yang ada, Kementerian Pelajaran telah menyediakan peruntukan pembangunan yang dianggarkan berjumlah \$20.7 juta untuk membangun semula atau melengkapkan Sekolah Menengah Agama yang diambilalih oleh Kementerian. Peruntukan bagi belanja mengurus sekolah-sekolah tersebut, dianggarkan sebanyak \$21.4 juta. Pada tahun 1986 Kementerian Pelajaran telah mengambilalih sebuah Sekolah Agama iaitu Sekolah Menengah Agama Wataniah, Machang, Kelantan. Kementerian Pelajaran bercadang untuk menambahkan lagi bilangan sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan Agama, memandangkan kemajuan yang telah dicapai oleh sekolah-sekolah tersebut.

KEMATIAN BAYI

23. Tuan Yahya bin Haji Zakaria minta Menteri Kesihatan menerangkan jumlah angka kematian bayi-bayi bagi tahun 1984/1985 mengikut perpecahan kaum. Apakah sebab-sebabnya dan adakah benar kebanyakannya daripada luar bandar serta apakah langkah untuk mengatasinya.

Dato' K. Pathmanaban: Mengikut data dari Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah kematian bayi bagi tahun 1984 untuk Semenanjung Malaysia adalah 6,793 di mana 5,158 terdiri dari keturunan Melayu, 998 keturunan Cina, 607 India dan 30 terdiri daripada lain-lain keturunan. Data yang sama bagi tahun 1985 belum lagi dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan.

Sebab-sebab utama kematian bayi ialah lahir sebelum cukup bulan (Prematurity), cacat semenjak dilahir (Congenital Abnormalities) dan juga oleh sebab mengidap penyakit-penyakit seperti jangkitan saluran pernafasan, sesak nafas semasa umur dalam lingkungan seminggu (Asphyxia Neonatorum) dan cirit-birit. Kebanyakan adalah berlaku di kawasan luar bandar.

Kementerian Kesihatan memang sentiasa memandang berat dan memberi perhatian yang utama terhadap masalah kematian bayi di kawasan luar bandar. Langkah-langkah yang telah dan sedang diambil untuk mengatasi masalah-masalah ini ialah:

- (1) Membina lebih banyak kemudahan-kemudahan kesihatan di luar bandar. Sehingga 31-12-84 sebanyak 130 Pusat Kesihatan Besar, 223 Pusat Kesihatan Kecil, 786 Klinik Desa dan 747 rumah dan klinik bidan telah dibina. Semua kemudahan-kemudahan Kesihatan yang tersebut adalah dilengkapi dengan secukup-cukupnya alat-alat dan kakitangan yang terlatih dan berpengalaman. Seorang doktor juga ditempatkan di setiap Pusat Kesihatan Besar dan beliau juga memberi perkhidmatan di Pusat-pusat Kesihatan Kecil yang di bawah jagaannya.
- (2) Di tempat-tempat yang terpencil di mana kemudahan-kemudahan kesihatan belum lagi dibina, klinik bergerak dengan menggunakan kenderaan darat, bot-bot dan helikopter sedang diadakan.
- (3) Menerusi kemudahan-kemudahan kesihatan yang disebutkan itu perkhidmatan-perkhidmatan jagaan ibu mengandung, ibu bersalin dan lepas bersalin diberikan. Perkhidmatan kesihatan bayi termasuk pelalian untuk mencegah penyakit berjangkit yang biasanya menyerang bayi-bayi adalah juga diberikan. Perkhidmatan pelajaran dan nasihat kesihatan kepada ibu-ibu juga adalah diutamakan.
- (4) Kakitangan kesihatan yang berkhidmat di luar bandar dikehendaki juga melawat ibu-ibu mengandung yang berisiko tinggi dan bayi-bayi yang mempunyai masalah Kesihatan di rumah masing-masing untuk memberi rawatan dan nasihat.
- (5) Nasihat adalah juga diberi kepada ibu-ibu yang mengandung supaya datang ke klinik untuk pemeriksaan pada awal mengandung dan menggunakan bidan kerajaan yang terlatih semasa hendak bersalin. Ibu-ibu yang mengandung yang mempunyai risiko tinggi adalah dinasihatkan untuk bersalin di hospital. Ibu-ibu juga dikehendaki supaya membawa bayi mereka ke klinik-klinik untuk mendapatkan pelalian bagi mencegah penyakit-penyakit berjangkit.
- (6) Memandangkan kebanyakan kematian bayi berlaku pada bulan pertama (neonatal Period) strategi-strategi tertentu

telah pun dilaksanakan bagi mengurangkan kematian ibu, mewujudkan tata etika susu berformula, pengesanan dan rawatan penyakit kuning di kalangan bayi-bayi yang baru lahir, kegunaan garam yang berformula, (Oral Rehydration Salt) bagi pencegahan kekurangan air dan garam di badan kerana penyakit cirit-birit dan pengendalian kes-kes jangkitan pernafasan di kalangan masyarakat.

- (7) Selain daripada itu Kementerian Kesihatan juga sentiasa menasihatkan Agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan mengenai keperluan kemajuan dalam kebersihan alam sekitar, pembekalan air yang bersih dan sebagainya di kawasan-kawasan di mana terdapat kadar kematian bayi yang tinggi. Kementerian sendiri juga mengesan dan mengadakan pembekalan air bersih di tempat-tempat yang terpencil dan juga tandas-tandas yang lebih selamat di kawasan-kawasan seperti itu.

PROGRAM PEMBANGUNAN INSAN

24. Tuan Ismail bin Arshad minta Menteri Pertanian menyatakan apakah di dalam pelaksanaan Dasar Pertanian Negara (DPN) Kementerian beliau akan menekankan juga program pembangunan insan (Kemanusiaan) dan jika benar, apakah unsur-unsur rancangan dan program khusus mengenainya yang akan dilaksanakan.

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Di dalam rangka menyusun program-program pembangunan ke arah memenuhi matlamat pelaksanaan

Dasar Pertanian Negara (DPN), Kementerian Pertanian menyedari wujudnya kelemahan-kelemahan yang terdapat pada pendekatan dan pelaksanaan program pembangunan selama ini. Penekanan yang diberikan kepada aspek pembangunan kebendaan semata-mata akhirnya telah menimbulkan berbagai akibat yang di luar dugaan (Unintended consequences). Di atas kesedaran itulah mendorong Kementerian untuk mencari pendekatan alternatif yang dapat diterima dan dipraktikkan oleh semua yang terlibat di dalam perancangan dan pelaksanaan pembangunan sektor pertanian, guna memperlengkapkan lagi kaedah (Methodology) pembangunan yang sedia ada dan diamalkan sekarang. Melalui pendekatan baru ini semua pegawai dan kakitangan yang terlibat di dalam pembangunan sektor pertanian akan didedahkan dengan ilmu dan kefahaman yang akan memperlihatkan wujudnya perkaitan langsung di antara ciri-ciri dan nilai murni keinsanan dengan setiap bentuk kegiatan seharian mereka. Apa yang ditekankan ialah setiap pekerjaan yang dilakukan adalah merupakan satu ibadah yang pasti mendapat ganjaran dan kerana itu perlu disempurnakan sebaik-baik dengan penuh kesedaran dan kesungguhan.

Sebagai langkah pertama Kementerian perlulah terlebih dahulu mendedahkan pendekatan ini kepada pegawai-pegawai dan kakitangan yang terlibat. Sebagai permulaan, satu seminar Pembangunan Insan di Dalam Konteks Dasar Pertanian Negara (DPN) telah dianjurkan dan dihadiri oleh Pegawai-pegawai Kanan Kementerian dan Jabatan/Agensi di peringkat Ibu Pejabat dan Negeri. Seminar tersebut telah membincangkan kertas-kertas kerja yang disediakan oleh ahli-ahli akademik yang merangkumi bidang-bidang pembangunan mengikut perspektif Islam, dan pembentukan

nilai dan sistem hidup berasaskan ilmu amal dan iman.

Di samping itu, Jabatan dan Agensi Kementerian juga telah diarah mengambil langkah-langkah sewajarnya termasuklah usaha menerapkan unsur-unsur pendekatan Bina Insan ini ke dalam setiap kursus atau latihan yang dianjurkan untuk pegawai dan kakitangan dan kumpulan sasaran masing-masing sebagai suatu rancangan program yang berterusan.

Adalah diharapkan pendekatan baru ini akan dapat dirumuskan dengan lebih terperinci dan akan dapat melibatkan kumpulan sasaran di masa akan datang.

PERBELANJAAN BADAN-BADAN BERKANUN

25. Tuan Bahari bin Harun minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengawasi perbelanjaan badan-badan berkanun;
- (b) adakah Kementerian berpuas hati dengan kawalan perbelanjaan setakat ini;
- (c) adakah badan-badan berkanun Kerajaan mampu membayar balik pinjaman-pinjaman. Jika ya, berapakah jumlahnya yang sudah dibayar dan berapakah badan-badan yang telah memohon menjadual semula bayaran balik pinjaman.
- (d) apakah faktor-faktor yang diambil kira bagi penghapusan hutang-hutang badan berkanun; dan
- (e) adakah pernah badan-badan berkanun yang telah memohon berbuat demikian. Jika ya, berapa yang telah berbuat demikian.

Menteri Kewangan (Tuan Daim Zainuddin):

(a) Di antara langkah-langkah yang telah diambil bagi mengawasi perbelanjaan badan-badan berkanun adalah seperti berikut:

- (i) Bagi badan-badan berkanun yang menerima peruntukan kewangan daripada Kerajaan, pada setiap pemeriksaan belanjawan tahunan, Kementerian Kewangan akan menilai prestasi perbelanjaan badan-badan berkanun di tahun-tahun lalu sebelum menentukan jumlah peruntukan kepada badan-badan berkanun tersebut. Di samping itu Kementerian Kewangan juga mengkaji kedudukan kewangan badan-badan berkanun untuk memastikan bahawa badan-badan berkanun tidak mempunyai wang yang berlebihan dan membelanja atas perkara-perkara tidak perlu.
- (ii) Bagi badan-badan berkanun yang mempunyai sumber kewangannya sendiri, semua keperluan bagi jawatan tambahan hendaklah mendapatkan kelulusan Kementerian Kewangan. Di samping itu, suatu Jawatankuasa telah ditubuhkan di bawah Unit Perancang Ekonomi, dengan dianggotai oleh wakil-wakil dari Kementerian Kewangan dan Bank

Negara bagi mengawasi kemajuan kewangan dan pelaksanaan projek-projek badan-badan berkanun yang terbesar.

(iii) Kementerian Kewangan juga mempunyai wakil-wakil di dalam lembaga-lembaga pengaruh badan-badan berkanun yang ditugaskan untuk memastikan supaya perbelanjaan-perbelanjaan yang dibuat oleh badan-badan berkanun adalah selaras dengan dasar dan objektif-objektif badan-badan berkanun tersebut.

(iv) Kementerian Kewangan juga telah mengeluarkan pekeliling perbendaharaan Bil. 2/1985 mengenai garis panduan perakaunan bagi kegunaan badan-badan berkanun. Di antara lain, garis panduan ini menerangkan mengenai konsep dan asas perakaunan, dasar perakaunan, objektif penyata kewangan, bentuk dan asas penyata kewangan termasuk penilaian ke atas harta dan tanggungan dan perakaunan untuk hasil perbelanjaan, rezab dan grant mengikut prinsip perakaunan yang diterima umum.

(b) Kementerian Kewangan berpuashati dengan kawalan perbelanjaan ke atas badan-badan berkanun sekarang ini. Walau bagaimanapun, Kementerian Kewangan akan terus mengambil langkah-langkah perlu dari masa ke

semasa untuk memperketatkan lagi kawalan perbelanjaan ke atas badan-badan berkanun selari dengan langkah-langkah berjimat cermat Kerajaan.

(c) Badan-badan berkanun kerajaan didapati mampu setakat ini untuk membayar balik pinjaman-pinjaman yang telah dikeluarkan sungguhpun ada beberapa pinjaman-pinjaman yang lewat dibayar oleh beberapa badan berkanun tersebut. Jumlah terima bayaran balik yang dibuat oleh badan-badan berkanun dalam tempoh rancangan Malaysia keempat adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah Terimaan Balik</i>
1981	\$ 90,762,773.92
1982	\$187,769,273.97
1983	\$100,547,675.87
1984	\$119,877,795.90
1985	\$326,652,987.88
JUMLAH ..	<u>\$825,610,507.54</u>

Bagi pinjaman-pinjaman yang telah lewat dibayar oleh badan berkanun tersebut, Perbendaharaan sedang mengambil tindakan agar segala tunggakan-tunggakan itu dapat dijelaskan dalam masa yang ditetapkan. Sehingga hari ini hanya 8 badan berkanun sahaja telah memohon penjadualan semula ke atas pinjaman-pinjaman yang tertunggak.

(d) Pada masa ini Kerajaan belum lagi menghapuskan mana-mana hutang oleh badan-badan berkanun memandangkan tidak ada peruntukan undang-undang yang membolehkan penghapuskira hutang-hutang tersebut melainkan segala

tindakan telah diambil oleh Kerajaan seperti menuntut mereka dalam mahkamah. Seperti yang telah dinyatakan di atas badan-badan berkanun mempunyai keupayaan membayar balik hutang-hutang mereka. Hanya beberapa pinjaman sahaja dan tindakan sedang diambil untuk mendapatkannya.

- (e) Tidak ada hutang Kerajaan yang telah dihapuskan.

(Soalan No. 26 Sila lihat Jawapan No. 2 pada 11-3-86)

MAJLIS PERUNDING BELIA

27. Tuan Omar bin Abdullah minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan tentang jumlah Majlis Perunding Belia yang telah ditubuhkan. Apakah matlamat-matlamat utama penubuhan majlis ini.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Setakat ini lima buah Majlis Perundingan Belia telah ditubuhkan iaitu sebuah di peringkat kebangsaan dan empat buah di peringkat negeri, iaitu:

- (i) Pulau Pinang
- (ii) Negeri Sembilan
- (iii) Perak
- (iv) Melaka

Matlamat utama Majlis Perundingan Belia Negara adalah seperti berikut:

- (i) Untuk membincangkan masalah-masalah belia dan bertindak sebagai penasihat kepada Menteri berkenaan dengan membentuk dan mengulangkaji rancangan belia;

- (ii) Bertindak sebagai satu badan perundingan dan penasihat bagi semua Pertubuhan Belia Negara di Malaysia;

- (iii) Menyelaras rancangan-rancangan dan kegiatan-kegiatan semua pertubuhan belia di Malaysia;

- (iv) Menyalurkan minat dan tenaga belia untuk membangunkan negara; dan

- (v) Berusaha ke arah menanamkan perasaan-perasaan taat setia terhadap negara dan mengwujudkan semangat kebangsaan di kalangan belia.

Majlis Perundingan Belia di peringkat negeri mempunyai matlamat yang sama seperti Majlis Perundingan Belia Negara.

(Soalan No. 28. Sila lihat Jawapan No. 2 pada 11-3-86).

HOSPITAL DUCHESS OF KENT—ALAT KELENGKAPAN

29. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar terdapat banyak alat-alat di Hospital Duchess of Kent, Sandakan yang ketinggalan zaman dan berada dalam keadaan buruk dan nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk membaiki kemudahan-kemudahan di hospital tersebut, supaya dapat memberi perkhidmatan kesihatan yang lebih baik kepada rakyat dan nyatakan mengapa hospital tersebut tidak mempunyai perkhidmatan kesualti dan bilakah perkhidmatan seumpama itu akan diperkenalkan.

Dato' K. Pathmanaban: Saya sedar bahawa terdapat alat-alat kelengkapan lama di Hospital Duchess of Kent, Sandakan dan peralatan-peralatan lama yang tidak sesuai digunakan lagi itu akan diganti dengan peralatan yang

lebih moden secara berperingkat-peringkat. Untuk makluman Yang Berhormat itu, dalam tahun 1985 sebanyak \$250,000.00 telah diperuntukkan bagi membeli peralatan baru manakala bagi tahun 1986 sebanyak \$180,000.00 telah disediakan bagi maksud yang sama.

Mengenai perkhidmatan kesualti, pada masa ini perkhidmatan kesualti sudah ada di Hospital Duchess of Kent. Sebuah bilik di Jabatan Pesakit Luar digunakan bagi perkhidmatan ini di mana seorang Pegawai Perubatan yang bertugas atas panggilan ditempatkan bagi menguruskan kes-kes kecemasan. Perkhidmatan kesualti di Hospital tersebut sedang berjalan dengan sempurna sekarang.

SISWAZAH UNIVERSITI— KESUKARAN MENDAPAT KERJA

30. Dato' Michael Chen Wing Sum minta Menteri Buruh menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa sebilangan yang besar lepasan universiti tidak mendapat atau mempunyai kesusahan mendapatkan kerja dan jika ya, apakah sebab-sebab utamanya.

Datuk William Lye Chee Hien: Kerajaan memang sedar bahawa ramai siswazah-siswazah universiti sedang mengalami kesukaran untuk mendapat pekerjaan. Sebab-sebab utama keadaan ini berlaku adalah oleh kerana:

- (i) kekurangan peluang pekerjaan di sektor swasta akibat kemelesetan ekonomi yang berlaku sekarang. Di samping itu Kerajaan juga terpaksa melepaskan pemegang-pemegang biasiswa yang tidak dapat diserapkan ke dalam perkhidmatan Kerajaan dan mereka ini turut bersaing untuk

merebut peluang-peluang pekerjaan yang terhad di sektor tersebut;

- (ii) siswazah-siswazah yang baru sahaja keluar dari universiti-universiti tidak mempunyai pengalaman yang diperlukan ataupun mempunyai sesuatu kemahiran yang sukar untuk memenuhi permintaan pasaran oleh kerana mereka berijazah dalam bidang pengkhususan yang sempit dan tidak selaras dengan keperluan guna-tenaga negara; dan
- (iii) gaji dan lain-lain kemudahan yang ditawarkan oleh para majikan adalah kurang daripada jangkakan siswazah-siswazah lebih-lebih lagi dalam zaman kemelesetan ekonomi. Keadaan ini sedikit sebanyak menyebabkan setengah-setengah siswazah sanggup menganggur daripada memiliki pekerjaan yang tidak memberi ganjaran yang memuaskan.

PERISTIWA MEMALI— TAHANAN

31. Tuan Lim Kit Siang Minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapa Kerajaan menahan 36 orang yang ditangkap berhubung dengan insiden Kampung Memali pada November 19 lalu di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri yang memperuntukkan tahanan tanpa perbicaraan dan bukan sebaliknya mendakwa mereka dalam Mahkamah untuk memberitahu mereka peluang untuk mengadakan perbicaraan terbuka seperti dinyatakan dahulu oleh pihak berkuasa.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Setelah siasatan dijalankan oleh pihak Polis selesai didapati mereka bukan

sahaja terlibat dalam perbuatan-perbuatan yang berunsur jenayah tetapi juga terlibat dalam kegiatan-kegiatan yang lebih serius yang boleh mengancam keselamatan negara.

Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 memperuntukkan kuasa menahan tanpa bicara sesiapa sahaja yang terlibat dalam kegiatan-kegiatan yang mengancam keselamatan negara. Oleh itu adalah sesuai mereka yang terlibat secara langsung dalam Peristiwa Memali yang lalu ditahan di bawah undang-undang ini. Walau bagaimanapun sukalah saya menegaskan bahawa dengan adanya peruntukan undang-undang ini tidak bererti Kerajaan menggunakan kuasanya dengan sewenang-wenangnya tetapi segala tindakan Kerajaan adalah berasaskan kepada siasatan yang rapi dan bukti-bukti yang kukuh.

STADIUM TERTUTUP

32. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa tidak akan terdapat apa-apa stadium dalam (indoor stadium) di Kuching apabila Sekolah Rendah Chung Hua 3 diroboh. Jika ya, adakah Kerajaan bercadang membantu pihak berkuasa Sarawak dalam membina sebuah stadium dalam yang baru di Kuching untuk memenuhi keperluan rakyat Sarawak.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tidak mempunyai rancangan untuk membina sebuah stadium tertutup di Kuching atau membantu membiayai perbelanjaan membina sebuah stadium tertutup.

HARGA BAJA SERENDAH

33. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Pertanian menyatakan

adakah Kementerian beliau hendak bercadang mengurangkan harga baja serendah yang boleh untuk kegunaan petani-petani dan pekebun-pekebun di negara kita ini, kerana harga baja sekarang sangat tinggi.

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tersebut merangkum bidang-bidang yang lebih luas daripada bidang tugas Kementerian Pertanian. Ini adalah kerana baja sebagai bahan input pertanian adalah diperdagangkan secara bebas dan melibatkan sektor swasta dan awam. Baja juga bukanlah salah satu daripada barang-barang terkawal yang tertakluk kepada syarat pengedaran dan harga yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, kebanyakan baja-baja yang terdapat dalam pasaran negara ini terdiri daripada baja campuran bahan-bahan kimia seperti urea, phosphate dan potassium yang sebahagian besar daripadanya adalah diimport. Oleh yang demikian penawaran dan harga baja dalam pasaran Malaysia adalah tertakluk kepada keadaan penawaran dan permintaan bukan sahaja baja tersebut tetapi juga bahan-bahan kimia berkenaan sama ada di pasaran tempatan atau luar negeri.

Penglibatan Kementerian di dalam pasaran baja hanyalah tertumpu kepada skim subsidi baja padi yang telah dilancarkan semenjak bulan Julai tahun 1979. Pengaruh Kementerian ke atas penentuan harga baja adalah terbatas memandangkan bahawa pembekalan dan harga baja adalah tertakluk kepada syarat tawaran tender yang semestinya dipengaruhi oleh keadaan tawaran dan permintaan seperti disebut di atas.

Oleh yang demikian Kementerian tidaklah boleh menurunkan harga sesuka hati tanpa berunding terlebih

dahulu dengan pihak pembekal dan Bahagian Kontrak Perbendaharaan Malaysia. Kementerian sudah pasti akan memberi perhatian berat kepada perkara ini supaya sekiranya harga baja turun ianya akan dapat dinikmati bersama oleh kumpulan sasaran kita iaitu penanaman padi khasnya dan petani lain amnya.

PERSATUAN BAHASA CINA UNIVERSITI MALAYA—PENUBUHAN

34. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Pelajaran menyatakan merujuk kepada jawapan beliau bahawa Persatuan Bahasa Cina telah diharamkan pada 19-12-74 oleh kerana subversif (subversion), yang diberikan kepada soalan dalam Dewan dalam bulan Oktober, 1984, hampir 1½ tahun yang lalu dan mengenai kebenaran untuk penubuhan Persatuan Bahasa Cina dalam Universiti Malaya dan sejak itu nyatakan.

- (a) sama ada Menteriannya telah menerima sebarang permohonan untuk menubuh Persatuan Bahasa Cina itu; dan
- (b) sama ada Menteriannya telah meminta dari pemohon itu suatu jaminan bahawa Persatuan tersebut tidak akan dipengaruhi oleh anasir-anasir subversif dan tidak akan menjalankan aktiviti-aktiviti subversif; dan
- (c) jikalau, tidak apakah yang Menteriannya telah lakukan selepas, 1½ tahun ini, apabila soalan ini mula ditimbulkan dan sama ada sikap begitu selaras atau tidak dengan slogan Kerajaan, "Bersih Cekap Amanah".

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran telah

menerima permohonan untuk menubuhkan Persatuan Bahasa Cina Universiti Malaya. Kementerian Pelajaran, pada dasarnya tiada halangan bagi penubuhan persatuan tersebut. Perkara ini akan dipanjangkan kepada pihak Majlis Universiti berkenaan untuk tindakan yang sesuai.

BANTUAN KEPADA GOLONGAN MISKIN

35. Tuan Haji Ahmed Hambal bin Yeop Majlis minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan:

- (a) jenis-jenis bantuan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian ini di dalam usaha membantu golongan-golongan miskin yang terdapat di dalam negara ini terutamanya yang tinggal di luar bandar. Dan nyatakan berapakah banyak bantuan yang telah dikeluarkan dalam tahun 1985; dan
- (b) adakah pihak Kementerian bercadang untuk memberikan bantuan yang lebih berkesan kepada golongan-golongan miskin ini bagi memulihkan taraf hidup dan pendapatan mereka; misalnya dengan memberikan bantuan ternak binatang (kambing, ayam dsb.) atau bantuan-bantuan lain yang difikirkan boleh memulihkan penghidupan mereka.

**Menteri Kebajikan Masyarakat
(Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):**

- (a) Kementerian Kebajikan Masyarakat telah mengadakan 8 jenis bantuan untuk orang-orang miskin di negara ini, iaitu Penyaraan Kanak-kanak, Penyaraan Orang Tua, Elaun Pekerja Cacat, Bantuan Am, Bantuan Pelancaran, Bantuan

Alat Otopedik, Bantuan Cermin Mata dan Bantuan Badan Pemasaran. Bagi tahun 1985, sejumlah \$27.5 juta telah dibelanjakan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kementerian saya sudah pun ada satu skim pemulihan yang dikenali sebagai Skim Bantuan Pelancaran yang bertujuan untuk memberi modal bagi membolehkan seseorang menjalankan sesuatu kegiatan perniagaan kecil atau kegiatan-kegiatan yang lain untuk menambah mata pencarian dan memperbaiki taraf hidup mereka.

ii. Selain dari itu, satu program yang dinamakan Program Pembangunan Sosial telah diperkenalkan dalam tahun 1983. Tujuan program ini adalah untuk mendorong sesuatu kelompok masyarakat tempatan untuk bersatu padu dan berusahasama mengenal-pasti serta mengadakan berbagai aktiviti dengan menggunakan sumber tempatan. Program ini sedang dilaksanakan di 32 buah kawasan yang kurang maju di bandar mahupun di luar bandar di seluruh negara. Di bawah program ini berbagai projek ikhtisas telah diwujudkan dengan tujuan memper-tingkatkan taraf penghidupan orang-orang miskin dalam kawasan yang terlibat. Di samping itu, pertubuhan-pertubuhan suka rela juga telah digalakkan oleh Kementerian saya supaya mengadakan perusahaan-perusahaan kecil untuk orang

cacat yang dikendalikan oleh pertubuhan-pertubuhan suka-rela yang telah memberi pekerjaan kepada seramai 357 orang.

USUL

RANCANGAN MALAYSIA KELIMA 1986-1990

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa Dewan ini menyedari kemajuan yang telah dicapai dalam usaha melaksanakan Rancangan Malaysia Keempat, bersetuju dengan usaha-usaha Kerajaan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru untuk mencapai tujuan utama, iaitu perpaduan negara serta mengekalkan keamanan dan keselamatan; melulus dan menyetujui Rancangan Malaysia Kelima yang telah dirangka untuk menyesuaikan dan menumpukan dasar-dasar dan program-program bagi mengekalkan perkembangan sosio-ekonomi dan menjamin kestabilan ekonomi dalam jangka panjang serta meneruskan langkah-langkah untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bilangan 15 Tahun 1986. Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kelima ini, Dewan ini menyeru semua rakyat Malaysia dari segenap lapisan untuk berusaha dengan lebih gigih lagi serta melengkapkan diri mereka untuk menghadapi cabaran sosio-ekonomi dan politik yang lebih besar selaras dengan hasrat Rukunegara dan bersatupadu untuk mewujudkan negara yang adil, progresif dan kukuh. (31hb Mac, 1986).

Timbalan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah selesai menjawab?

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan (Tuan Awang bin Jabar): Sudah.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

3.38 *ptg.*

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan usul Rancangan Malaysia Kelima di Dewan yang mulia ini yang berkaitan dengan fungsi dan tugas-tugas Jabatan serta agensi-agensi di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kapit, Baling, Jerantut, Sibu, Hilir Padas dan Tampin yang telah menyentuh beberapa perkara khususnya soal-soal pembekalan projek-projek kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air, api jalan-jalan kampung dan juga jalan-jalan luar bandar serta fungsi-fungsi MARA, ianya akan saya jelaskan secara menyeluruh. Kalaulah terdapat perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan tidak berjawab dengan detail ianya tetap akan diambil perhatian dan tindakan; jika sesuai, akan diambil oleh Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Jerantut, Baling dan Kapit mengenai kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan elektrik, bekalan air, jalan luar bandar dan jalan kampung, sukacita saya nyatakan sekali lagi di Dewan yang

mulia ini bahawa walaupun dalam keadaan ekonomi yang meleset yang dialami oleh negara kita sejak beberapa tahun yang lepas, Kerajaan terus akan melaksanakan kemudahan-kemudahan asas ini di kawasan-kawasan luar bandar peringkat demi peringkat berdasarkan kepada kemampuan Kerajaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, di bawah Rancangan Malaysia Kelima ini walaupun ekonomi dijangka masih tidak menggalakkan, Kerajaan akan terus melaksanakan berbagai-bagai kemudahan-kemudahan asas di kawasan luar bandar. Misalnya dalam program bekalan air dalam bandar, Kerajaan akan melaksanakan satu projek raksaksa yang akan menelan belanja sebanyak \$1,430 juta. Sudah tentu apabila siapnya rancangan ini hampir keseluruhan kawasan luar bandar akan dapat menikmati bekalan air bersih.

Begitu juga dengan program bekalan elektrik luar bandar dan program jalan luar bandar dan jalan kampung, masing-masing mendapat peruntukan sebanyak \$469.2 juta dan \$1,011.8 juta yang telah dicadangkan di bawah Rancangan Malaysia Kelima ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Sibu telah juga membangkitkan mengenai jumlah rumah yang akan mendapat bekalan elektrik luar bandar bagi negeri Sarawak di bawah Rancangan Malaysia Kelima adalah berjumlah 24,900 buah jika dibandingkan dengan 37,300 buah di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Ini memang benar kerana peruntukan bagi program bekalan elektrik luar bandar telah diturunkan daripada \$617.18 juta di bawah Rancangan Malaysia Keempat kepada \$469.2 juta di bawah Rancangan Malaysia Kelima.

Jangkaan jumlah penerima faedah terpaksa dikurangkan bukan sahaja bagi negeri Sarawak tetapi juga bagi negeri-negeri lain akibat daripada kekurangan peruntukan tersebut. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima ini keadaan ekonomi diramalkan masih tidak menggalakkan. Dengan demikian, peruntukan pembangunan terpaksa dikurangkan.

Namun demikian, apabila keadaan ekonomi negara menjadi bertambah baik, Kerajaan sudah tentu akan mengkaji semula peruntukan program-program bekalan elektrik luar bandar di bawah tempoh Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima nanti.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan saranan Ahli Yang Berhormat dari Hilir Padas supaya Kementerian saya memberikan peruntukan yang lebih kepada Sabah dan Sarawak untuk melaksanakan kemudahan asas, suka saya menyatakan bahawa memang Kementerian saya memberikan perhatian utama kepada negeri-negeri yang masih kekurangan kemudahan asas, termasuklah juga negeri Sabah dan Sarawak. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima ini, Sabah telah diperuntukkan sebanyak \$48.8 juta untuk bekalan elektrik dan negeri Sarawak sebanyak \$40.3 juta.

Bagi projek Jalan Kampung pula, \$30 juta telah pun diperuntukkan bagi negeri Sabah dan \$22 juta bagi negeri Sarawak. Bagi jalan luar bandar \$64.8 juta telah diperuntukkan bagi negeri Sabah dan \$43.2 juta bagi negeri Sarawak.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tampin, sukalah saya mentaklumkan bahawa sememangnya MARA bercadang hendak menubuhkan kawasan industri kecil di

Mukim Batu, Kuala Lumpur dan ianya dijangka siap pada tahun 1987 nanti.

Di samping itu juga MARA juga akan melaksanakan program kawasan industri kecil di beberapa negeri lain seperti di Pahang, Perak, Pulau Pinang dan Kelantan. Tindakan-tindakan ke arah melaksanakan di negeri-negeri tersebut sedang dibuat pada masa ini.

Saranan Ahli Yang Berhormat berkenaan MARA agar MARA bekerjasama dengan Perbendaharaan dalam soal menyelaraskan kontrak-kontrak Kerajaan, perlu saya tegaskan di sini bahawa MARA sentiasa bekerjasama erat dengan Perbendaharaan Malaysia dalam menyelaraskan kontrak-kontrak Kerajaan sebagai usaha untuk mewujudkan peluang pasaran kepada hasil keluaran usahawan dan anak-anak syarikat MARA sendiri.

Konsep payung yang dilaksanakan pada masa ini akan diteruskan bagi faedah kepada product dan hasil-hasil oleh usahawan yang dimajukan melalui kawasan industri.

Bagi mencapai matlamat tersebut, projek-projek dan usahawan yang akan ditempatkan di dalam kawasan industri kecil ini akan dikenalpasti terlebih dahulu supaya product dan hasil yang dihasilkan disesuaikan dengan pasaran kontrak Kerajaan dan pasaran terbuka. Di dalam melaksanakan program pembangunan usahawan termasuk pembangunan kawasan industri kecil, MARA sedang dan akan terus bekerjasama erat dengan agensi-agensi lain, khususnya yang mempunyai kepakaran tertentu untuk disalurkan kepada usahawan-usahawan bumiputera.

Selain daripada mendapatkan manfaat secara tepat, kerjasama dengan agensi-agensi lain juga akan mengelakkan daripada berlakunya

duplikasi kerja. Di antara agensi-agensi yang mempunyai kerjasama erat dengan MARA di dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti tersebut termasuklah SIRIM, MARDI dan agensi-agensi lain di bawah Kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh aktiviti-aktiviti Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, sama ada ianya berupa teguran, mahupun cadangan dan saranan. Kesemua perkara-perkara tersebut akan diambil perhatian oleh Kementerian di dalam tempoh pelaksanaan projek sepanjang Rancangan Malaysia Kelima ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran.

3.45 ptg.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, sepanjang perbincangan mengenai Rancangan Malaysia Kelima di Dewan ini, Dewan yang mulia serta ternama, seramai 8 orang Ahli Yang Berhormat telah menyentuh beberapa perkara berhubung dengan pelajaran di bawah tanggungjawab Kementerian saya.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh yang mula bercerita, Ahli-ahli Kota Melaka, Jerantut, Baling, Bagan Serai, Kuala Lumpur Bandar dan Sibul menyusul pula dan Ahli Yang Berhormat dari Matang mengakhiri senarai kemudiannya.

Tuan Yang di-Pertua, atas pandangan, teguran dan cadangan yang membina dari Ahli-ahli Yang Berhormat itu yang mengawakili kawasan-kawasan mereka, bagi pihak

Kementerian Pelajaran, ingin saya berkata terima kasih atas pendapat-pendapat berharga yang telah diutarakan.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah menjadi tugas saya untuk memohon keizinan memberi sedikit ulasan atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang budiman.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh, Tuan Yang di-Pertua, telah mencadangkan supaya pendidikan pra-sekolah dijadikan sebahagian daripada sistem persekolahan supaya ianya akan memudahkan pengawasan, pengawalan dan penyelarasan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan bahawa perkara ini sedang dikaji oleh Kementerian Pelajaran oleh kerana ianya mempunyai banyak implikasi. Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran sentiasa mengambil berat mengenai corak pendidikan di peringkat pra-sekolah yang sedang berjalan sekarang ini.

Mengikut peratusan sekarang, semua tadika anjuran swasta dikehendaki mendaftar dengan Kementerian Pelajaran. Tadika-tadika yang ada dikehendaki menggunakan garis panduan aktiviti-aktiviti pra-sekolah yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran. Usaha-usaha sedang dijalankan untuk memberikan kursus, pendedahan kepada mereka mengenai falsafah, orientasi, kandungan aktiviti dan teknik-teknik pengurusan supaya tidak bertindih dengan pengajaran di peringkat darjah satu.

Kementerian Pelajaran sentiasa mengambil langkah memastikan wujudnya keseimbangan di antara kegiatan-kegiatan di peringkat pra-sekolah dengan pengajaran di peringkat sekolah rendah.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh juga telah

mencadangkan supaya masa persekolahan dijalankan dari pukul 8.00 pagi sehingga 4.00 petang supaya masa untuk mempelajari matapelajaran yang kian bertambah itu adalah mencukupi. Mengikut beliau, dengan pertambahan masa juga sekolah akan dapat menjalankan kegiatan ko-kurikulum dengan teratur dan terkawal. Kanak-kanak juga boleh mendapat lebih banyak peluang untuk berinteraksi dan menambah pengetahuan untuk memupuk bakat mereka dalam bidang seni dan rekreasi.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan Ahli Yang Berhormat itu adalah baik tetapi ia tidak dapat dilaksanakan di negara kita ini pada masa sekarang ini kerana kini lebih kurang 70% daripada murid di sekolah rendah dan 80% daripada murid di sekolah menengah menghadiri sekolah dua sidang. Konsep persekolahan dari jam 8.00 pagi-4.00 petang bermaksud sekolah satu sidang dan pelaksanaannya membawa erti bahawa kemudahan fizikal perlu ditambah sebanyak lebih kurang 54% bagi sekolah rendah dan lebih kurang 60% bagi sekolah menengah.

Tuan Yang di-Pertua, ini akan membawa implikasi yang besar dari segi kos pembiayaan dan kadar pembinaan, lebih-lebih lagi dalam keadaan ekonomi meleset sekarang yang memerlukan kita memberi perhatian kepada perkara-perkara yang lebih mendesak mengikut keutamaan dari segi keperluan. Dalam masa Rancangan Malaysia Kelima, sebagaimana pernah saya sebutkan di Dewan ini, iaitu kita menganggarkan bahawa kita memerlukan lebih kurang 50,000 bilik darjah iaitu 26,000 untuk sekolah rendah dan 24,000 bilik darjah untuk sekolah menengah. Namun dengan peruntukan yang dicadangkan untuk Kementerian Pelajaran dalam Rancangan Malaysia Kelima ini, kita hanya mampu meluluskan hanya lebih

kurang 12,111 bilik darjah sahaja iaitu 8,997 buah untuk sekolah rendah dan 3,114 buah untuk sekolah menengah.

Tuan Yang di-Pertua, perlu juga saya jelaskan bahawa kalau sekiranya kita melaksanakan apa yang telah disarankan oleh Ahli Yang Berhormat, kita terpaksa menghapuskan apa yang kita laksanakan pada masa ini dalam usaha kita untuk menampung keperluan bilik darjah bagi anak-anak kita, iaitu kita menggunakan apa yang dikatakan "double session" atau dua sidang. Keduanya jumlah pelajar-pelajar kita bertambah tiap-tiap kelas, kemudian juga mengadakan apa yang dikatakan "floating classes", dengan izin, iaitu kelas yang pergi dari satu tempat ke satu tempat, kemudian kita juga mengamalkan aktiviti menumpang di mana apabila tidak dapat tempat untuk anak-anak kita di sekolah, kita menumpang di sekolah-sekolah yang lama seperti sekolah rendah bagi sekolah menengah dan juga kita merancang untuk mengadakan projek kilat, gotong royong dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah menimbulkan perkara mengenai sekolah Mission Katolik. Saya ingin menyangkal dakwaan Ahli Yang Berhormat yang mengatakan bahawa Kementerian Pelajaran tidak mengambil kira sensitiviti pelbagai kaum di negara ini khususnya dalam isu perlantikan Guru Besar Sekolah Menengah Convent, Kota di Taiping. Sebenarnya perlantikan tersebut telah dibuat mengikut tatacara yang telah dipersetujui antara pihak Mission dan Kementerian Pelajaran. Sebelum perlantikan itu dibuat, perunding pihak Mission telah mengemukakan tiga orang calon, tetapi semuanya tidak layak dari segi syarat-syarat kenaikan pangkat. Selaras dengan itu tatacara yang telah dipersetujui itu, pihak Mission telah meminta Kementerian Pelajaran melantik

seorang calon yang layak mengikut syarat-syarat tersebut dan telah menyatakan kesediaan untuk menerima perlantikan yang dibuat oleh Kementerian Pelajaran. Mengikut tatacara itu juga, sebuah sekolah Mission juga tidak semestinya diketuai oleh seorang Guru Besar dari mazhab yang berkenaan dan hakikat ini telah diterima oleh semua pihak. Oleh yang demikian, dakwaan Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak tepat.

Berhubung dengan hak ibubapa menghantar anak-anak mereka ke sekolah pilihan mereka, saya ingin menjelaskan bahawa Kerajaan sentiasa menghormati hak ini. Ibubapa adalah bebas untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah bantuan Kerajaan atau sekolah swasta. Mereka adalah bebas untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah rendah yang berbahasa pengantar Bahasa Kebangsaan, bahasa Cina ataupun bahasa Tamil. Tetapi kalau yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu hak ibubapa memilih sekolah tertentu di kawasan tertentu, saya percaya Ahli Yang Berhormat itu sendiri sedar bahawa adalah mustahil bagi Kerajaan atau mana-mana pihak sekalipun hendak menunaikan semua permintaan oleh kerana bilangan murid yang boleh dimasukkan ke sesebuah sekolah itu ada hadnya.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga menghormati hak ibubapa untuk mendapatkan pengajaran agama untuk anak-anak mereka di sekolah-sekolah Mission. Sekolah-sekolah Mission tidak pernah disekat untuk mengadakan kelas agama dan guru-guru yang mengajar di kelas-kelas ini tidak pernah didera seperti yang didakwa oleh Ahli yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Jerantut juga telah

berucap mengenai peranan sistem pelajaran dalam penyediaan sumber tenaga manusia bagi sektor perindustrian dan pembangunan negara. Di sini saya ingin menjelaskan bahawa Kementerian Pelajaran sentiasa mengikut arah dan matlamat yang ditujui oleh negara dan menyesuaikan matlamat dan program pendidikan selaras dengan arah dan matlamat yang tersebut khususnya untuk mewujudkan perpaduan di kalangan penduduk-penduduk berbilang kaum dan untuk melahirkan tenaga manusia untuk pembangunan negara. Kementerian Pelajaran memberi pendidikan kepada murid-murid supaya mereka menjadi rakyat yang berpengetahuan, berkebolehan dan berdisiplin untuk keperluan diri, bangsa dan negara. Selain dari itu, Kementerian Pelajaran juga memberi pendedahan kepada alam pekerjaan melalui beberapa mata pelajaran di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah rendah, sekolah menengah dan politeknik-politeknik.

Tuan Yang di-Pertua, pelajar-pelajar di sekolah-sekolah menengah vokasional dan politknik adalah diberi peluang untuk memilih beberapa bidang khusus yang ada hubungan kait dengan industri di negara kita. Selain daripada memberi pendidikan dalam bidang pendidikan am, mereka juga dilengkapi dengan kemahiran-kemahiran tertentu. Kementerian Pelajaran sentiasa mengkaji dan memperbaiki kurikulum bagi latihan kemahiran ini, supaya sesuai dengan kehendak-kehendak industri negara kita. Bilangan pelajar-pelajar yang diberi peluang untuk mencebur diri dalam bidang latihan kemahiran meningkat dari tahun ke setahun. Pendidikan am dalam mata pelajaran seperti bahasa, hisab dan sains adalah perlu bagi membina asas bagi latihan dalam bidang-bidang pekerjaan dan kemahiran yang diperlukan oleh industri. Kementerian

Pelajaran juga merancang hendak memulakan kursus-kursus 6 bulan hingga setahun dalam beberapa bidang ketukangan di sekolah-sekolah vokasional bagi mereka yang telah tamat persekolahan di peringkat SRP, SPM, SPVM dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, kursus ini akan diadakan selepas waktu persekolahan biasa iaitu sebelah malam. Perjalanan kursus ini adalah tertakluk kepada permintaan daripada lapan-lepasan sekolah dan adanya peruntukan bagi memulakan kursus ini nanti. Beberapa agensi selain daripada Kementerian Pelajaran juga memberi perhatian kepada perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Jerantut, Baling, Bagan Serai, Sibu dan Matang telah menyentuh soal kemudahan bagi sekolah-sekolah luar bandar. Kementerian Pelajaran sentiasa berusaha untuk mengatasi kekurangan yang wujud di sekolah-sekolah di luar bandar. Di antara langkah-langkah yang diambil ialah:

- (1) menempatkan guru-guru terlatih dan berpengalaman di luar bandar;
- (2) memberi keutamaan kepada projek pembangunan sekolah di luar bandar;
- (3) memberi peruntukan pengurusan yang besar kepada sekolah-sekolah di luar bandar; dan
- (4) menyalurkan lebih banyak perkhidmatan sokongan seperti rancangan makanan tambahan, projek subsidi susu, bantuan buku teks kepada sekolah-sekolah di luar bandar.

Mengenai peruntukan mengurus iaitu bagi lain-lain Perbelanjaan Berulang Tahun iaitu LPBT dan bagi

Lain-lain Perbelanjaan Khas iaitu LPK, Kementerian Pelajaran sebenarnya menggunakan kadar yang sama bagi semua jenis sekolah sama ada sekolah kebangsaan ataupun sekolah rendah jenis kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran juga sentiasa mengambil berat tentang masalah kemudahan fizikal yang dihadapi oleh sekolah-sekolah di luar bandar. Oleh sebab inilah Kementerian Pelajaran telah memperuntukkan lebih 80% daripada peruntukan pembangunan sekolah rendah disalurkan kepada program sekolah rendah di kawasan luar bandar. Dalam peruntukan bagi sekolah menengah pula, secara purata 2/3 daripada peruntukan tersebut telah disalurkan kepada kawasan-kawasan luar bandar. Walau bagaimanapun segala kemudahan tidak dapat dipenuhi dalam masa yang singkat. Masalah ini akan diatasi peringkat demi peringkat mengikut kemampuan kewangan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bandar Sibu telah membangkitkan soal kekurangan guru bahasa ibunda di Sarawak dan juga kekurangan guru amnya. Ingin saya menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat, sebenarnya kekurangan guru terutama sekali guru terlatih di beberapa bidang termasuklah bidang yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tidak sahaja dan bukan sahaja terdapat di Sarawak tetapi terdapat juga di negeri-negeri yang lain di negara kita ini. Kekurangan guru terlatih tidak terhad bagi satu-satu bahasa tetapi terdapat juga bagi Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kekurangan guru di negara kita ini adalah akibat daripada pertambahan murid yang masuk ke sekolah iaitu, dengan izin, participation rate, di peringkat rendah sahaja telah mencapai taraf iaitu 97%

walaupun kita mengamalkan sistem, dengan izin, universalisation of education. Sebab yang lain lagi ialah proses natural iaitu guru bersara, meninggal dan meletakkan jawatan. Yang satu lagi ialah keperluan kepada guru khas seperti guru pemulihan, guru kaunselling dan sebagainya. Ini menyebabkan bertambah bilangan guru yang kami perlukan.

Yang akhir sekali ialah kita juga kini sedang melaksanakan program Kurikulum Baru Sekolah Rendah dan Kurikulum Baru Sekolah Menengah yang akan kita laksanakan dan faktor-faktor ini menyebabkan bahawa kita masih memerlukan guru-guru. Selain daripada itu pada amnya penduduk juga bertambah dan sudah tentulah anak-anak yang ingin pergi ke sekolah juga bertambah dan sudah pasti kita memerlukan lebih ramai guru daripada apa yang pernah kita adakan di masa lepas.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya jelaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa pada amnya kita mengatasi masalah ini seperti berikut:

- (1) kita laksanakan program KBSR dan program KBSM berperingkat-peringkat;
- (2) kita menambah pengambilan guru yang terlatih di Maktab-maktab Perguruan hingga setengah-setengah Maktab Perguruan mempunyai dua sidang pada masa ini iaitu pertambahan daripada 50% kepada 100%;
- (3) memendekkan jangka masa kursus perguruan yang dahulunya 3 tahun, sekarang kita pendekkan menjadi 2½ tahun;
- (4) melatih guru-guru sementara iaitu latihan dalam cuti bagi guru-guru;

(5) memberi latihan dan kursus kepada 2,000 orang guru sandaran yang tidak terlatih di masa cuti;

(6) menimbangkan untuk mengambil semula guru-guru yang telah bersara tetapi masih sihat dan berminat dan ini kita masih lagi dalam rancangan.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahajalah ulasan saya mengenai perkara-perkara pelajaran yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbincangan Rancangan Malaysia Kelima di Dewan yang mulia ini. Saya ingin menyatakan bahawa perkara-perkara lain yang tidak sempat saya sentuh dalam ucapan saya tadi akan juga diberi perhatian oleh Kementerian Pelajaran. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan perkara-perkara mengenai Kementerian saya, saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan.

4.02 ptg.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Ng Cheng Kuai): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini menghulurkan ucapan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sudi mengemukakan teguran-teguran, komen-komen dan saranan-saranan terhadap Kementerian Penerangan semasa perbincangan atas Rancangan Malaysia Kelima sejak 24hb Mac hingga 28hb Mac, 1986. Segala teguran dan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat itu akan diambil perhatian oleh Kementerian saya.

Ahli Yang Berhormat dari Mukah bertanyakan mengenai penerimaan gambar TV di kawasannya terutama di kawasan Belingian yang tidak terang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, oleh kerana kawasan Belingian terletak jauh dari stesen pemancar TV Bukit Nyabang, isyarat TV adalah kurang baik mengakibatkan terjadinya gambar seperti salji jatuh ke bumi. Sebuah firma antarabangsa sedang menjalankan kaji selidik atas kawasan-kawasan yang mendapat isyarat TV yang kurang baik supaya satu rancangan yang menyeluruh dapat dibuat untuk meliputi kawasan-kawasan ini. Setelah kajian ini selesai, projek ini, termasuk kawasan itu, akan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kelima.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai saranan Yang Berhormat dari Pekan supaya liputan berita mengenai pembangunan di luar bandar keseluruhan negara diperbanyakkan, suka saya nyatakan bahawa pada masa ini liputan berita sama ada di Radio ataupun TV telah meliputi sekurang-kurangnya 40% kegiatan sama ada ekonomi, sosial atau pembangunan di luar bandar. Walau bagaimanapun, tumpuan khusus dari segi TV mengenai luar bandar adalah di dalam rancangan Peristiwa. Setiap minggu terdapat rencana khas mengenai pembangunan sama ada mengenai sesebuah negeri dan sesuatu organisasi yang memberikan perkhidmatan kepada luar bandar. Sehingga ini rencana khas itu telah pun memberi penekanan kepada faedah-faedah sama ada di peringkat kampung atau daerah.

Tuan Yang di-Pertua, kesemua rancangan itu adalah bertujuan untuk menggalakkan pemikiran rakyat supaya menyedari pentingnya sikap pembangunan. Di samping itu liputan-liputan tersebut adalah merupakan sebahagian daripada pendekatan media untuk menghampiri rakyat.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan ribuan

terima kasih di atas teguran dan saranan Ahli Yang Berhormat terhadap Kementerian saya.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan.

4.06 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan terima kasih kepada beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Kesihatan dan saya hanya hendak sebutkan beberapa daripada teguran yang dibuat dan yang lain-lainnya memang diambil perhatian untuk dilaksanakan di mana yang sesuai.

Kepada teguran-teguran yang dibuat yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Baling, sukalah saya menerangkan bahawa seberapa boleh dan bergantung kepada keupayaan pembiayaan Kementerian Kesihatan, kita akan merancang dan membina hospital mengikut keutamaan di daerah yang belum mempunyai hospital. Kementerian Kesihatan pada keseluruhannya merancang untuk membina sebuah hospital di setiap daerah dan hospital-hospital di luar bandar ini akan dilengkapi seimbang dengan tahap perkhidmatan yang dirancangan selaras dengan keperluan-keperluan perubahan penduduk-penduduk dan yang dijangka akan menggunakannya.

Bagi menjawab seruan beliau supaya projek-projek bangunan Wad 4 Tingkat, sebuah Poliklinik dan sebagai di Hospital Baling dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelima, sukalah saya menyatakan bahawa projek-projek tersebut memang dirancang untuk dilaksanakan dalam Rancangan

Malaysia Kelima. Di samping itu, sebuah Pejabat Kesihatan dan 11 Klinik Desa baru sedang dirancang untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelima di daerah Baling pada keseluruhannya.

Beliau juga menyarankan supaya Kementerian menghantar doktor-doktor yang berpengalaman untuk bertugas di luar bandar supaya dapat mengatasi masalah masyarakat sekeliling dan penempatan ini hendaklah mengikut angka yang dicadangkan mengikut perkembangan penduduk. Beliau juga menyarankan supaya doktor pakar ditempatkan mengikut keperluan pesakit di Hospital Daerah dan supaya jadual lawatan pakar-pakar Hospital Daerah hendaklah diperbanyakkan.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan sedang menempatkan doktor-doktor pakar di beberapa Hospital Daerah tertentu di mana bilangan katil dan beban-kerja adalah lebih perlu terutama di dalam bidang perubatan, perbidanan dan sakitpuan, kanak-kanak dan pembedahan. Penempatan ini adalah bergantung kepada keperluan.

Bagi negeri-negeri di mana terdapat tiada pakar ditempatkan di Hospital Daerah, pakar-pakar yang terdapat di Hospital Besar dari negeri masing-masing membuat lawatan secara regular ke Hospital-hospital Daerah itu di mana perkhidmatan kepakaran tidak disediakan.

Mengenai masalah seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Hilir Padas, sukalah saya memaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan memang menyedari masalah penyakit malaria di Sabah dan telah pun memperuntukkan 12% atau lebih daripada \$5.9 juta daripada

peruntukan sejumlah \$40.2 juta untuk seluruh negara kepada negeri Sabah sahaja dalam usaha mengawal penyakit malaria.

Langkah-langkah yang lain yang diambil untuk mengurangkan kejadian penyakit malaria di Sabah adalah:

- (1) Semburan DDT di rumah dijalankan sepenuhnya dalam kawasan bermalaria sebanyak dua kali setahun. Bagi kawasan-kawasan yang bebas dari malaria, semburan fokal yang intensif dijalankan di tempat-tempat di mana wabak malaria berlaku.
- (2) Menjalankan pengawasan kes-kes malaria melalui pengesanan kes secara pasif, misalnya di hospital-hospital, Pusat-pusat Kesihatan, Klinik Bidan dan Dispensary Bergerak dan pengesanan kes secara aktif melalui pekerja-pekerja pengesanan. Slide-slide darah untuk pemeriksaan mikroskop diambil dari semua pesakit yang mengidap demam atau disyakki mengidap penyakit malaria untuk mengesan parasite malaria. Ini diikuti dengan rawatan presumptive.
- (3) Rawatan radikal dan siasatan kes akan dibuat ke atas semua kes yang positif.
- (4) Pemeriksaan darah dan pemberian ubat secara beramai-ramai dijalankan untuk mengurangkan masalah malaria di seluruh kawasan Padas.
- (5) Pendidikan kesihatan masyarakat yang intensif; tujuannya adalah untuk mendapatkan penglibatan dan penyertaan masyarakat dalam kawalan malaria melalui pendekatan penjagaan kesihatan asas (primary health care).

(6) Membuat beberapa penyelidikan untuk memperbaiki lagi cara kawalan malaria di negeri Sabah yang dibuat dengan kerjasama WHO iaitu:

- (i) Percubaan menggunakan kelambu yang kini masih berjalan;
- (ii) Penyelidikan terhadap nyamuk "Anopheles maculatus"; dan
- (iii) Strategi-strategi baru juga sedang dibincangkan dengan pakar-pakar malaria dari WHO.

Mengenai cadangan beliau supaya Kementerian mengambil lebih banyak doktor dari luar negeri bagi menambah bilangan doktor di Sarawak dan Sabah ataupun menghantar doktor-doktor pelatih ke negeri-negeri itu, sukalah saya memberitahu bahawa pengagihan doktor berbanding dengan jawatan bagi negeri Sabah dan Sarawak adalah begitu baik. Misalnya kedudukan pengisian doktor tingkat biasa bagi bulan Mac, 1986 adalah seperti berikut:

	Jawatan	Pengisian	Kekosongan
Sabah ..	117	95	22
Sarawak ..	104	107 (3 lebih daripada jawatan)	

Kementerian sentiasa memberi priority kepada negeri Sabah dan Sarawak dalam pengagihan pegawai perubatan seberapa yang boleh. Cadangan Yang Berhormat supaya Kerajaan mengambil lebih banyak doktor-doktor dari luar negeri, sememangnya telah kita laksanakan.

Kementerian Kesihatan lebih menumpukan kepada pengambilan doktor-doktor pakar sahaja dibandingkan dengan doktor-doktor

biasa kerana kategori doktor inilah yang menghadapi kekurangan yang nyata dalam perkhidmatan Kerajaan kita.

Untuk makluman Yang Berhormat, skim gaji yang ditawarkan kepada doktor merupakan skim gaji yang terbaik jika dibandingkan dengan lain-lain kategori jawatan profesional. Walau bagaimanapun, Kementerian sentiasa menyemak semula beberapa kemudahan dan elaun bagi pegawai perubatan supaya ianya dapat menarik minat pegawai perubatan meneruskan khidmatnya dengan Kerajaan.

Ahli Yang Berhormat itu telah juga menyarankan supaya Kementerian Kesihatan meningkatkan taraf kemudahan-kemudahan kesihatan yang sedia ada di Sabah dan Sarawak dan memastikan kawasan luar bandar diberi perhatian yang lebih. Kementerian Kesihatan sedar di atas perlunya memberi keutamaan bagi mempertingkatkan lagi taraf dan bilangan kemudahan-kemudahan kesihatan di negeri Sabah dan Sarawak terutamanya di kawasan-kawasan pedalaman.

Taraf kesihatan di Sabah dan Sarawak telah banyak diperbaiki semenjak beberapa tahun yang lalu bukan sahaja dengan menambahkan klinik-klinik di kawasan-kawasan luar bandar, bahkan juga melalui perkhidmatan-perkhidmatan pencegahan dan pengubatan yang kian dipertingkatkan di negeri-negeri tersebut. Taraf kesihatan penduduk-penduduk tidak semata-mata bergantung kepada kemudahan-kemudahan kesihatan sahaja. Beberapa faktor yang lain seperti taraf ekonomi, pelajaran, pemakanan, kemudahan-kemudahan komunikasi dan adanya bekalan air yang bersih dan lain-lain juga memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan taraf kesihatan penduduk.

Dalam Rancangan Malaysia Kelima sebanyak 98 projek pusat kesihatan dan klinik-klinik akan dibina di kawasan luar bandar. 82 kemudahan pergigian, 32 projek memperbaiki hospital dan 7 buah hospital baru akan dilaksanakan di negeri Sabah dan Sarawak.

Bagi menjawab teguran yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pekan, sukalah saya menjelaskan bahawa Kampung Alai yang disebutkan oleh beliau ialah sebuah kampung kecil tradisional Orang Asli yang mempunyai 12 buah rumah dan 49 orang penduduk. Sebelum tahun 1984, pasukan dispensary bergerak ada melawat ke kampung itu sebanyak dua kali sebulan untuk memberi rawatan perubatan, tetapi khidmat ini telah diberhentikan apabila didapati bahawa pada tiap-tiap kali lawatan itu hanya satu atau dua orang sahaja yang datang untuk mendapatkan rawatan dan juga kerana banyak kampung-kampung yang lain lebih memerlukan perkhidmatan dispensary bergerak itu. Bagaimanapun, penduduk-penduduk Kampung Alai boleh mendapatkan rawatan daripada dispensary bergerak yang ditempatkan di Keratong. Peraturan ini sentiasa dikaji dari semasa ke semasa dan jika betul-betul ada keperluannya lawatan dispensary bergerak itu ke Kampung Alai bolehlah diadakan semula.

Buat masa ini perkhidmatan kesihatan bagi kawasan Kuala Rompin sedang disampaikan dari pusat kesihatan besar yang mempunyai 8 katil atau sick bay. Oleh kerana peruntukan pembangunan Rancangan Malaysia Kelima yang terhad, Hospital Daerah Kuala Rompin itu tidak dapat dilaksanakan pada masa ini. Keadaan di Kuala Rompin akan diawasi dari masa ke semasa untuk menaikkan taraf kemudahan-kemudahan kesihatan yang sedia ada

di kawasan itu. Jika didapati keperluan tambahan sangat penting dan patut dilaksanakan, projek Hospital Daerah Kuala Rompin akan dicadangkan semula dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bagi Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

4.18 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan, cadangan serta teguran-teguran yang membina mengenai pelaksanaan program-program dan aktiviti-aktiviti di Kementerian saya di sepanjang perbahasan atas Usul Rancangan Malaysia Kelima di Dewan yang mulia ini.

Ahli Yang Berhormat dari Ipoh telah membangkitkan mengenai kurangnya pengambilan kaum bukan bumiputera dalam rancangan-rancangan FELDA, FELCRA dan RISDA. Untuk maklumat Yang Berhormat, semua rancangan yang dilaksanakan oleh agensi-agensi pembangunan tanah adalah diberi peluang kepada semua rakyat bagi menyertainya tanpa mengira kaum.

Di rancangan-rancangan FELDA dan KESEDAR, misalnya, pemilihan peneroka adalah dibuka kepada calon-calon yang mempunyai syarat iaitu warganegara Malaysia, miskin, tidak mempunyai tanah atau mempunyai tanah yang kurang daripada dua ekar, sihat tubuh badan dan umur tidak melebihi 40 tahun bagi calon biasa dan

tidak melebihi 45 tahun bagi bekas anggota keselamatan. Bagi FELCRA dan RISDA pula, peserta-peserta adalah terdiri daripada mereka yang mempunyai tanah yang tidak dapat diusahakan atau tanah terbiar atau tidak produktif. Tanah-tanah ini boleh dimajukan oleh FELCRA dan RISDA tanpa mengira kaum.

Bagi Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah pula, oleh kerana agensi-agensi seperti DARA, KEJORA, KETENGAH, KEDA, PERDA dan Jengka tidak terlibat dalam pembangunan tanah untuk menempatkan peneroka-peneroka atau peserta-peserta, maka aktiviti-aktiviti agensi-agensi ini ialah dalam pembangunan infrastruktur seperti jalan, bekalan air dan elektrik, pembangunan bandar, perumahan dan ruang niaga dan juga pelaburan. Segala peluang-peluang yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti ini seperti pemberian tender dan peluang-peluang pelaburan adalah dibuka luas kepada semua rakyat tanpa mengira kaum. Maka terpulanglah kepada rakyat untuk mengambil peluang-peluang ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kapit dan Ahli Yang Berhormat dari Julau telah membangkitkan mengenai penglibatan FELDA dan FELCRA di Sarawak. Untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan di Dewan ini bahawa FELDA dan FELCRA mula melaksanakan pembangunan tanah di Sarawak. Sebagai permulaan Kerajaan Negeri Sarawak telah pun meluluskan tanah seluas 2,023 hektar lebih kurang kepada FELDA untuk dimajukan. Kawasan yang akan dimajukan ini adalah di daerah Bau dalam Bahagian I Sarawak. Keseluruhan kawasan ini akan dimajukan sebagai Rancangan FELDA Sempadi di bawah program pembangunan 1986 dan 1987 dengan tanaman kelapa sawit.

FELCRA juga telah mula memajukan tanah di Sarawak. Sebanyak 5 buah rancangan seluas 1,331 hektar sedang diusahakan di kawasan RaSCOM Sarawak iaitu rancangan-rancangan penempatan semula keselamatan di Nanga Tada, Nanga Nungun, Nanga Jaggau I, Nanga Jaggau II dan Nanga Sekuau.

Bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelima 1986 hingga 1990 FELDA dan FELCRA akan meneruskan pelaksanaan pembangunan tanah di Sarawak seperti dirancangkan. Senarai muhtamad mengenai skim yang akan dimajukan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima belum dapat disediakan kerana kawasan-kawasan tersebut masih dalam kajian.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah menimbulkan mengenai gambaran dalam Rancangan Malaysia Kelima berhubung dengan masalah kemiskinan yang telah dapat diatasi tetapi sebaliknya pendapatan pekebun kecil masih serendah \$100 sebulan. Di sini sukalah saya menjelaskan bahawa pendapatan pekebun-pekebun kecil yang dimaksudkan adalah pekebun-pekebun kecil kelapa sawit yang telah merosot sejak kebelakangan ini disebabkan kejatuhan harga kelapa sawit secara mendadak. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kedudukan harga kelapa sawit bukanlah di bawah kawalan Kerajaan tetapi adalah dipengaruhi oleh pasaran antarabangsa. Bagaimanapun keadaan ini dijangka akan pulih semula dan dalam masa yang sama usaha-usaha sedang dijalankan bagi menggalakkan pekebun kecil mempelbagaikan kegiatan ekonomi sampingan yang pada masa ini dilaksanakan secara kecil-kecilan sahaja.

Tumpuan yang lebih seimbang di antara kegiatan tanaman utama dan kerja-kerja ekonomi sampingan seperti melalui ternakan biri-biri, ikan

air tawar, lembu susu dan sayur-sayuran akan meningkatkan pendapatan pekebun-pekebun kecil. Dengan usaha-usaha ini pergantungan pekebun-pekebun kecil kepada tanaman utama semata-mata akan dapat dikurangkan dan apa-apa perubahan yang berlaku ke atas harga barangan utama tidak akan menjejaskan pendapatan pekebun kecil.

Yang Berhormat dari Baling telah dibangkitkan mengenai pemulihan tanah-tanah terbiar, program tanaman semula getah dan juga masalah peningkatan pengeluaran hasil pertanian. Untuk makluman Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Kelima, FELCRA telah merancang untuk memulihkan tanah-tanah seluas lebih kurang 200,000 hektar di seluruh negara bagi tanaman kelapa sawit, getah dan koko.

Bagi program tanaman semula pula dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima, RISDA telah merancang untuk melaksanakan program penanaman semula seluas 162,000 hektar di seluruh negara. Dalam melaksanakan program ini RISDA terpaksa mengenakan syarat-syarat tertentu seperti hak milik tanah bagi mengelakkan berlakunya perkara-perkara yang tidak diingini.

Bagaimanapun jika perkara ini menjadi masalah utama dalam melaksanakan program ini tindakan akan dibuat bagi menyemak semula syarat-syarat yang dikenakan itu bagi memudahkan pekebun-pekebun kecil menyertai program ini. Galakan juga akan diberikan bagi pekebun-pekebun kecil yang ingin menyertai program tanaman semula secara mini estet dan berkelompok. Usaha-usaha juga sedang dijalankan bagi meningkatkan pengeluaran hasil pertanian melalui peningkatan teknologi, pengenalan

baka baru yang bermutu dan teknik-teknik pengurusan yang lebih berkesan.

Usaha-usaha ini termasuklah menggalakkan kegiatan hiliran, (downstream activities) seperti pemerosesan bahan-bahan pertanian, mempelbagaikan corak tanaman dan kegiatan sampingan seperti melalui ternakan biri-biri, ikan air tawar dan sebagainya. Penglibatan pihak swasta memanglah dialu-alukan. Bagaimanapun hasrat ini tidak boleh diserahkan kepada sektor swasta semata-mata kerana Kerajaan mempunyai tanggungjawab sosial untuk meningkatkan pendapatan penduduk.

Bagi menjayakan semua program yang dirancangan, pengawasan yang lebih berkesan akan diberi perhatian sewajarnya. Mengenai masalah pengangguran yang sedang meningkat di seluruh negara akibat kelembapan ekonomi, agensi-agensi di bawah Kementerian ini akan diminta memberi perhatian mengenai pengambilan pekerja-pekerja tempatan dalam melaksanakan projek-projek mereka.

Selanjutnya Yang Berhormat telah menyentuh mengenai menyediakan kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik dan jalan-jalan di bandar-bandar baru di agensi-agensi pembangunan wilayah. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, pembangunan bandar-bandar baru merupakan satu strategi penting dalam usaha untuk memperbandarkan kawasan luar bandar. Dalam melaksanakan pembangunan bandar-bandar baru di kawasan-kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah, Kementerian sememangnya mengambil perhatian berat melalui agensi-agensi Kementerian dari segi menyelaraskan kemudahan-kemudahan asas yang telah dibina di

bandar-bandar baru itu. Dengan sebab itu Lembaga Kemajuan Wilayah seperti KEDA, DARA, KEJORA, KETENGAH dan KESEDAR telah menjadi amalan mereka membuat kajian terlebih dahulu terhadap sesuatu kawasan bagi membolehkan satu pelan struktur dan pelan terperinci disediakan.

Namun begitu memang tidak dapat dinafikan bahawa dari segi pelaksanaannya berlaku kelewatan pembinaan sesuatu projek itu seperti jalan, bekalan air dan elektrik. Perkara ini disebabkan oleh Jabatan-jabatan berkenaan mungkin menghadapi masalah-masalah tertentu yang tidak dapat dielakkan.

Walau bagaimanapun bagi memastikan supaya pelaksanaan projek-projek berkenaan berjalan dengan licin dan tidak menimbulkan banyak masalah agensi-agensi Kementerian telah pun menubuhkan Jawatankuasa Penyelarasan di peringkat agensi bagi mengatasi apa juga masalah yang dihadapi oleh agensi-agensi pelaksanaan. Di peringkat Kementerian pula sebuah Jawatankuasa Penyelarasan Prasarana telah juga ditubuhkan untuk menyelaraskan Kementerian dan Jabatan-jabatan berkenaan di peringkat pusat. Dari segi penempatan badan institusi-institusi Kerajaan pula adalah menjadi satu dasar supaya di bandar-bandar membangun selengkapnya bukan sahaja kemudahan-kemudahan asas dan sosial tetapi juga institusi seperti pusat latihan, kem-kem tentera, polis dan pusat-pusat pengajian tinggi sebagai usaha untuk menambahkan bilangan penduduk di bandar-bandar baru itu.

Akhir Yang Berhormat dari Kepong telah membangkitkan soal kekurangan tanah dan ketiadaan geran bagi kampung baru dan beliau mencadangkan supaya bahagian khas

diadakan di Pejabat-pejabat Tanah untuk menyelesaikan masalah tanah dan geran di kampung-kampung baru. Untuk maklumat Yang Berhormat, dalam perkara ini perlu kita lihat kedudukan kampung-kampung baru yang mana sebilangan daripadanya sekarang ini berada dalam kawasan Majlis Tempatan, Majlis Daerah dan ada juga terletak berhampiran dengan Majlis Perbandaran. Bagi kampung-kampung baru yang seperti ini sudah tentu tidak ada lagi tanah-tanah kosong di sekitar kawasan itu sama ada untuk menambah bilangan tapak rumah ataupun tanah untuk pertanian.

Walau bagaimanapun, Kerajaan-kerajaan Negeri selama ini telah memberi pertimbangan saksama kepada penduduk-penduduk kampung memohon tanah-tanah Kerajaan yang ada di kawasan luar daripada kampung-kampung baru itu.

Sebilangan besar daripada tanah dalam kampung-kampung baru telah disukat dan telah dikeluarkan hakmilik. Sebagai contoh diberikan butir-butir mengenai kampung-kampung baru yang ada di beberapa buah negeri seperti berikut:

Negeri Sembilan: bilangan kampung baru dalam Negeri Sembilan 44 buah; bilangan lot-lot tanah dalam semua kampung baru 7,057 lot; bilangan lot yang tanah telah dikeluarkan hakmilik 4,890; bilangan kampung yang terletak dalam kawasan Majlis Daerah 44 buah.

Pahang: Bilangan kampung baru dalam negeri Pahang 49; bilangan lot-lot tanah dalam semua kampung baru 9,401; bilangan lot-lot tanah yang telah dikeluarkan hakmilik 4,503; bilangan kampung baru yang terletak dalam kawasan Majlis Daerah 41.

Melaka: Bilangan kampung baru dalam negeri Melaka 24; bilangan lot-lot tanah dalam semua kampung baru

2,078; bilangan lot tanah yang telah dikeluarkan hakmilik 1,280 lot; bilangan kampung baru yang terletak dalam kawasan Majlis Daerah sebanyak 22; bilangan kampung baru yang terletak di luar kawasan Majlis Daerah 4 buah.

Perak: Di negeri Perak terdapat 136 buah kampung baru dan lot tanah di dalam semua kampung-kampung baru itu ialah 33,789 lot. Daripada bilangan ini sebanyak 18,964 lot telah dikeluarkan hakmilik. 110 buah kampung-kampung baru ini terletak dalam kawasan Majlis Tempatan atau Majlis Daerah.

Johor: Di negeri Johor pula terdapat 84 buah kampung-kampung baru dan jumlah lot tanah yang ada ialah 19,163. Daripada jumlah bilangan ini sebanyak 6,858 lot telah dikeluarkan hakmilik, 82 buah daripada kampung baru ini adalah dalam kawasan-kawasan Majlis Tempatan atau Majlis Daerah.

Selangor: Bilangan kampung-kampung baru yang ada dalam negeri Selangor ialah 41 buah dan terdapat 15,085 lot-lot tanah perumahan di dalamnya. Daripada bilangan ini sejumlah 11,443 lot telah dikeluarkan hakmilik. 40 buah dari kampung kampung baru dalam negeri Selangor adalah terletak dalam kawasan-kawasan Majlis Kerajaan Tempatan.

Pada masa ini di bawah pengawasan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tiap-tiap kampung baru ini diletakkan di bawah jagaan seorang pegawai khas yang bertanggungjawab menyelaraskan segala rancangan pembangunan yang dijalankan bagi kampung itu dan pegawai itu juga adalah bekerja rapat dengan Pejabat-pejabat Tanah dalam hal-hal, masalah-masalah tanah yang dihadapi oleh penduduk kampung baru. Kementerian saya merasakan tidak perlu lagi mengadakan satu

bahagian khas di pejabat-pejabat sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat itu.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya ke atas perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat yang menyentuh perkara-perkara di bawah tugas Kementerian saya. Mana-mana yang tidak dijawab sentiasa diberi perhatian oleh Kementerian.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

4.35 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh bidangkuasa Kementerian saya seperti yang terkandung di dalam Rancangan Malaysia Kelima iaitu bab mengenai sains dan teknologi serta mengenai alam sekitar.

Seperti yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit, Kerajaan telah pun semenjak 1975 di dalam Rancangan Malaysia Ketiga mempertingkatkan lagi usaha untuk memperkembangkan sains dan teknologi. Tujuan Kerajaan dalam hal ini adalah untuk menentukan supaya usaha-usaha pembangunan ekonomi disokong dengan teknologi yang sesuai demi kepentingan rakyat. Peranan sains dan teknologi yang diakui penting dicerminkan di dalam Rancangan Malaysia Kelima ini. Semasa penubuhan Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Sains Negara (MPKSN) Kerajaan telahpun mengambil kira bahawa usaha-usaha

untuk mempergiatkan lagi aktiviti-aktiviti sains perlu dicapai secara setapak demi setapak dan dengan itu Kerajaan telah pun memberi tugas ini kepada Kementerian saya melalui MPKSN. Usaha-usaha memperkemaskan MPKSN telah pun dimulakan semenjak tahun 1980 dengan kajian oleh pihak MAMPU dan Kementerian saya.

Selanjutnya satu Akta Sains dan Teknologi Negara telah pun dicadangkan oleh Kementerian saya dengan tujuan untuk mengadakan satu penubuhan perbadanan yang kekal terus menerus yang boleh melaksanakan tanggungjawab membuat syor-syor kepada Kerajaan mengenai dasar sains negara dan juga mengulangkaji dasar itu dari masa ke semasa dan perkara ini adalah dalam pertimbangan Kerajaan.

MPKSN di masa-masa yang sudah telah pun memberi sumbangan di dalam badan-badan tertentu untuk mengkaji isu-isu yang bersangkutan dengan pembangunan negara. Nasihat-nasihat ini telah pun diambil kira di dalam cadangan-cadangan untuk mempergiatkan lagi aktiviti-aktiviti sains dan teknologi di dalam Rancangan Malaysia Kelima. Oleh itu, walaupun MPKSN pada masa yang sudah tidak mempunyai profile yang tinggi ini akan diperkukuhkan lagi dengan cara memberi peruntukan yang lebih kepada Majlis tersebut dan juga usaha-usaha untuk memperkuatkan lagi urusetia MPKSN. Sebenarnya MPKSN adalah dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara dan bukan oleh Setiausaha Kementerian saya seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit. Pada masa yang lampau MPKSN ini telah pun menerima kerjasama dari agensi-agensi Kerajaan yang lain. Memandangkan kerjasama yang erat ini telah diperolehi di bawah pimpinan yang baik oleh Ketua

Setiausaha Negara, aktiviti-aktiviti MPKSN semakin hari semakin bertambah.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit, usaha-usaha untuk memperkukuhkan lagi Majlis tersebut sedang dilaksanakan. Saya percaya dengan usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Kementerian saya melalui MPKSN usaha-usaha kita untuk menjayakan Rancangan Malaysia Kelima akan tercapai.

Ahli Yang Berhormat dari Kapit telah menyentuh langkah ke arah berdikari dengan mengadakan pembentukan teknologi tempatan. Sememangnya teknologi tempatan adalah perlu untuk meningkatkan lagi tahap keupayaan dan kebolehan negara kita di dalam bidang sains dan teknologi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semasa menjawab teguran kepada Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 20hb Mac yang lalu saya telah memberi penjelasan terhadap strategi yang dirancang oleh Kementerian saya untuk menambah lagi keupayaan teknologi tempatan dan saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa maklumat lanjut kepada penjelasan saya itu.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang telah membangkitkan perkara mengenai perbadanan yang ditugaskan untuk membersihkan Sungai Kelang. Ingin saya memaklumkan bahawa ada wujud sekarang Jawatankuasa yang tertentu untuk menjalankan tugas tersebut. Badan yang membuat keputusan dan dasar yang utama bagi pembangunan kawasan Lembah Kelang ialah Majlis Perancangan Lembah Kelang atau MPLK yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Ahli-ahli bagi Majlis tersebut termasuk Yang Amat

Tuan Yang di-Pertua, di dalam RML, Kementerian Kebajikan Masyarakat telah diperuntukkan sebanyak \$34 juta untuk 13 projek yang utama dan penting. Projek-projek ini dibahagikan mengikut perkhidmatan Kementerian, iaitu Perkhidmatan Keluarga dan Kanak-kanak sebanyak 6 projek, Perkhidmatan Orang Cacat—2, Perkhidmatan Akhlak—4 dan Bahagian Latihan—1 projek.

Dalam Perkhidmatan Keluarga dan Kanak-kanak, Kementerian saya akan menyambung semula perkhidmatan kepada pesakit-pesakit melarat yang ramai terlantar di hospital-hospital. Mereka ini kebanyakannya terdiri dari orang-orang tua dan uzur dan sekarang sedang memenuhi katil-katil di hospital-hospital walaupun didapati mereka tidak memerlukan penjagaan perubatan yang rapi. Adalah didapati lebih sesuai jika pesakit-pesakit ini dijaga dan diselenggarakan oleh sebuah institusi-institusi yang khusus bagi mereka. Bagi tujuan ini, Kementerian saya telah merancang membina 2 buah Rumah Kesenangan bagi Pesakit Melarat, satu di Kangar, Perlis dan satu di Kuala Kubu Baharu, Selangor bagi menempatkan seramai 640 pesakit.

Dalam penjagaan kanak-kanak pula, satu konsep baru akan diperkenalkan iaitu rumah kanak-kanak dengan menggunakan Sistem Pondok. Di bawah rancangan ini, pihak swasta akan berganding bahu dengan Kerajaan untuk mengadakan kemudahan-kemudahan bagi Sistem ini. Kementerian saya sedang merundingkan dengan beberapa pihak swasta bagi melaksanakan rancangan ini ditempat-tempat tertentu terutama di Telaga Batin, Terengganu dan Kuala Selangor, selangor.

Bagi mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan pemulihan bagi

orang cacat, 2 buah institusi akan dibina, iaitu Pusat Pemulihan dan Latihan Perindustrian bagi Orang-orang Cacat, Bangi, Selangor dan Bengkel Terlindung bagi Orang-orang Cacat, Sungai Petani, Kedah.

Pusat Pemulihan dan Latihan Perindustrian Orang-orang Cacat Bangi bertujuan bagi memulihkan pekerja-pekerja yang mengalami kemalangan semasa bekerja di kilang-kilang dan woksyp perindustrian dan juga bagi anggota tentera dan polis yang mendapat kecacatan semasa menjalankan tugas. Pusat ini akan memberi kemudahan pemulihan rawatan dan latihan vokasional dan perindustrian dengan keupayaan untuk 350 orang pekerja pada satu masa supaya ianya boleh menyesuaikan pekerja-pekerja tersebut dengan sesuatu kerja. Negara kita masih belum mempunyai satu institusi yang berbentuk seperti ini dan institusi ini juga akan merupakan institusi yang ulung kali diadakan di rantau ini. Adalah diharapkan bahawa dengan terdirinya institusi ini nanti, ramai pekerja cacat dan juga anggota tentera dan polis yang cacat dapat kembali dengan produktif dan membolehkan mereka berdikari.

Tuan Yang di-Pertua, kerja sosial yang menjadi teras kerja kebajikan merupakan satu jurusan iktisas. Justeru itu, semua kakitangan yang menjalankan tugas sebagai Pegawai Kebajikan Masyarakat atau Pembantu-Pembantu Kebajikan Masyarakat perlu diberi latihan secukupnya dalam lapangan yang dinamis ini. Ini adalah untuk membolehkan mereka memahami konsep atau falsafah kerja sosial serta berbagai prinsip pendekatan dan amalannya. Oleh kerana kemudahan latihan yang ada sekarang sangatlah terhad, maka satu institusi latihan kakitangan Kebajikan akan dibina di Selangor dalam RML.

Selanjutnya, Kementerian saya akan terus berusaha mengubah pemikiran dan sikap masyarakat untuk lebih bertanggungjawab melalui kegiatan mempergiatkan lagi kerja komuniti dan tindakan sosial. Keupayaan rakyat akan dipertingkatkan menerusi Program Pembangunan Sosial dan pencegahan dalam usaha mencapai kualiti hidup dan kesejahteraan individu, keluarga dan masyarakat yang memerlukan perhatian dan pertolongan. Usaha ini juga bertujuan menyambung lagi perkhidmatan kebajikan supaya liputannya lebih menyeluruh selaras dengan perkembangan dan pergolakan sosial yang berlaku dalam negara ini. Ia juga mengambil kira dasar kependudukan sebanyak 70 juta dalam tahun 2100. Tiga program bukan fizikal telah dirancangan, iaitu Program Organisasi Komuniti; Taman Asuhan Kanak-kanak; dan Program Pemulihan Berkomuniti.

Usaha-usaha Kerajaan juga dijalankan untuk menambah penyertaan masyarakat terutama di kalangan golongan muda-mudi bagi menjaga orang-orang tua, orang-orang cacat dan yang kurang bernasib baik. Pelaksanaan tanggungjawab terhadap mereka ini akan meringankan beban yang ditanggung oleh berbagai institusi kebajikan. Bagi mencapai tujuan ini, kerjasama di antara agensi perlu diwujudkan untuk memupuk kesedaran dan mendidik golongan muda mudi terhadap tanggungjawab ini. Kerajaan dan pertubuhan-pertubuhan sukarela akan menyebarkan secara lebih berkesan nilai-nilai dan norma-norma positif di kalangan muda-mudi melalui Radio dan Televisyen.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya bahawa dengan pelaksanaan program-program dan projek-projek ini kelak, negara kita akan dapat membendung segala

masalah sosial akibat dari pergolakan pembangunan dengan lebih berkesan lagi.

Akhirnya, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat serta masyarakat pada keseluruhannya yang telah mengambil perhatian serius yang bekerjasama dalam usaha-usaha yang diperbuat oleh Kementerian saya demi kepentingan mereka yang kurang bernasib baik di negara ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

5.02 ptg.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kepong, Baling, Padang Serai, Ulu Nerus, Kuala Lumpur Bandar, Hilir Padas, Sungai Besi, Tampin, Matang dan Bruas yang telah memberikan teguran-teguran dan cadangan kepada Kementerian saya semasa membahaskan Rancangan Malaysia Kelima.

Tuan Yang di-Pertua, projek-projek perumahan awam kos rendah oleh Kerajaan adalah dilaksanakan di kawasan bandar dan juga di luar bandar. Tumpuan sememangnya diberikan kepada sektor luar bandar. Dalam hal ini, sungguhpun Kerajaan tidak mempunyai program khas bagi kampung-kampung baru dan estet, projek-projek perumahan kos rendah adalah dilaksanakan berhampiran dengan kawasan-kawasan ini dan semua yang layak boleh memohon.

Di bawah Rancangan Malaysia Kelima daripada matlamat sebanyak 45,800 unit bagi sektor awam, sebanyak 27,800 adalah untuk kawasan luar bandar.

Berhubung dengan program khas perumahan kos rendah yang dilibatkan pembinaan sebanyak 80,000 unit rumah kos rendah oleh sektor swasta, sukalah saya memaklumkan bahawa beberapa langkah sedang diambil dengan mengambil kira penawaran dan juga permintaan perumahan.

Bagi menggalakkan penyertaan sektor swasta di antara langkah-langkah yang telah diambil ialah penyediaan tanah oleh Kerajaan-kerajaan Negeri di bawah kaedah penswastan, mempercepatkan kelulusan-kelulusan seperti tukar syarat dan pecah sempadan tanah, mempercepatkan kelulusan pinjaman oleh institusi kewangan kepada pemaju, mengurangkan piawai-piawai bayaran perancangan dan infrastruktur bagi mengurangkan kos pembangunan tanpa menjejaskan kualiti rumah dan kualiti environment di kawasan perumahan kos rendah.

Dari segi permintaan pula, langkah-langkah yang sedang diambil termasuklah mewujudkan sistem bayaran balik secara berperingkat dengan izin, gradual debt repayment system dan mengurangkan bayaran-bayaran untuk pembelian rumah seperti kos guaman, duti setem dan sebagainya.

Untuk program khas ini, Jawatankuasa bagi Peringkat Persekutuan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah ditubuhkan bagi mengesan pelaksanaan projek-projek yang dirancang. Kerajaan-kerajaan Negeri juga telah diarahkan untuk menubuhkan Jawatankuasa yang sama yang akan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar/Ketua Menteri. Kerajaan juga tidak bercadang untuk menaikkan harga rumah awam kos rendah lebih dari \$20,000 seunit.

Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan sebaliknya adalah bertujuan mengurangkan kos dan menambahkan bilangan unit tanpa menjejaskan tahap penyelesaian penghuni rumah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian saya sedang menggubal Dasar Perumahan Negara. Dasar ini kelak diharapkan akan menjadi panduan bagi semua pihak yang terlibat.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, ada yang minta jalan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri tidak menerangkan mengenai wang yang dibayar untuk bawah meja, dengan izin, under the table, wang teh, wang kopi yang dibayar untuk rumah kos rendah.

Jadi saya hendak tahulah sama ada langkah-langkah yang berkesan untuk mencegah perbuatan seperti itu, suatu jenayah yang dilakukan oleh para pemaju ataupun orang-orang yang berkenaan.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, bila ada orang yang tidak bersikap positif, tentulah ingat wang bawah meja atau wang minum kopi dan sebagainya. Saya tidak tahu perkara ini. Dia sudah jejakkan ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, pencapaian program perumahan bagi kedua sektor awam dan swasta di bawah Rancangan Malaysia Keempat hendaklah dinilai dari segi keadaan ekonomi yang dihadapi oleh negara bagi tempoh tersebut. Seperti yang kita semua telah sedia maklum kemelesetan ekonomi yang dihadapi oleh negara ini bukan sahaja telah menjejaskan sektor perumahan, malahan sektor-sektor lain telah turut

juga mengalami kesan negatif. Keadaan kemelesetan ini telah mengurangkan keupayaan kewangan negara untuk melaksanakan program perumahan, khasnya perumahan awam kos rendah seperti yang telah dirancangkan.

Namun begitu, berbanding dengan peruntukan kewangan yang diluluskan, pencapaian Kerajaan dalam program rumah awam kos rendah adalah memuaskan. Sungguhpun saranan yang telah ditetapkan bagi program ini ialah 176,500 unit, cuma sebanyak 72,392 unit sahaja dapat diluluskan dengan peruntukan yang ada. Daripada 72,392 unit itu sebanyak 54,755 telah pun disiapkan dan ini adalah pencapaian sebanyak 75.6% sungguhpun peratusan pencapaian berbanding dengan sasaran adalah lebih rendah. Pencapaian sektor swasta telah turut terjejas akibat daripada permintaan. Berkesan yang berkurangan di kalangan pembeli susulan daripada langkah-langkah yang diambil bagi mengurangkan kesan-kesan kemelesetan seperti langkah berjimat-cermat oleh Kerajaan. Pencapaian yang dicatatkan oleh Negeri-negeri dalam program perumahan awam kos rendah seperti yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat adalah kurang tepat. Pencapaian sebenar sehingga 31hb Disember, 1985 mengikut Negeri-negeri berdasarkan kepada sasaran bagi tiap-tiap negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Peratusan</i>
Johor	44.7
Kedah	76
Kelantan	43.7
Melaka	69.9
Negeri Sembilan	55.9
Pahang	21.5
Perak	18.2
Perlis	89

<i>Negeri</i>	<i>Peratusan</i>
Pulau Pinang	63
Selangor	39.9
Terengganu	62.3
Sabah	18.6
Sarawak	48

Adalah diakui bahawa.....

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun, hendak minta apa?

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Saya minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah angka-angka peratusan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri itu ialah angka bagi rumah-rumah yang dilaksanakan ataupun yang disiapkan dan adakah angka bagi rumah-rumah yang disiapkan yang dilaksanakan dalam tempoh lima tahun yang lepas itu lebih rendah lagi daripada angka yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat Menteri?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya dapat di sini ialah pencapaian tercatat di negeri-negeri dalam program perumahan awam kos rendah di dalam Rancangan Malaysia Keempat dan memang ini, masih ada sedikit dalam proses perjalanan untuk disiapkan, tetapi yang didapati di sini telah banyak disiapkan.

Adalah diakui bahawa di bawah Rancangan Malaysia Kelima program perumahan kos rendah sektor awam adalah lebih rendah daripada sektor swasta dari segi sasaran unit. Keadaan ini tidak boleh ditafsirkan sebagai pengurangan dalam tanggungjawab Kerajaan terhadap penglibatannya dalam pelaksanaan rumah awam kos rendah kepada golongan berpendapatan rendah.

Tuan Yeoh Poh Sun: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang minta jalan.

Tuan Yeoh Poh Sun: Tuan Yang di-Pertua, tentang rumah kos rendah, saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri, bolehkah saya memetik dari dokumen Rancangan Malaysia Kelima, ini dalam bahasa Inggeris, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua: Jikalau Yang Berhormat baca itu bersangkut dengan apa yang.....

Tuan Yeoh Poh Sun: Ya, berkenaan rumah kos rendah. Sebab saya tidak ada salinan dalam Bahasa Malaysia. "The low cost houses account for about 626,600 units, medium cost houses 167,100 units". Ini yang rakyat perlu di bawah Rancangan Malaysia Kelima, dan yang akan dibina di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Di muka 527. "Of this target about 495,000 units are low cost, 180,200 units medium cost." Jadi kalau rumah kos sederhana yang diperlu di bawah Rancangan Malaysia Kelima ialah 167,000 unit, kenapakah Kerajaan telah merancang membina sebanyak 180,200 unit. Ini seperti kita perlu masak suku gantang beras tetapi kita masak tigasuku gantang beras. Lebih kurang 13,000 lebih unit bagi rumah kos sederhana. Bolehkah Menteri memberi penjelasan?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Kelima, kita telah merancang supaya lebih rumah kos rendah dapat dibina oleh kerana ada pasaran untuk orang-orang yang berpendapatan rendah memiliki rumah kos rendah itu. Tetapi dari segi rumah-rumah kos sederhana masih ada juga pasarannya. Sungguhpun jumlah 626,200 unit lebih di mana 495,000 unit lebih ditumpukan kepada rumah kos rendah dan cuma 187,000 unit sahaja untuk

rumah kos sederhana. Inilah dua jenis rumah dari segi strategi dan juga dari segi matlamat kita dalam Rancangan Malaysia Kelima akan dapat menumpukan. Tentukan tidak banyak untuk rumah kos tinggi oleh kerana dari segi pasaran dari segi untuk menggalakkan orang memiliki rumah, tidaklah berapa digalakkan khasnya pasaran tidak berkehendakan tahap semacam itu.

Tuan Yeoh Poh Sun: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat hendak beri jalan?

Dato Chan Siang Sun: Silakan.

Tuan Yeoh Poh Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat Yang Berhormat Menteri telah salah faham pertanyaan saya. Jumlah rumah kos rendah yang diperlukan ialah 600,000 unit lebih tetapi yang akan dibina di bawah Rancangan Kelima hanya 400,000 unit lebih. Tetapi bagi rumah kos sederhana lebih dibina di bawah Rancangan Malaysia Kelima walaupun yang diperlukan itu tidak begitu banyak. Pertanyaan saya, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan kenapa tenaga dan usaha untuk membina rumah kos sederhana ini tidak boleh ditumpukan untuk membina rumah kos rendah yang kita perlu. It is a shortfall, dengan izin, of about 200,000 units. This is crazy work, perbuatan gila.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin membuang masa Dewan yang mulia ini mengatakan siapa yang akan menjadi gila atau crazy, ini cuma satu pertikaian dari segi mulut sahaja. Saya harap saya dapat teruskan jawapan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Chan Siang Sun: Terima kasih. Keadaan sedemikian hendaklah

ditinjau dari aspek keupayaan kewangan negara dan juga strategi berkaitan pertumbuhan ekonomi melalui penyertaan yang aktif dari sektor swasta. Penglibatan Kerajaan akan terus menjadi bandingan dari segi memberi insentif dan juga mewujudkan iklim yang sesuai bagi pemaju-pemaju swasta untuk menyumbang ke arah pertumbuhan dari segi perumahan yang sihat.

Di bawah program khas perumahan kos rendah yang melibatkan perlaksanaan 800,000 unit rumah setahun selama 3 tahun mulai tahun 1986, Kerajaan-kerajaan Negeri akan menyumbangkan tanah-tanah Kerajaan di bawah konsep penswastaan untuk menjayakan program ini. Langkah-langkah lain telah pun saya sebutkan pada awalnya.

Mengenai kos rumah yang tinggi yang tidak mampu dibeli oleh rakyat terutamanya golongan yang berpendapatan rendah, saya suka memaklumkan bahawa segala tindakan telah dan sedang diambil oleh Kerajaan bagi membantu mereka memiliki rumah.

Dalam Rancangan Malaysia Kelima, sebahagian besar sasaran program yang dirancang merupakan rumah-rumah kos rendah dan kos sederhana, dan ini barangkali yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu yang saya dapat berikan di sini—tentu tidak jadi gila. Daripada sasaran sebanyak 701,500 unit, sebanyak 495,000 unit ialah rumah kos rendah, 180, 200 unit adalah rumah kos sederhana dan hanya 26,300 adalah rumah kos tinggi. Program ini disasarkan untuk memenuhi keperluan perumahan rakyat yang terdapat dalam golongan berpendapatan sederhana dan rendah.

Selain daripada ini untuk Rancangan Malaysia Kelima, Kerajaan akan melaksanakan

beberapa pendekatan baru bagi menentukan sasaran yang ditetapkan dapat dicapai. Ini termasuklah strategi penswastaan, pelaksanaan projek perumahan secara besar-besaran dan lain-lainnya. Program perumahan khas untuk golongan berpendapatan rendah seperti pembinaan rumah-rumah sewa dan projek-projek petempatan dan kemudahan juga akan dilaksanakan untuk golongan yang tidak mampu membeli rumah kos rendah pada paras harga \$25,000 seunit.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan juga mengambil beberapa tindakan tertentu untuk membantu golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana memiliki rumah. Tindakan-tindakan tersebut termasuklah pengenalan Skim Pinjaman Khas Perumahan yang memastikan bahawa kadar faedah pinjaman untuk pembelian rumah yang berharga kurang dari \$100,000 seunit tidak melebihi 11% setahun. Skim Pengeluaran Caruman Kumpulanwang Simpanan Pekerja telah juga dipinda supaya golongan berpendapatan rendah dapat mengeluarkan sebahagian besar caruman mereka untuk tujuan membeli rumah, Saya yakin semua tindakan-tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan akan membolehkan semua rakyat negara ini menikmati kemudahan perumahan yang selesa dan mencukupi.

Mengenai seruan supaya Kerajaan menubuhkan sebuah Lembaga Perumahan Negara, setakat ini Kementerian saya tidak ada cadangan untuk menubuhkannya. Walau bagaimanapun Kementerian saya akan menimbang cadangan Ahli Yang Berhormat itu pada masa akan datang jika dianggapkan perlu.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan \$25 juta untuk pembangunan Kampung-kampung Baru dalam

Rancangan Malaysia Kelima adalah diperuntukkan bagi projek-projek kecil untuk menjadikan Kampung-kampung Baru sebagai penempatan manusia, dengan izin, human settlement, yang lebih sempurna. Selain daripada peruntukan Kementerian ini, agensi-agensi pelaksanaan di peringkat daerah atau jajahan juga ada melaksanakan projek-projek di Kampung-kampung Baru misalnya projek bekalan air oleh Jabatan Bekalan elektrik oleh Lembaga Letrik Negara. Agensi lain yang ada kaitan dengan pembangunan Kampung-kampung Baru termasuk Pejabat Daerah, Majlis Daerah dan Majlis Perbandaran, Jabatan Parit dan Taliair dan sebagainya. Rekod Kementerian ini pada penghujung tahun 1983 menunjukkan bahawa 93% daripada jumlah Kampung-kampung Baru telah memperolehi bekalan elektrik; 87% telah mendapat bekalan air; 77% telah pun mempunyai balairaya; 80% telah mendapat kemudahan perhubungan telefon dan 92% telah mempunyai sebuah sekolah rendah masing-masing.

Kementerian saya telah pun menjalankan kajian untuk memperkemas data mengenai keadaan fizikal dan sosio-ekonomi di kampung-kampung baru; dan kajian awalan mengenai klasifikasi Kampung-kampung Baru telah pun siap. Kajian awalan ini akan dapat menentukan corak pembangunan yang sesuai bagi pembangunan Kampung-kampung Baru dalam perancangan jangka panjang. Satu kajian yang lebih terperinci dijangka akan diadakan sebagai tindakan susulan kepada kajian awalan ini dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima. Peruntukan tambahan akan diperolehi untuk program jangka panjang ini.

Mengenai masalah tanah, Kementerian saya telah berhubung dengan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mempercepatkan pengeluaran

hakmilik tanah kepada penduduk-penduduk yang layak di Kampung-kampung Baru. Saya penuh keyakinan pihak Pejabat Tanah di peringkat daerah akan dapat menyelesaikan masalah-masalah tanah dengan organisasi pentadbiran yang sedia ada.

Dalam memajukan Kampung-kampung Baru sebagai penempatan manusia, dengan izin, human settlement, yang sempurna atau sebagai pusat pertumbuhan ekonomi, sektor swasta dan penduduk Kampung-kampung Baru akan dijemput dan digalakkan untuk memainkan peranan yang aktif secara JAYADIRI untuk menentukan kejayaan pendekatan ini. Ini adalah selaras dengan dasar penswastan di mana program pembangunan Kampung Baru akan dilaksanakan sebagai usahasama di antara Kerajaan dan penduduk Kampung-kampung Baru.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kesukaran peluang-peluang.....

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun pula. Hendak beri jalan?

Dato' Chan Siang Sun: Beri.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat itu untuk beri penjelasan sedikit kerana saya menyaksikan, misalnya di Kampung Baru yang terbesar di negara ini iaitu Kampung Baru Jinjang, walaupun peruntukan Kerajaan untuk beberapa tahun ini sangatlah kecil akan tetapi ada pihak swasta yang membangunkan di sekelilingnya bandar baru tanpa rancangan yang ditetapkan oleh Kerajaan secara bebas (*independent*), mereka membangunkan di sekitarnya. Jadi saya tidak tahulah maksud penswastan ini sama ada meneruskan

dasar Kerajaan sekarang ataupun penswastaaan yang sengaja diadakan di Kampung-kampung Baru ini.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, kalau ada kemajuan semacam itu, tentulah ini bermakna dasar Kerajaan dari segi penswastaaan sudah dapat diinsafi oleh orang ramai.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, itu bukan makna saya. Saya hendak tahu sama ada maksud Yang Berhormat tadi itu penswastaaan itu secara sukarela ataupun secara free enterprise, free economy, dibangunkan dengan secara spontan bukan secara rancangan daripada Kerajaan.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, jikalau ada orang sudah menginsafi konsep penswastaaan ini, kalau ikut apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, tentulah ini membuktikan bahawa konsep penswastaaan ini baik daripada orang perseorangan atau dari segi perancangan. Ini bermakna concept atau policy penswastaaan ini sudah dapat diterima oleh orang ramai. Jadi di Kampung Baru Jinjang ini tentulah jikalau ada keadaan yang semacam itu, ini bermakna dari segi perancangan atau dari segi individu, dari segi kemajuan pun sudah ada makna dan sudah ada kejayaan yang telah dapat dicapai di kawasan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat teruskan. Soal jawab ini tidak boleh menjadi sebagai satu perbahasan, hanya penerangan sahaja. Sila teruskan.

Dato' Chan Siang Sun: Ya, insya Allah.....

Tuan Yang di-Pertua: Cari tidak jumpa? (*Ketawa*)

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan kesukaran peluang-peluang perniagaan untuk

peniaga-peniaga kecil khususnya kaum bumiputera yang di bawah pentadbiran agensi-agensi Kerajaan Tempatan seperti Majlis Perbandaran, Majlis Daerah dan Pejabat Tanah seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Matang, sukacita saya menyatakan bahawa Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian saya sentiasa memberikan perhatian mengenai perkara ini.

Dalam hal ini, Kementerian saya memberi bantuan kewangan kepada Penguasa-penguasa Tempatan bagi menyediakan ruang-ruang perniagaan melalui pembinaan gerai dan pasar khususnya untuk memberi peluang-peluang kepada kaum bumiputera khususnya berkecimpung dalam kegiatan perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan cadangan-cadangan yang berkaitan dengan Kementerian saya. Saya berharap semua perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat telah dapat saya jelaskan. Jika ada perkara-perkara yang tertinggal, ianya juga akan diambil perhatian oleh Kementerian saya untuk tindakan sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh.

5.27 ptg.

Timbalan Menteri Buruh (Datuk William Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh sedikit sebanyak mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Buruh pada sepanjangan perbahasan atas Rancangan Malaysia Kelima ini. Semua pandangan, teguran dan

cadangan-cadangan dari Ahli-ahli Yang Berhormat itu sudah tentu akan mendapat perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya oleh Kementerian saya. Saya tidak bercadang menjawab satu persatu perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat oleh kerana banyak daripadanya telah pun diberi jawapan dalam masa Soal Jawab pada sepanjang sidang Dewan yang mulia ini.

Walau bagaimanapun, saya ingin mengambil peluang ini untuk memberi sedikit penjelasan ke atas beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kepong, Ulu Nerus, Kuala Lumpur Bandar dan Bruas. Di antara lain, Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah menyentuh tentang kemudahan asas dan perkhidmatan kesihatan di setengah-setengah estet yang kurang memuaskan serta ingin mengetahui langkah-langkah positif Kerajaan untuk memperbaikinya. Manakala Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus berpendapat bahawa sebab-sebab utama mengapa setengah-setengah tenaga pekerja tempatan tidak berminat bekerja di sektor perladangan ialah kerana suasana kerja yang kurang menarik yang terdapat dalam sektor tersebut seperti upah yang rendah dan tidak tetap, keadaan perumahan yang tidak memuaskan dan kekurangan usaha yang bersungguh-sungguh untuk menarik tenaga pekerja di dalam sektor perladangan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sukalah saya memberitahu bahawa pada keseluruhannya suasana pekerjaan di sektor perladangan adalah tidak begitu buruk seperti yang telah digambarkan oleh setengah-setengah pihak. Di ladang-ladang kepunyaan ahli-ahli MAPA, kadar gaji dan syarat-syarat pekerjaan

adalah munasabah dan setanding dengan apa yang terdapat di sektor-sektor yang lain seperti sektor pembuatan.

Rumah-rumah pekerja juga dibina mengikut piawaian minima yang ditetapkan di bawah Akta (Piawaian Minima) Perumahan Pekerja, 1966. Kemudahan hospital juga dinikmati oleh pekerja-pekerja ladang di estet-estet tempat mereka bekerja. Jika tidak akan kemudahan hospital estet, majikan ladang berkenaan diwajibkan menyediakan pengangkutan ke hospital Kerajaan yang berhampiran bagi pekerja-pekerja yang sakit. Pada keseluruhannya pencapaian bekalan kemudahan awam seperti air, elektrik dan jalanraya adalah lebih baik di ladang-ladang jika dibandingkan dengan kemudahan yang terdapat di kawasan-kawasan luar bandar yang lain. Sekiranya terdapat masalah perumahan seperti atap bocor, lantai pecah, keadaan perumahan buruk atau kotor, bekalan air tidak memuaskan dan lain-lain, tindakan mengikut Akta (Piawaian Minima) Perumahan Pekerja, 1966 akan diambil dengan sewajarnya oleh Kementerian saya.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa masalah perumahan adalah berjenis-jenis dan ia memerlukan masa untuk mengatasinya. Namun begitu, usaha untuk mengatasi perkara ini adalah merupakan proses berterusan. Pegawai-pegawai dari Kementerian Buruh dalam rangka lawatan mereka ke estet-estet, sama ada lawatan pemeriksaan biasa ataupun lawatan pemeriksaan mengejut untuk menyasiat aduan juga akan sentiasa memeriksa kemudahan perumahan pekerja. Jika terdapat kawasan perumahan itu tidak bersih, seperti sampah-sampah tidak dikutip, longkang pecah, air bertakung, lalang atau rumput-rumpai tidak dipotong dan lain-lain, tindakan perlu akan

diambil bagi mengatasi perkara-perkara tersebut. Pegawai-pegawai buruh juga sentiasa memastikan bahawa sesuatu kawasan perumahan pekerja estet harus diperiksa setiap hari oleh Pembantu Hospital Estet atau orang lain yang bertanggungjawab supaya kawasan perumahan dan sekelilingnya itu adalah bersih, selaras dengan taraf kesihatan yang munasabah. Sekiranya terdapat pihak majikan yang tidak berbuat demikian, tindakan yang sewajarnya akan diambil di bawah Kanun Buruh (Labour Code) termasuk arahan bertulis kepada majikan-majikan berkenaan untuk memperbaiki kedudukan dalam jangka masa yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak dapat dinafikan bahawa memang terdapat setengah-setengah estet, khususnya bukan ahli MAFA yang mempunyai kemudahan yang kurang memuaskan. Dalam keadaan ini, Kementerian Buruh sentiasa berusaha menasihatkan majikan-majikan yang berkenaan supaya memperbaiki lagi kemudahan-kemudahan mereka termasuk kadar gaji dan syarat-syarat pekerjaan.

Sebagai salah satu daripada langkah-langkah Kerajaan untuk menggalakkan lebih ramai pekerja-pekerja tempatan, khususnya para penganggur untuk bekerja di dalam estet-estet, sebuah jawatankuasa kecil di bawah Jawatankuasa Penyelaras mengenai pemberhentian pekerja-pekerja akan mengawasi keadaan kemudahan asas di ladang-ladang dan memperakukan apa-apa yang perlu dan wajar untuk meningkatkan lagi taraf kehidupan para pekerja estet.

Mengenai pengupahan buruh-buruh asing termasuk pendatang-pendatang haram di sektor perladangan dan juga di sektor pembinaan, perhatian yang serius sedang diberi oleh Kerajaan. Serbuan-serbuan ke tapak-tapak

pembinaan telah diadakan pada 27hb Februari tahun ini dan 28hb Februari di sekitar Wilayah Persekutuan dan Selangor dan pada 9hb Mac dan 10hb Mac, 1986 di sekitar Johor Bahru sebagai langkah positif untuk memperketatkan lagi kawalan. Tindakan untuk mendakwa majikan-majikan yang terlibat sedang dijalankan di bawah Akta Sekatan Kerja, 1968. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, serbuan-serbuan akan terus diperbanyakkan dengan tujuan untuk memastikan supaya Akta Sekatan Kerja akan dipatuhi dengan sepenuhnya oleh para majikan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah menyentuh tentang kadar pengangguran negara yang kian meningkat. Beliau juga sedikit sebanyak meragui tepatnya jumlah angka 43,844 orang yang telah diberhentikan sepanjang tahun 1985.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, sukalah saya menegaskan bahawa angka ini adalah hasil dari satu kajian yang menyeluruh dijalankan oleh Kementerian Buruh yang meliputi seluruh negara termasuk negeri Sabah dan Sarawak dengan mengambil kira sumbangan dari Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan yang lain dan juga sektor-sektor industri yang terlibat. Pendek kata, Kementerian Buruh telah mengumpulkan data-data ini dengan kerjasama semua pihak yang mempunyai maklumat mengenai pemberhentian kerja termasuk pengurusan restoran, hotel, pasaraya dan mini market yang ditemubual di seluruh negara. Boleh dikatakan bahawa apa-apa yang wajar dan praktikal untuk memperoleh maklumat yang lengkap dan kemaskini telah dilakukan. Oleh yang demikian, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar dan lain-lain Ahli Yang Berhormat boleh menaruh

keyakinan dalam angka yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Buruh di dalam Dewan yang mulia ini dalam masa soal-jawab pada 11hb Mac, 1986.

Berhubung dengan pandangan Ahli Yang Berhormat itu supaya satu badan ditubuhkan khusus untuk mengawasi dan bertindak bagi menghadapi masalah pemberhentian kerja secara beramai-ramai pula, sukalah saya memberitahu bahawa satu badan sedemikian iaitu badan-badan petugas peringkat Negeri dan jawatankuasa penyelaras mengenai pemberhentian pekerja di peringkat Persekutuan telah ditubuhkan. Sebenarnya aktiviti badan-badan petugas dan jawatankuasa penyelaras ini adalah tertumpu kepada tugas-tugas seperti Ahli Yang Berhormat ingin amanahkan kepada badan cadangan beliau.

Di antara tugas-tugas utama badan-badan petugas tersebut ialah untuk memperlancarkan proses pengenehan pekerja dan jika ia perlu diadakan, ia harus diadakan hanya sebagai satu langkah terakhir selaras dengan tatacara keharmonian perindustrian yang telah dipersetujui oleh pihak Kerajaan, pihak majikan dan kesatuan sekerja dalam tahun 1975.

Haruslah juga ditegaskan di sini bahawa badan-badan petugas ini akan cuba berusaha untuk membantu mendapatkan pekerjaan alternatif yang sesuai bagi pekerja-pekerja yang telah diberhentikan mengikut kelayakan, kemahiran dan minat mereka. Di samping itu juga, Jabatan Tenaga Rakyat di bawah Kementerian saya juga akan berusaha bersungguh-sungguh untuk menempatkan pekerja-pekerja yang telah pun mendaftarkan diri dengan Jabatan tersebut.

Sebagai contoh, saya ingin memaklumkan bahawa di negeri Pulau

Pinang bagi tempoh dari 1hb Januari, 1985 sehingga 28hb Februari, 1985 didapati sebanyak 7,607 pekerja telah diberhentikan dan dalam tempoh yang sama Badan Petugas Negeri tersebut telah berjaya menempatkan seramai 263 pekerjaan sementara Jabatan Tenaga Rakyat telah menempatkan seramai 162 pekerjaan. Dengan lain perkataan, sejumlah 425 orang telah diberikan pekerjaan yang alternatif.

Dengan penubuhan pasukan petugas di negeri-negeri dewasa ini seperti Selangor, Kelantan, Kedah dan Perak maka usaha untuk menempatkan pekerja-pekerja yang diberhentikan boleh dipertingkatkan lagi. Saya juga ingin menegaskan di sini bahawa aktiviti-aktiviti badan-badan petugas juga melibatkan penyertaan wakil-wakil majikan dan juga wakil-wakil pekerja.

Oleh yang demikian bolehlah dikatakan bahawa aturcara yang dilaksanakan adalah mencukupi dan tindakan-tindakan yang lebih luas seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar adalah tidak perlu buat sementara waktu.

Mengenai cadangan untuk mewajibkan majikan memberi notis 6 bulan sebelum pemberhentian pekerja-pekerja mereka pula, sukalah saya menyatakan di sini bahawa ia adalah satu cadangan yang baik tetapi adalah tidak begitu praktikal. Adalah sangat sukar bagi sesuatu perniagaan untuk mengamalkan bahawa syarikatnya akan ditutup dalam jangka masa 6 bulan yang akan datang. Oleh kerana pemberhentian pekerja-pekerja adalah merupakan langkah yang terakhir bagi sesuatu majikan untuk menyelamatkan perniagaannya, maka majikan tersebut adalah digalakkan untuk mengadakan perbincangan dan perundingan

dengan para pekerja ataupun kesatuan mereka sebelum sesuatu tindakan pemberhentian kerja itu dilakukan.

Berhubung dengan pandangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Beruas mengenai pengangguran di kalangan siswazah pula, inginlah saya memberitahu bahawa Kerajaan telah memutuskan untuk menubuhkan satu pasukan sukarela yang berbentuk lebih kurang sama dengan Peace Corps, Amerika Syarikat, sebagai satu langkah jangka pendek untuk mengatasi masalah. Butir-butir lanjut mengenainya sedang ditentukan oleh agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan termasuk Kementerian saya sendiri.

Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul di atas nama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan masalahnya ialah seperti berikut:

Bahawa Dewan ini menyedari kemajuan yang telah dicapai dalam usaha melaksanakan Rancangan Malaysia Keempat, bersetuju dengan usaha-usaha Kerajaan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru untuk mencapai tujuan utama, iaitu perpaduan negara serta mengekalkan keamanan dan keselamatan; melulus dan menyetujui Rancangan Malaysia Kelima yang telah dirangka untuk menyesuaikan dan menumpukan dasar-dasar dan program-program bagi mengekalkan perkembangan sosio-ekonomi dan menjamin kestabilan ekonomi dalam jangka panjang serta meneruskan langkah-langkah untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bilangan 15 tahun

1986. Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kelima ini, Dewan menyeru semua rakyat Malaysia dari segenap lapisan untuk berusaha dengan lebih gigih lagi serta melengkapkan diri mereka untuk menghadapi cabaran sosio-ekonomi dan politik yang lebih besar selaras dengan hasrat Rukunegara dan bersatupadu untuk mewujudkan negara yang adil, progresif dan kukuh.

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini menyedari kemajuan yang telah dicapai dalam usaha melaksanakan Rancangan Malaysia Keempat, bersetuju dengan usaha-usaha Kerajaan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru untuk mencapai tujuan utama, iaitu perpaduan negara serta mengekalkan keamanan dan keselamatan; melulus dan menyetujui Rancangan Malaysia Kelima yang telah dirangka untuk menyesuaikan dan menumpukan dasar-dasar dan program-program bagi mengekalkan perkembangan sosio-ekonomi dan menjamin kestabilan ekonomi dalam jangka panjang serta meneruskan langkah-langkah untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bilangan 15 tahun 1986. Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kelima ini, Dewan menyeru semua rakyat Malaysia dari segenap lapisan untuk berusaha dengan lebih gigih lagi serta melengkapkan diri mereka untuk menghadapi cabaran sosio-ekonomi dan politik yang lebih besar selaras dengan hasrat Rukunegara dan bersatupadu untuk mewujudkan negara yang adil, progresif dan kukuh.

USUL

AKTA KASTAM 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 50) 1985;
 Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 51) 1985;
 Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 53) 1985;
 Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 54) 1985;
 Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 55) 1985;
 Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 56) 1985;
 Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 57) 1985;
 Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 58) 1985;
 Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 59) 1985;
 Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1986;
 Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2) 1986,

5.46 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Oo Gin Sun): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan padanya oleh subseksyen (2) seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 50) 1985;
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 51) 1985;
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 53) 1985;
- (iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 54) 1985;
- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 55) 1985;

- (vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 56) 1985;
- (vii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 57) 1985;
- (viii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 58) 1985;
- (ix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 59) 1985;
- (x) Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1986;
- (xi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2) 1986,

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut, Bilangan 38 hingga 48 tahun 1986 disahkan.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 50) adalah bertujuan untuk:

- (i) Mengurangkan kadar duti import atas beberapa jenis, dengan izin, "concentrates" minuman keras dari kadar asalnya yang mana adalah antara \$11.20 hingga \$14.50 seliter kepada \$10 seliter. Pengurangan ini perlu dibuat kerana kadar duti yang asal itu adalah terlalu tinggi dan ini menjejaskan perniagaan pembotol-pembotol minuman keras tempatan yang menggunakan bahan tersebut dalam pengeluaran mereka;
- (ii) Menaikkan duti import atas samsoo dan arak bertujuan untuk menyamakan duti tersebut dengan duti import atas "concentrates" minuman keras;
- (iii) Menaikkan duti import atas "liqueur" bertujuan untuk menyamakan duti tersebut dengan duti import atas minuman keras jenis lain.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 51) 1985 pula bertujuan untuk memberi perlindungan tarif tambahan dalam bentuk duti import spesifik kepada pengeluar, dengan izin, "audio magnetic webs", tempatan yang kini menghadapi persaingan daripada pengimport barangan tersebut.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 53) 1985 adalah untuk mewujudkan nombor kepala tarif baru khusus untuk, dengan izin, "insecticide aerosol" dan mengenakan 5% duti import bagi tujuan menyamakan duti barangan tersebut dengan duti atas kebanyakan barang-barang pengguna yang lain.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 54) 1985 adalah untuk memansuhkan duti import ke atas beberapa jenis mesin yang tidak dikeluarkan dalam negara ini akan tetapi digunakan di dalam industri percetakan bertujuan untuk membantu industri tersebut.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 55) 1985 adalah untuk menyamakan duti import bagi, dengan izin, "fuse switches" dan "switch fuses" pada kadar 4%. Langkah ini perlu bagi menghalang pengimport-pengimport mengambil kesempatan mengimport "fuse switches" yang mana duti importnya 40% dan mengikrarkannya di bawah "switch fuses" yang berduti import 15% bertujuan menentukan supaya perlindungan tarif ke atas syarikat tempatan tidak terjejas.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 56) 1985 adalah untuk menghadkan sehingga \$80 setan duti eksport ke atas minyak kelapa sawit, dengan izin, "Refined Bleached Dedorised", dalam kategori 3 dan 6 Red bertujuan menghapuskan kejadian Singapore Cocktail.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 57) 1985 pula adalah bertujuan

untuk menaikkan duti import ke atas, dengan izin, "quick lime, slaked lime/hydrated lime", daripada 5% kepada 30% bagi memberi perlindungan tarif kepada pengeluar-pengeluar tempatan yang menghadapi saingan hebat daripada pengimportan barang-barang tersebut.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 58) 1985 untuk menurunkan kadar duti import ke atas permaidani jut daripada 40% kepada 10% bertujuan memberi keistimewaan kepada Bangladesh supaya membolehkan negara itu mendapat pasaran permaidani jutnya di negara ini.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 59) 1985 ialah untuk memansuhkan duti import 5% ke atas, dengan izin, "rough diamonds unsorted" bertujuan membolehkan bahan tersebut menikmati kedudukan yang sama dengan "polished diamonds unmounted" yang tidak dikenakan duti import.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1986 adalah bertujuan menentukan supaya semua keluaran sampingan biji dan isirong kelapa sawit tidak dikenakan apa-apa duti eksport.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2) 1986 adalah bertujuan untuk mewujudkan nombor kepala tarif baru khusus untuk simen "Fondu" dan mengenakan duti import sebanyak 3% sahaja kerana ianya tidak dikeluarkan di dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas. Sekarang saya kemukakan masalah bagi

diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan yang berbunyi:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh subseksyen (2) seksyen 11, Akta Kastam 1967. Perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 50) 1985;
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 51) 1985;
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 53) 1985;
- (iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 54) 1985;
- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 55) 1985;
- (vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 56) 1985;
- (vii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 57) 1985;
- (viii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 58) 1985;
- (ix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 59) 1985;
- (x) Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1986; dan
- (xi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2) 1986,

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut, Bilangan 38 hingga 48 tahun 1986 disahkan.

hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya

oleh subseksyen (2) seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 50) 1985;
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 51) 1985;
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 53) 1985;
- (iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 54) 1985;
- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 55) 1985;
- (vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 56) 1985;
- (vii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 57) 1985;
- (viii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 58) 1985;
- (ix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 59) 1985;
- (x) Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1986; dan
- (xi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2) 1986 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut, Bilangan 38 hingga 48 tahun 1986 disahkan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1985)

Bacaan Kali Yang Kedua

5.55 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan

bahawa Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1985 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu", dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah \$2,099,509,560 dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua, 1985. Sebenarnya peruntukan tambahan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua, 1985 adalah berjumlah \$2,259,542,560. Tetapi, sebanyak \$2,099,509,560 sahaja diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini, kerana baki daripada jumlah peruntukan tersebut sebanyak \$160,033,000 adalah merupakan Perbelanjaan Tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan undang-undang tertentu. Peruntukan tambahan ini adalah diperlukan bagi membiayai perbelanjaan yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan secukupnya dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus 1985 yang asal dan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama, 1985.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan terbesar sebanyak \$2,000 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B. 30—Peruntukan kepada Kumpulanwang Terkanun untuk dipindahkan kepada "Kumpulanwang Pembangunan" bagi membiayai projek-projek pembangunan Kerajaan. Dengan tambahan ini, peruntukan kepada Kumpulanwang Pembangunan dalam tahun 1985 berjumlah \$3,000 juta iaitu termasuk \$1,000 juta yang telah diluluskan dalam Anggaran Asal 1985.

Di samping itu, tambahan sebanyak \$54 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B. 29—Perkhidmatan Am Perbendaharaan. Tambahan ini diperlukan untuk membolehkan Kerajaan menyerahkan kepada Keretapi Tanah Melayu bayaran pampasan ke atas pengambilan-balik tanah miliknya oleh Kerajaan Singapura di Republik tersebut. Bayaran pampasan bagi pengambilan-balik tanah tersebut telah pun diterima oleh Kerajaan Malaysia daripada Kerajaan Singapura.

Selain dari itu, tambahan sebanyak \$35 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B. 33—Kementerian Perusahaan Awam sebagai pemberian kepada Lembaga Padi dan Beras Negara bagi menambah modal Lembaga tersebut untuk membeli padi tempatan.

Yang lain-lainnya adalah merupakan tambahan-tambahan kecil untuk berbagai perkhidmatan di bawah lain-lain Kementerian dan Jabatan. Butir-butir dan keterangan-keterangan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua, 1985 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 10 Tahun 1986 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 11 Tahun 1986.

Tuan Yang di-Pertua, dengan tambahan sebanyak \$2,099,509,560 yang diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini, maka Anggaran Perbelanjaan Bekalan bagi tahun 1985 berjumlah \$16,382,808,140. Jika dimasukkan Anggaran Perbelanjaan Tanggungan yang berjumlah \$7,577,291,200 maka jumlah besar Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 1985 menjadi \$23,960,099,340.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya mengemukakan pula cadangan bagi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 1985 berjumlah \$1,508,889,932. Dari jumlah tersebut, sebanyak \$197,346,170 adalah Perbelanjaan Cara Langsung dan sebanyak \$1,311,543,762 adalah Perbelanjaan Pinjaman. Peruntukan tambahan ini adalah diperlukan bagi membiayai perbelanjaan yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan secukupnya dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 1985 yang asal dan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1985. Dengan cadangan tambahan ini, maka jumlah besar peruntukan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 1985 menjadi \$9,389,389,686.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan terbesar adalah dikehendaki di bawah Sektor Sosial, iaitu berjumlah \$771.8 juta atau 51.2% daripada jumlah peruntukan tambahan yang dicadangkan. Tambahan tersebut termasuklah sebanyak \$768 juta untuk menambah peruntukan pinjaman bagi membiayai Skim Pinjaman Perumahan kepada kakitangan Kerajaan.

Di samping itu, tambahan sebanyak \$666.2 juta atau 44.1% daripada jumlah peruntukan tambahan yang dicadangkan ini adalah untuk Sektor Ekonomi. Jumlah tersebut termasuklah sebanyak \$300 juta yang dikehendaki oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia untuk membiayai bayaran kemajuan bagi pembinaan lebuhraya-lebuhraya; sebanyak \$125.5 juta adalah dikehendaki sebagai peruntukan pinjaman kepada "Sabah Energy Corporation" untuk membiayai projek Sabah Gas Grid; sebanyak \$109 juta untuk menampung pengeluaran peruntukan pinjaman

bagi membiayai projek Urea/Amonia ASEAN (Malaysia) dan sebanyak \$76.8 juta adalah dikehendaki oleh Pihak Berkuasa Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) untuk membiayai program tanaman semula dan pembangunan pekebun-pekebun kecil.

Selain dari itu, sebanyak \$70.6 juta atau 4.7% daripada jumlah peruntukan tambahan yang dicadangkan ini adalah untuk Sektor Keselamatan. Di bawah sektor ini, tambahan terbesar sebanyak \$65.8 juta ialah untuk membiayai projek-projek pembangunan Tentera Darat, Tentera Laut dan Tentera Udara.

Yang lain-lainnya adalah merupakan tambahan-tambahan kecil, termasuklah peruntukan tanda "\$10" bagi membiayai beberapa butiran (projek) di bawah berbagai sektor.

Tuan Yang di-Pertua, butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1985 adalah seperti yang dinyatakan dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 12 Tahun 1986 dan juga dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 13 Tahun 1986.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengemukakan Usul mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 1985 selepas ucapan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob):
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 2) 1985

6.06 ptg.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Usul yang dikemukakan atas nama Menteri Kewangan dalam Aturan Urusan Mesyuarat yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$1,508,889,932 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun Kewangan 1985, untuk menampung sejumlah \$1,508,889,932 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1985 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 12 Tahun 1986 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut diedarkan kepada Jawatankuasa sesebuah Majlis.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk

perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1985 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun ini, dibaca kali yang kedua sekarang dan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sesebuah Majlis sekarang, kedua-dua masalah tersebut terbuka untuk dibahas.

6.08 ptg.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Dewan ini diminta untuk meluluskan peruntukan tambahan sebanyak \$1,508,889,932 bagi membiayai perbelanjaan yang dibuat oleh berbagai-bagai Kementerian Kerajaan, di samping mengantikan pendahuluan-pendahuluan sebanyak \$2,099,509,560 daripada Kumpulanwang Luar Jangka, sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Saya ingin mengingatkan bagi pihak Kerajaan supaya berhati-hati ketika membuat perbelanjaan-perbelanjaan, terutama sekali dalam masa kemelesetan ekonomi. Seimbab lalu, perbelanjaan tambahan ini memanglah sah dan berpatutan, akan tetapi isu yang pokok adalah sama ada perbelanjaan ini diguna dengan sepenuh-penuhnya dalam projek-projek yang dibentang atau seperti sediakalanya sebahagiannya dibazirkan sahaja.

Sama ada kemudahan-kemudahan kredit yang disediakan oleh pihak Kerajaan dapat diguna oleh kumpulan orang yang disasarkan atau tidak jugalah dipersoalkan, dan soalan ini adalah penting. Sekadar memberikan peruntukan kepada perbadanan-perbadanan Kerajaan tidaklah mencukupi, ianya hanya menjadi satu

usaha yang sia-sia sahaja jika rakyat tidak beroleh faedah daripada projek-projek Kerajaan. Contohnya, Tuan Yang di-Pertua, jumlah \$999,000 dikehendaki oleh Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) untuk membiayai projek infrastruktur asas. Menurut seorang cendekiawan tempatan tugas serta tanggungjawab yang dipikul oleh PERDA tidaklah jelas dan ini telah menghadkan kekuasaannya untuk menolong orang ramai kerana rakyat mempunyai pengetahuan yang samar-samar sahaja mengenai setakat manakah PERDA ini dapat menolong mereka dan juga dalam bidang yang sama.

Inilah satu contoh yang menunjukkan tanggungjawab dan tugas yang kurang jelas yang sekiranya diteruskan tidak akan membawa faedah yang berpatutan. Selain daripada ini pihak Kerajaan juga harus mempertingkatkan disiplin dan pertanggungjawabkan kewangan di kalangan pegawai-pegawai dan kakitangannya. Disebabkan oleh masalah kekurangan disiplin dan tanggungjawab di kalangan kakitangan Kerajaan ribuan juta daripada dana awam telah lupus dengan begitu sahaja. Misalnya skim wang pinjaman perumahan yang dikelolakan oleh pihak Perbendaharaan perlukan sebanyak \$769 juta untuk menambah peruntukan sekarang ini. Ini bukanlah satu amaun yang kecil. Jika kita menggunakan cara perakaunan Kerajaan dalam perkara ini sebagai pengukur kepada sikapnya terhadap perbelanjaan wang tersebut kita akan mendapati bahawa Kerajaan tidak cukup serius dalam usahanya untuk mengesyorkan wang pinjaman ini dikembalikan. Dalam Laporan Ketua Audit Negara ke atas akaun Kerajaan Persekutuan tahun 1983 kita boleh mendapati kerja seperti sekurang-kurangnya 15 dari 422 kes pinjaman yang dibuat tidak mempunyai cagaran

yang sempurna, setengah-setengah kes faedah denda tidak dikenakan ke atas kelewatan membayar balik dan bila dikenakan denda kadarnya adalah 4% sahaja dan bukanlah mengikut kadar pasaran bagi mereka yang telah meletakkan jawatan dalam perkhidmatan Kerajaan. Di samping ini penyata-penyata kewangan dan rekod baki pinjaman perumahan yang kena dibayar balik pada 31hb Disember, 1983 sebagai \$4,039 juta. Manakala mengikut kiraan Juruaudit-juruaudit, pihak Ketua Audit Negara, didapati amaun yang kena dibayar balik ialah lebih kurang \$4,400 juta. Terdapat juga perbezaan sebanyak \$3.18 juta bersih di antara baki-baki pelbagai akaun dalam Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan dengan baki-baki di dalam buku-buku Akauntan Negara yang masih belum disesuaikan.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia juga tidak tertinggal di dalam perkara kekurangan disiplin kewangan. Lembaga ini telah melancarkan berbagai-bagai projek lebuhraya dan jambatan tanpa kajian mendalam ke dalam darjah penggunaan serta sama ada kita mampu atau tidak untuk mengadakan sesuatu projek. Jika ada kajian pun, kajian ini nampaknya tidak begitu sempurna. Umpamanya baik sekali Jambatan Pulau Pinang di mana pihak Kerajaan sekarang terpaksa menanggung kadar pembayaran balik hutang sebanyak \$70 juta setahun, tetapi hanya berjaya untuk mengutip bayaran tol pada kadar \$19 juta setahun. Bakinya adalah ditanggung oleh Kerajaan iaitu oleh rakyat. Ini satu contoh menunjukkan walaupun ada rancangan, walaupun ada kajian, walaupun peruntukan diminta daripada Dewan yang mulia ini, akan tetapi projek seperti Jambatan Pulau Pinang walaupun di dalam jangkamasa panjang akan memainkan satu

peranan, akan tetapi kalau dikira dari segi jumlah, dari segi amaun wang yang diperbelanjakan sekarang, adakah ini wajar bagi masa sekarang? Itulah soalan yang pokok.

Selain dari ini ada satu lagi projek pembinaan Lebuhraya iaitu Lebuhraya Utara—Selatan (North-South Express Way) yang dianggarkan akan memakan belanja \$6 billion daripada pembiayaan pinjaman luar negeri. Menjelang tahun 1989 Lembaga ini akan terpaksa membayar \$900 juta sebagai bunga pinjaman. Sebenarnya lebuhraya ini buat masa sekarang bukanlah satu keperluan yang mendesak, ianya mungkin tidak diperlukan langsung jika perkhidmatan bas dan keretapi dapat diperbaiki. Jadi, saya mintalah Yang Berhormat menjelaskan betapa perlunya projek seperti ini buat masa sekarang ketika ekonomi yang kian merosot ini.

Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua jelas ini menunjukkan bahawa setengah daripada Jabatan Kerajaan suka membelanjakan wang beribu-ribu juta ringgit ke atas projek-projek negara walhal penyelesaian yang lebih murah memang wujud. Ini pula membawa kepada persoalan sama ada kita perlu projek-projek pembangunan tentera darat, tentera laut dan tentera udara yang bernilai berjuta-juta ringgit, jika kapal-kapal, kapal terbang-kapal terbang dan lain-lain kelengkapan, sebahagian besarnya digunakan untuk latihan dan gerakan-gerakan tentera dengan negara-negara jiran. Misalnya baru-baru ini Tentera Laut DiRaja Malaysia menerima 4 buah MCMV Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, Mine Counter Measure Vessel, 3 tahun selepas pembeliannya. Mengikut Timbalan Ketua Tentera Laut kapal-kapal tersebut pada sebahagian besarnya akan terlibat dalam kegiatan melatih anak-anak kapal serta gerakan-gerakan tentera

dengan negara-negara jiran. Keempat-empat kapal ini bernilai sejumlah \$400 juta. MCMV ini juga tidak boleh digunakan untuk anti-submarine warfare kerana kelengkapan sona yang berlainan diperlukan. Ianya juga tidak dapat digunakan untuk membuat perondaan perairan negara kita kerana perbuatan sedemikian adalah sama dengan membawa kereta Roll Royce ke pasar.

Ini jelas sekali menunjukkan betapa membazirnya untuk membeli kapal-kapal yang bernilai \$400 juta semata-mata untuk latihan dan gerakan tentera sahaja. Jadi, sikap seperti inilah yang menjejaskan ekonomi negara dan mengakibatkan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan terpaksa mengembalikan kepada Dewan yang mulia ini untuk meminta wang lagi.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan wang \$35 juta yang didahulukan daripada Kumpulanwang Perbelanjaan Di luar Jangka kepada Lembaga Padi dan Beras Negara. Lembaga Padi dan Beras Negara telah tidak begitu cekap, tidak begitu berkesan untuk membasmi kemiskinan di kawasan-kawasan penanaman padi yang berada di luar kawasan Muda dan Kemubu yang masih mengalami kadar kemiskinan yang tinggi. Bahagian petani yang miskin mendapat pendapatan bulanan yang kurang daripada \$40 sebulan. Pendek kata kita tidak dapat mengesyorkan yang wang pertambahan sebanyak \$889,932 telah dibelanjakan dengan cekap dan sepenuhnya untuk kepentingan rakyat.

Apa yang dapat kita simpulkan daripada beberapa contoh tadi adalah bahawa Kerajaan telah membazirkan sebahagian wangnya daripada dan awam dan ini pula telah meningkatkan beban hutang negara dan rakyat.

Memanglah tepat Laporan Tahunan Bank Negara bagi tahun 1985 yang mengatakan jenayah “kolar putih” seperti penyelewengan dalam pemberian pinjaman dan pecah amanah kian meningkat di dalam sistem kewangan negara dan ini dijelaskan di dalam Laporan Tahunan Bank Negara tahun lepas.

Yang tidak disebutkan adalah fakta bahawa penyakit ini juga tersibar luas di dalam sektor awam sama seperti bank-bank tempatan, Kerajaan juga mesti mengambil langkah-langkah untuk menjadikan diri sebagai teladan negara agar menyekat penghakisan moral, integriti dan kecekapan demi mengekalkan kepercayaan orang ramai terhadapnya. Ini saya berharap, Tuan Yang di-Pertua, termasuklah meminda Akta Syarikat Kewangan dan Akta-akta yang berlainan untuk mengetatkan sistem kewangan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, jabatan-jabatan Kerajaan patut menghadkan jumlah pinjaman serta perbelanjaannya jika mereka ini berbelanja dengan sewenang-wenangnya, Kerajaan Pusatlah yang terpaksa menanggung beban hutang kerana dana awam dan pulangan eksport yang tidak mencukupi akan memaksanya membuat pinjaman daripada kedua-dua sektor di dalam dan di luar negeri.

Kerajaan mesti mengingati bahawa ianya tidak berupaya untuk membiayai perbelanjaan jabatan-jabatan serta perbadanan-perbadananya seperti wang \$2 billion yang diperuntukkan kepada Kumpulanwang Terkanun sepanjang masa. Pinjaman mesti dikembalikan terutama sekali dalam kes Bank Pertanian Malaysia yang menghadapi hutang lapuk sebanyak \$94 juta pada tahun lepas. Ini masih belum kedengaran sebarang khabar mengenai wang ini dan saya berharap

hutang lapuk sebanyak \$94 juta ini dapat diperolehi semula, dapat dikembalikan. Kalau tidak, kita tidak mahu berlaku lagi satu skandal Bank Pertanian seperti berlaku dengan Bank Rakyat dan BMFnnya.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, sistem kewangan negara sangatlah perlu diperbaiki dengan menghapuskan jenayah “kolar putih” seperti penyelewengan dalam penerimaan pinjaman dan sebagainya. Inilah yang perlu untuk memastikan tidak berlakunya jenayah bank dan komersial yang sedang kita menyaksikan sekarang. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanjong.

6.25 ptg.

Dr Koh Tsu Koon (Tanjong): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyentuh sedikit mengenai isu perbelanjaan pembangunan, kerana isu ini telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong dan juga baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua, kita telah membahaskan dengan panjang lebar mengenai Rancangan Malaysia Kelima. Maka izinkanlah saya mengemukakan pandangan saya mengenai strategi perbelanjaan pembangunan bagi Kerajaan pada amnya.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya, sekiranya kita mengkaji secara objektif dan juga memandang ke hadapan, maka satu kesimpulan yang dapat dibuat ialah untuk menjamin satu kadar pertumbuhan ekonomi bagi negara kita sebanyak 5% setahun bagi tempoh 5 tahun yang akan datang, kita memerlukan perbelanjaan dan pada pendapat saya 5% ini sebagai satu sasaran masih boleh dicapai sekiranya

semua langkah-langkah pengubahsuaian struktur serta insentif-insentif bagi sektor swasta yang dicadangkan dapat dilaksanakan dengan berkesan dan cekap.

Namun demikian, kadar pertumbuhan bagi tahun ini iaitu 1986 dan tahun hadapan mungkin kurang daripada 5% kerana sudah nyatalah bahawa tahun sudah iaitu tahun 1985 adalah hanya 2.8% sahaja kadar pertumbuhan ekonomi kita. Ini adalah akibat dari kesan-kesan kemelesetan yang dijangka akan berterusan.

Oleh itu untuk mencapai kadar purata sebanyak 5% bagi lima tahun yang akan datang ini, Kerajaan haruslah menumpu dan meningkatkan, dengan izin, "gear-up" perbelanjaan pembangunan bagi dua tahun yang akan datang iaitu 1986-1987 supaya kesan-kesan akan dapat dirasai dan ekonomi dapat bertumbuh dengan pesat, dengan izin, take-off, dengan kadar lebih daripada 5% bagi tahun 1988-1990 supaya pada puratanya kadar 5% itu dapat dicapai.

Maka, Tuan Yang di-Pertua, soal pokok di sini bukanlah sama ada kita harus belanja atau tidak. Nampaknya kita tidak ada pilihan lain selain daripada meneruskan perbelanjaan awam. Apa yang harus kita tegaskan ialah strategi perbelanjaan iaitu perbelanjaan untuk apa dan bagaimana wang itu dibelanjakan.

Strategi perbelanjaan adalah lebih penting daripada amaun perbelanjaan itu. Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya, bagi Kerajaan khususnya bagi tempoh dua hingga tiga tahun yang akan datang ini, Kerajaan haruslah memberi keutamaan kepada projek-projek yang akan mendatangkan pulangan atau keuntungan ekonomi yang nyata dan langsung dalam jangka pendek, dengan izin, "short term direct economic returns", yang bukan sahaja akan mendatangkan faedah-faedah langsung kepada rakyat jelata tetapi juga memperansangkan aktiviti-aktiviti ekonomi sektor swasta dengan adanya kandungan tempatan yang tinggi, dengan izin, "high local content" yang akan mendatangkan "multiplier effects".

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Dr Koh Tsu Koon: Boleh saya sambung lagi?

Tuan Yang di-Pertua: Esok.

Dr Koh Tsu Koon: Ya, baik, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.